

Jilid I
Bil. 65



MALAYSIA

Hari Rabu
9hb Februari, 1972

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RA'AYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETIGA

Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA

First Session

KANDONGAN-NYA

USUL²:

Waktu Meshuarat dan Urusan Yang di-Bebaskan daripada Peratoran Meshuarat [Ruangan 7247]

Uchapan Penanggohan (Sijil² Kewarganegaraan kepada Pemohon² Lulus Ujian Bahasa Malaysia—Mengeluarkan) [Ruangan 7358]

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Dadah Berhahaya (Pindaan) [Ruangan 7247]

Rang Undang² (Perbadanan) St. John Ambulan Malaysia [Ruangan 7265]

Rang Undang² Pendaftaran Ahli Farmasi (Pindaan) [Ruangan 7275]

Rang Undang² Kanun Tanah Negara (Hakmilk Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan) [Ruangan 7278]

Rang Undang² Haiwan (Pindaan) [Ruangan 7282]

Rang Undang² Pehak-berkuasa Kemajuan Pertanian Muda [Ruangan 7289]

Rang Undang² Pehak-berkuasa Kemajuan Pertanian Kemubu [Ruangan 7316]

Rang Undang² Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara [Ruangan 7324]

Rang Undang² Persatuan Peladang (Pindaan) [Ruangan 7335]

Rang Undang² Persatuan Nelayan (Pindaan) [Ruangan 7350]

DICETAK OLEH

MOHD. DAUD BIN ABDUL RAHMAN, KETUA PENGARAH PERCETAKAN

KUALA LUMPUR

1972

MALAYSIA
DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Rabu, 9hb Februari, 1972

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., J.M.N., P.J.K., S.P.M.S. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Lipis).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P., J.S.M. (Sungei Patani).
- „ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (LIMBANG-LAWAS).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).

Yang Berhormat TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).

- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Luboh Antu).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).

Yang Berhormat TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).

- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR :

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).

- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M.,
P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).

Yang Berhormat DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).

- „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ TAN SRI KHAW KAI-BOH, P.M.N., P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN PETER LO SU YIN (Sandakan).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P., J.M.N. (Sabak Bernam).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Tugas² Khas, DR LIM KENG YAIK (Di-lantek).

DO'A

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Meshuarat)

**WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN
YANG DI-BEBASKAN DARIPADA
PERATORAN MESHUARAT**

(Usul)

Menteri Kesihatan (Tuan Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-
chadangkan:

Bahawa walau apa pun peruntukan Per-
atoran Meshuarat 12, Dewan ini tidak
akan di-tanggohkan hari ini hingga pukul
8.30 malam.

**Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji
Abdul Taib bin Mahmud):** Tuan Yang di-
Pertua, saya menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-
setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa walau apa pun peruntukan
Peratoran Meshuarat 12, Dewan ini tidak
akan di-tanggohkan hari ini hingga pukul
8.30 malam.

RANG UNDANG²

**RANG UNDANG² DADAH BER-
BAHAYA (PINDAAN)**

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi
menyambong sa-mula Perbahathan yang di-
tanggohkan atas masaaalah, "Bahawa Rang
Undang² ini di-bachakan kali yang kedua
sekarang" (8hb Februari, 1972).

**Tuan Haji Ahmad bin Sa'id (Seberang
Utara):** Tuan Yang di-Pertua, menyambong
uchapan saya semalam membahathkan Rang
Undang² Dadah Berbahaya (Pindaan) tahun
1952 ini, saya ingin menegaskan bahawa
Kerajaan mesti-lah sentiasa mengawasi dan
mengambil tindakan sa-keras²-nya terhadap
orang² yang melanggar atau pun menyalah-
gunakan Undang² ini. Pindaan kapada
Sekshen 6 dan 9 ia-lah membolehkan Kera-
jaan meluaskan lagi kuasa untuk mengambil
tindakan terhadap orang² yang menyimpan
dan sa-bagai-nya. Dan Sekshen 10 ia-lah

hukuman yang lebeh berat lagi daripada yang
lalu. Ini ada-lah tujuan hendak menguat-
kuasakan Undang² ini. Sa-kira-nya perkara
ini tidak di-ambil tindakan yang tegas, saya
bimbang negara kita akan menjadi sa-bagai
sa-buah negara yang hilang moral-nya dan
menjadi sa-bagai satu perkara yang boleh
di-anggap benchana negara pada masa
hadapan, kerana kita dapati pada masa
sekarang di-negara² barat, mereka kebanya-
kan-nya menghadapi masaaalah orang
penageh² madat yang merosakkan moral dan
negara. Oleh yang demikian, Kerajaan mesti-
lah sentiasa bertindak tegas terhadap perkara
ini untuk menyelamatkan negara kita dari-
pada menjadi sa-buah negara rosak moral
ra'ayat-nya.

Tuan Yang di-Pertua, Undang² yang ada
sekarang ini tidak begitu ketat oleh kerana
menchegah orang menyimpan barang² ini
sahaja, yang sa-patut-nya Kerajaan mengada-
kan Undang² yang lebeh kuat lagi ia-itu
menangkap orang² yang ketageh atau pun
penageh madat atau pun narkotik ini sa-
bagaimana kita lakukan terhadap pengemis².
Pengemis² yang ada di-dalam bandar² di-
tangkap mereka itu dan di-kurong di-
rumah yang tertentu. Saya perchaya jikalau
Kerajaan mengadakan Undang² menangkap
penageh² ini harus dapat mengurangkan
orang² yang menjalankan usaha perniagaan
sa-chara haram, jikalau tidak ada penageh²,
orang² ini tentu-lah tidak dapat menjalankan
usaha² perniagaan dengan chara haram dan
mendapatkan wang dengan chepat-nya dan
menjadi kaya.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana kita
maseh ingat lagi pada masa penjajah dahulu
Kerajaan British memang menggalakkan
orang² kita menghisap chandu dan juga
memberi lesen untuk berniaga duit bunga sa-
bagai I.O.U. dan juga menggalakkan cheti²
mengeluarkan wang pinjaman dengan
chagaran harta².

Bagaimana sedeh-nya kita dapati orang²
kita yang menjadi mangsa kapada masaaalah
atau pun perkara yang tidak baik. Jadi, pada
masa sekarang kita ta' patut sa-kali membiar-
kan perkara ini berlaku memandangkan
kapada pengalaman² yang telah pun berlaku
di-masa British dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara penageh ini
ada berkaitan dengan kebudayaan hippies.
Jadi, kalau kita bacha surat-khabar sa-tiap

hari, kita boleh dapati ada sahaja dakwaan di-mahkamah terhadap orang² yang berkaitan dengan perkara ini. Jadi, jikalau kita tidak menchegeh betul², saya perchaya kebudayaan hippies pun akan meluas lagi. Puncta-nya ia-lah membiarkan orang menjadi penageh, jikalau kita boleh tahankan atau boleh kawalkan dengan rapi, maka negara kita pada masa akan datang akan menjadi selamat. Sa-bagaimana kita sedia ma'alum, orang² yang menjadi penageh kapada chandu, madat dan lain², kita dapati mereka ini hidup dalam dunia khayal, tidak mahu bekerja langsung, hidup di-atas asas orang lain dan kalau kita biarkan banyak di-antara belia² kita jadi orang² yang samacham ini, hanchor lebor-lah negara kita pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap pada masa sekarang ini dadah berbahaya ini diberikan kapada doktor² yang ada berlesen. Untuk mengawal lebeh rapi lagi, saya harap pehak Kementerian ini akan mengadakan satu peratoran supaya doktor² tidak boleh menyimpan dadah berbahaya ini, melainkan kapada ahli² farmasi yang bertauliah sahaja. Sa-kira-nya di-kehendaki ubat yang champor dengan dadah berbahaya ini mestilah di-keluarkan prescription oleh sa-orang doktor dan boleh di-bawa surat itu pergi kapada ahli farmasi dan ahli farmasi boleh keluaran ubat atau champoran ubat yang berkaitan. Ini akan memperketatkan lagi, sebab kalau kita biarkan tiap² doktor menyimpan dadah berbahaya ini bukan-lah doktor semua-nya baik, ada juga doktor yang tidak begitu baik, tidak ta'at kapada undang², ini-lah yang akan merosakkan negara kita, Tuan Yang di-Pertua.

Lagi satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, kita tentu tahu bahawa dalam negara kita ini ramai penageh² madat yang ada. Oleh yang demikian, patut sa-kali Kerajaan mengadakan sa-buah rumah pemulehan bagi orang² yang penageh itu. Dengan ini, jikalau pehak polis terdapat orang² yang menjadi penageh, terus tangkap mereka ini dan tempatkan mereka di-rumah pemulehan ini supaya dapat di-kawalkan oleh pakar² yang berkaitan, mengubati mereka supaya mereka ini menjadi orang biasa dan dapat-lah terus bekerja sa-bagaimana orang biasa juga.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara yang saya ingin tarek perhatian daripada Yang Berhormat Menteri, ia-itu

mengenai apa yang di-sebut sekarang ini chokelat berahi dan saya harap Yang Berhormat Menteri akan mengkaji supaya diadakan satu undang² yang kuat mengawal terhadap apa juga derivatives daripada Cantharides atau pun Spanish fly supaya jangan dapat di-beri atau di-jual di-merata² tempat yang akan merosakkan lagi belia² kita di-negeri ini. Dan yang kedua, mengenai ubat biji yang di-gunakan untuk peranchangan keluarga sekarang ini. Ini pun ada juga di-dapati pil² yang di-jual sa-bagai birth control atau pun boleh di-dapati di-dalam negara kita ini daripada orang² yang tidak bertanggung-jawab menjualkan pil² ini dan saya harap pehak Kementerian akan mengkaji dan mengambil tindakan yang keras terhadap orang yang menyalah-gunakan pil² birth control ini dan juga yang saya sebutkan tadi supaya perkara² ini dapat di-kawal dan moral bagi warganegara kita ini terselamat daripada bahaya pada masa akan datang. Terima kaseh.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penoh Akta bagi meminda Ordinan Dadah Berbahaya, 1952 yang di-bentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di-dalam Dewan ini. Perkara yang amat menarek perhatian saya ia-lah mengenai hukuman yang lebeh berat kapada mereka² yang melanggar undang² dan peratoran saperti yang termaktub di-dalam Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, masaalah chandu, masaalah ganja dan lain² lagi yang termasuk di-dalam istilah dadah berbahaya ini sudah mula di-peredarkan di-dalam tanah ayer kita ini. Pada peringkat permulaan-nya kita rasa tidak begitu hebat, tetapi dari sa-masa ka-samasa dan sa-hingga-lah ka-masa ini nampak-nya sudah mula melarat kapada kanak² sekolah dan kalau tidak salah ingatan saya, ada suatu masa di-dalam akhbar menyiarkan bahawa pehak polis telah dapat menangkap kanak² sekolah di-suatu tempat di-dalam tanah ayer kita ini dan kanak² sekolah itu konon-nya di-jadikan sa-bagai suatu alat oleh orang yang benar² hendak memperniagakan benda ini supaya kanak² sekolah tadi di-jadikan ejen, di-jadikan penjual kechil, penjual runchit kapada orang² yang memang menjadi kaki ganja atau pun orang yang memang suka menghisap chandu dan ganja atau sa-bagai-nya di-dalam tanah ayer kita ini. Dengan tipu helah yang saperti ini mereka akan dapat melarikan daripada

penyiasatan polis atau dapat mengelakkan diri supaya orang yang benar² bertanggungjawab tidak dapat di-kesan oleh pehak polis.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mendapat suatu ma'lumat sama ada perkara ini benar atau tidak dan ini perlu di-buat penyiasatan, ada tuduhan yang mengatakan tidak kurang dari pegawai² Kerajaan yang ada di-dalam Jabatan Kastam ikut sama. Ini bukan ramai, Tuan Yang di-Pertua, tetapi sa-bilangan kecil, ikut sama menyertai perniagaan ganja atau pun chandu ini, sa-hingga ada orang yang mengatakan kalau kita mengadakan pemereksaan mengejut di-setor Kerajaan, di-setor Pelabohan Klang sekarang, yang dinamakan Pelabohan Klang, mungkin terdapat benda ini. Jadi, erti-nya orang² yang menjalankan perniagaan mengedarkan benda ini ada kontek-nya dengan pegawai² tertentu di-dalam Jabatan Kastam atau pun pegawai² tertentu yang di-tempatkan di-pelabohan sana.

Tuan Yang di-Pertua, kita pernah menyebutkan perkataan ganja, perkataan chandu, tetapi tidak merupakan satu perkara mustahil bahawa semua orang bukan-nya mengenali sunggoh² chandu atau pun ganja dan juga perkara² yang termasuk di-dalam Dadah Berbahaya ini. Sebab itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, ada orang mengatakan kepada saya amat sukar untuk kita memberi kerjasama kepada Kerajaan bagi memberi ma'lumat bahawa orang ini ada mengedar, ada membawa chandu, atau pun ganja dan sa-bagai-nya kerana benda itu tidak dapat di-kenali. Biar-lah saya berterus terang di-dalam Dewan ini, saya sendiri pun kurang kenal, sa-belum daripada suatu masa di-perkenalkan dengan benda itu sa-chara terang².

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bagi mereka yang mengedarkan ganja, saya mendapat ma'lumat mereka selalu mengatakan benda ini ubat chelop kain. Sa-kali pandang, Tuan Yang di-Pertua, memang kita boleh perchaya kalau ganja ini ubat chelop kain dan kepada saya pernah di-tunjokkan oleh sa-orang bahawa ini ubat chelop kain, di-dalam beg ini. Saya memperchaya², tetapi sa-telah benda itu di-beritahu oleh orang lain kepada saya, bahawa ini ada-lah ganja maka saya rasa saya sudah tertipu. Jadi, dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengeshorkan kepada Kerajaan kalau benar² kita hendak menyekat masaalah ini daripada di-peredarkan sa-chara berleluasa di-dalam tanah ayer

kita ini perkara² yang termasuk di-dalam Dadah Berbahaya hendak-lah di-pamirkan kepada umum sa-chara terang saperti kita pamirkan di-Muzium Negara, supaya orang mengenali sunggoh² ini-lah dia ganja, ini-lah dia chandu dan ini-lah dia jenis² lain yang di-katakan Dadah Berbahaya dan dengan chara itu baharu-lah kita dapat pertolongan daripada orang ramai untuk mengesan dan memberi ma'lumat-nya kepada Kerajaan dan dengan chara itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menaruh keyakinan bahawa Rang Undang² yang ada di-hadapan kita ini akan dapat di-laksanakan dengan sa-sunggoh-nya. Jadi, dengan sebab itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan, saya menyokong penoh Rang Undang² ini dan berharap kepada Kerajaan dapat memberi perhatian di-atas apa yang saya telah bayangkan baharu sa-kejap tadi.

Satu perkara lagi yang ada orang memberi-tahu kepada saya, walau pun masaalah chandu atau ganja ini memang di-sekat dengan kuat oleh Kerajaan, tetapi ada sa-tengah² kilang yang membuat cherot, konon-nya untuk menyedapkan hisap cherot ini, Tuan Yang di-Pertua, di-masokkan juga ramuan² ganja kerana dengan chara itu-lah menyedapkan orang yang menghisap cherot tadi sampai dia shok, seronok, sama ada cherot yang di-buat oleh sa-tengah² orang di-kaki lima itu-kah, yang di-maksudkan ramuan ganja atau pun tidak, saya tidak dapat pasti, tetapi ada orang yang mengatak-an memang di-masokkan ramuan daripada jenis ganja ini.

Dan yang akhir, Tuan Yang di-Pertua, dari berita akhbar yang paling akhir, yang kita bacha di-dalam sa-minggu dua ini, sa-lain daripada kita mendengar orang di-berkas oleh pehak polis kerana membawa ganja, membawa chandu, menghisap ganja, menghisap chandu, tersebar di-dalam tanah ayer kita ini ada-nya kebun ganja. Erti-nya ini sudah mula berjalan suatu perusahaan yang besar, sa-hingga sahabat saya dalam Dewan ini suatu masa dahulu, ia-itu Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara, terpaksa meminta kepada Kerajaan membutirkan atau pun memberikan keterangan sa-chara detail di-dalam Dewan ini, mana-kah satu daerah yang banyak di-tanam ganja, mana-kah satu negeri yang paling banyak di-tanam ganja, mana-kah satu tempat yang paling banyak ada pokok² ganja? Chuma yang beliau

belum bertanya lagi, mana-kah tempat yang paling subur, kalau hendak di-tanam ganja, atau pun hendak di-buat perusahaan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ada juga orang kata dengan menghisap ganja atau menghisap chandu ini pun boleh jadi lazat atau pun nikmat di-dalam persetubuhan. Jadi, kalau ini pun benar, Tuan Yang di-Pertua, terpaksa juga di-kaji, kalau² perkara ini dilakukan oleh orang² yang berumor lebeh kerana bagi mencapai nikmat dan kelazatan itu. Sekian. Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Chen Man Hin (Seremban Timor): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris. Rang Undang² ini berkenaan Ordinan Dadah Berbahaya yang menunjukkan Kerajaan sekarang sedar drug-trafficking di-dalam Malaysia ia-lah satu masalah yang besar; kalau tidak di-kawal negara ini akan mendapat banyak penyakit² dalam masyarakat. (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, man's inhumanity to man is displayed by the presence of mass drug-trafficking throughout the world. Malaysia, in particular the Peninsular of Malaya, is being used more and more as a route by international drug-traffickers, partly because of the obstruction and difficulties encountered by smugglers along international routes from Burma and Thailand across to Pakistan and India, because of the Middle East War and other difficulties and because of the ease of transportation in Malaysia with the many ports that we have at Penang, Klang and down south to Singapore and the airports at Penang and Subang. Because of the ease of transportation facilities, international smugglers are now making use of Malaysia as a route to smuggle opium, heroin and other drugs. It is because that they prey on man's weakness to smoke something like chandu or to take heroin, so as to escape from the difficulties of this world, to have day dreams and because of the continuous taking of this drug, they become addicted and therefore they pay any sum so as to get a dose of chandu or heroin. Hence it becomes very profitable for these smugglers and we had two very clear examples recently—one of an adventurer who drove his Mercedes Benz through Singapore Customs, his Mercedes car loaded with opium inside its doors and under his seat. Also there was the case of two local

boys, Malaysians, of northern Malaya, Penang, who were caught smuggling heroin at Los Angeles. As local Malaysian boys are involved, it goes to show that heroin, opium, are handled in large quantities in Malaysia; otherwise how are our local boys involved? Therefore, I would say that since drugs assert a very deleterious and bad influence on the moral of today's youths, of our youths, not I would say that the punishment which you have proposed as amendment under Section 10 should be increased. The punishment should not be imposed on the drug-takers so much as on those who traffic in drugs. These are the parasites of society who must be punished more than the \$10,000 or three years imprisonment proposed. What we should do is to treble or even multiply it by ten times, because these people prey on susceptible youths who, once they are addicted to drugs, are forever held to ransom and become not human beings but human beings living in death. Therefore, I urge the Government to raise the punishment terms, to triple, quadruple or any number of times so as to deter these drug-traffickers. They are not worried if they get three years' imprisonment because they form part of a large smuggling gang, an international smuggling gang. If they are arrested, they go to jail for three years; somebody else pays their fine. After three years they come out and they are promised more rewards. Therefore, they take the risk of being caught and they attempt to smuggle into Subang, Johore Bahru or elsewhere. What is the three years' imprisonment if at the end of three years they are promised, say, half a million dollars on coming out? Therefore, I say that the imprisonment or punishment must be increased many times—not a more \$10,000 or three years' imprisonment—so as to deter them.

Mr Speaker, Sir, I would also like to point out the other types of abuse of drugs, not so much opium, but the common drugs that are sold over the counters of registered pharmacies which are also sold under the counter by unregistered pharmacies or dispensaries or drug-houses who are not qualified, not registered, to sell drugs under certain Schedules of the Ordinance. Go anywhere, other than registered pharmacies, you can get any drug under the sun—terramycin, aureomycin, pathidine, opium, morphine drugs, anything under the sun. Why? It is because, although you have laws to ensure

that these drugs are forbidden to be sold by unauthorised persons, yet they are easily obtainable because although you have the laws, but you do not have the power to enforce these laws. You do not have the capability to supervise the enforcement of these laws. Neither do you have the manpower to go down to check stocks or to detect people who sell these dangerous drugs under the counter, and the gullible public are told, "This is a wonderful drug, it can cure your sickness rightaway".

Now, there is the other danger of youths, athletes who take drugs in the hope of achieving success instantaneously. Many youths who sit for examinations, because they have to mug up what they have not studied for the past year or more, they try to catch up within a couple of nights. What do they do? They are told to try amphetamine drugs or some other stimulants which may keep them awake for a night or more to study. Well, once in a way it is all right, but if it is taken as a habit continuously to keep themselves awake to study right through the night, then it becomes a poison; it destroys them, it destroys the heart vessels and it destroys the heart and later instead of living a full-fledged life up to 60 or 70 years they pass away when they are round about 30 or 40 years old. Athletes too, because they want to succeed, they are urged to achieve success for their team or for the organisation, they are told, "Take amphetamine, it will give you the stamina, it will give you the speed" and so the coaches are to blame to some extent because they may be advising these athletes to take these drugs. But let us caution them: in asking the athletes to sacrifice themselves for the sake of success and to take these drugs, they are causing a great danger to them. The only way to success is none other than sheer hard work, training and perseverance. There is no other way.

Mr Speaker, Sir, may I also ask the new Minister of Health that because of the fact that quite a number of sick people are not able to undergo operations because even drugs which are used for anaesthetics can have bad side effects because they are not fit and because we have been told and have read in the papers reports of scientists, heart specialists, surgeons and so on who have visited China, of the power of the art of acupuncture. Therefore, I would ask the Minister of Health to keep an open mind

and urge him to send medical teams over to China to study, to investigate, as to the veracity or truth of this new art of acupuncture because if our scientists, our medical specialists, go there and see and verify the truth, then I think that this acupuncture would be of great benefit to the progress of medicine in this country because then weak people who cannot stand operation with anaesthetics can be operated in a conscious condition under acupuncture and come out fit and alive. Therefore, I urge the Minister, if he were to organise and encourage medical teams consisting of eminent medical men in this country, specialists, surgeons, heart specialists, then I would say he will achieve not only the purpose of studying new things in China or providing opportunity to integrate Western and Eastern medicine in this country and bring back something new to the benefit of this country but also he would play a very important role in forging new ties with China which, I think, would be to the benefit of all and which would also help the Prime Ministers' efforts to promote the neutralisation of South-East Asia. Thank you, Sir.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut sama menyokong Rang Undang² yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada hari sa-malam. Maksud dan tujuan Rang Undang² ini supaya dapat Kerajaan mengawal atau pun membasmikan berhubung dadah rachun, ganja dan chandu yang bermaharajalela dalam negeri kita ini. Saya chuma hendak berchakap satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, bahawa ramai ra'ayat dalam negeri ini telah ketageh ganja, bukan sahaja daripada budak² sekolah, penuntut² sekolah, termasuk kakitangan Kerajaan, termasuk anggota polis dan juga orang² yang dalam jel. Ini saya berdasarkan satu berita dalam akhbar baharu² ini, Tuan Yang di-Pertua.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, ganja atau chandu ini juga menjadi satu kebiasaan orang yang bekerja kuat, nelayan, orang yang bekerja memotong kayu di-dalam hutan, mereka semua hisap ganja dan hisap chandu.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, penyebaran chandu ini pula berleluas sa-lain turut bagaimana yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat ada

manusia² memasokkan ganja ini dalam barang² makanan seperti kopi dan nasi juga barang² gulai², tujuan-nya supaya dapat pasaran itu laris. Jadi, hal yang macam ini saya harap Kerajaan supaya mengambil perhatian dan orang yang berbuat demikian juga patut di-hukum bagaimana hukuman yang di-kuat kuasa di-dalam Bill ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap dalam masaalah ini, pada masa dahulu Kerajaan memang saya kata mengambil tindakan chuma pada kelas² yang bawah dalam masaalah ini—masaalah ganja, masaalah chandu, kelas yang bawah. Orang yang menghisap ganja, orang yang menghisap chandu dan juga orang yang menanam pokok ganja—itu sahaja yang di-ambil tindakan. Wal hal patut Kerajaan mengambil tindakan saudagar² yang besar², saudagar² gelap yang membeli chandu ini, itu patut kita ambil tindakan dan manusia ini telah berhubung dengan pasaran gelap chandu antara bangsa dan mereka ini, saudagar ini, saudagar yang kaya² ini kehidupan-nya mewah, jadi orang jutawan, orang hartawan dalam negeri ini menjadi dia kaya-raya. Bagi pehak yang miskin, orang kampung ini, Tuan Yang di-Pertua, dia ada satu kawasan, satu petak, dua petak di-tanam ganja, mereka ini-lah yang membeli patut di-hukum yang lebih lagi. Sebab kalau tidak ada pasaran, tidakkan orang yang menjalankan pasaran gelap ini orang ramai tidak akan menanam ganja ini dan orang ramai tidak akan menghisap madat. Jadi, saya harap supaya Kerajaan mengambil tindakan yang tegas kepada saudagar² yang besar² berhubung dengan ganja dan madat ini yang maseh subur dalam negeri kita ini dan mereka ini selalu bersama² dengan pegawai² yang berkenaan untuk melumpuhkan masaalah ganja, untuk mengabui kerja² yang telah di-buat.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak katakan dalam masaalah ini, sa-kira-nya Kerajaan tidak dapat menghapuskan saudagar² gelap ganja ini kita tidak harap bahawa usaha untuk membasmikan perkara ini tidak akan dapat di-atasi. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah (Kota Star Selatan): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² suatu Akta bagi meminda Ordinan Dadah Berbahaya ini, saya rasa tentu-lah di-

kemukakan supaya segala apa juga yang termasuk di-dalam istilah dadah berbahaya itu terchegeh. Tentu sa-kali Rang Undang² ini di-buat, di-asaskan kerana benda² ini merosakkan kesihatan jasmani dan juga rohani dan tentu-lah tujuan undang² ini supaya ra'ayat jelata terjauh daripada bahaya dadah berbahaya ini.

Dengan mengemukakan Rang Undang² ini timbul-lah satu soalan tentang sikap Kerajaan yang tidak tegas. Saya katakan demikian kerana pada suatu ketika kita lihat Kerajaan bermatian² benar² hendak memelihara kebajikan ra'ayat jelata tetapi pada satu ketika yang lain pula dia juga-lah yang menggalakkan perkara² yang tidak sehat yang membahayakan masharakat. Umpamanya semalam Dewan ini-lah juga yang meluluskan Undang² chukai perjudian, pada hal judi itu ada-lah perosak dan penjahnam yang berbahaya terhadap masharakat dan pada fikiran saya, Tuan Yang di-Pertua, antara satu dengan lain ia-itu antara judi dan dadah berbahaya ini ada kait-mengait-nya. Yang Pertama itu-lah ia-itu judi menjadi satu sebab yang besar menimbulkan bahaya, yang kedua ia-itu madat. Kerana biasa-nya orang² yang bermain judi dia tetap menjadi mangsa, dia tetap akan kalah dan dia akan risau di-dalam hal kebendaan-nya. Dan untuk mencari satu jalan keluar rasa-nya tidak ada-lah lain, melainkan menjadi penghisap madat sebab dengan itu kata-nya dapat-lah dia satu escape atau pun jalan keluar yang boleh melegakan fikiran-nya. Jadi, rasa saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak chukup buat kita membuat Rang Undang² sahaja, sebab perkara ini menjadi² dan bagaimana Menteri semalam pun berkata ini ada-lah satu bahaya, satu penyakit, gejala-nya telah terbayang semenjak lama. Yang paling penting ia-lah bagi Kerajaan membentok satu surohanjaya menyelidek sa-dalam²-nya mengkaji sebab mengapa dan kenapa dadah berbahaya ini telah merebak di-kalangan masharakat. Sebab sa-bagai yang telah di-bangkitkan di-dalam Dewan ini banyak perkara² yang pemerintah kita tidak mengambil begitu berat sangat, umpamanya kemasokan pelanchong² yang sa-tengah²-nya itu membawa fahaman² yang kurang sehat, dengan ada-nya pula pertunjukan² yang merosakkan fikiran manusia maka ini semua-nya ada-lah menjadi satu pendorong bagi manusia menghisap madat dan lain²-nya.

Maka saya berharap-lah Kerajaan bersungguh² menubuhkan satu jawatankuasa mengkaji sa-dalam²-nya sebab-menyebab penyakit ini merebak di-kalangan masha-rakat. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Dr S. Seevaratnam (Seremban Barat): (*Dengan izin*) I know the Government has done a lot of things to control dangerous drugs, but I feel that there is more to be done. Today this drug problem is assuming very large proportions and is becoming a factor. For example, we see in the Philippines the problem has become so serious and enormous that it has now introduced death penalty for offenders. We should therefore take more drastic and proper steps to control this problem for this is not only the problem of drug addiction but also the ensuing evils of gambling, prostitution, hippieism etc. From these very minor problems of having long hairs to the more serious cases of gambling, rape and kidnap, we can learn many lessons.

We must first tackle the problem among the youths as they form a large proportion of the population and the most vulnerable and susceptible one. Drug-pushers wish to catch them young. We must start education in the schools, give regular courses on the bad effect of these drugs and distinguish between non-narcotic and narcotic drugs, for it has been found in medical experience that those who start taking non-narcotic drugs eventually land up by taking narcotic drugs. Therefore, Sir, we must concentrate our action mainly on the youths. I feel if we can find out the causes of school drop-outs, it may throw a lot of light on this drug problem among the youths. In this connection, I was glad to see in yesterday's papers our energetic Education Minister making some statements regarding the automatic promotions in schools, the school drop-outs and other educational problems. We in the D.A.P. had long held the belief that our educational policy is far from satisfactory.

Secondly, Sir, I wish that the Government closely scrutinises the many night clubs, the milk bars, places where they have juke boxes and other such like joints, as I feel these are the places in which drug addict pushers make their money and these are the places where we find a lot of school boys hanging around. They say, Sir, that good manners are learnt at the mother's knee joints but the bad ones

are learnt at other joints. If we can find employment for our youths, this problem will be reduced considerably for it is quite a common saying, Sir, that idle hands find some mischief work to do.

In order to carry out these measures properly, efficiently and effectively, I feel, Sir, that the Minister of Health, the Ministry of Education and the Ministry of Welfare, the so-called famous H.E.W., must get together. I do not wish to go into a dissertation on drug taking and the other more interesting and intriguing aspects of this subject, but I feel, Sir, that drug taking, like gambling, womanising and drinking, affects most those who have an inherent inclination towards such tendencies and if we can stop these temptations and attractions for these youths, we feel that we have done much to stop this habit of taking drugs. No amount of punishment is going to do much good without educating our youths. However, Sir, I leave this to a group of specialists and professionals to be set up by the Government with Departments of Health, Education and Welfare and others who are interested in such subjects.

I end this subject with one note of warning, that unless the Government pursues this matter seriously and quickly, the problem of drug addiction will grow slowly but steadily to assume such vast proportions that we may have finally to think of introducing the death penalty. Thank you.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Pendekkan sedikit! Kita sudah lama membahathkan Bill ini, masa sudah suntok.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya suka berchakap dalam Rang Undang² Dadah Berbahaya ini. Sa-bagaimana yang kita dengar bahawa semua orang yang ada dalam Dewan ini tidak suka dengar ada-nya drugs atau Dadah Berbahaya yang tersibar di-seluruh negara kita ini. Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang kita dengar bahawa sa-sungguh-nya banyak kejadian² menghisap ganja dan menghisap chandu seluruh negara kita ini baik di-kalangan ra'ayat biasa, kalangan polis sa-bagaimana di-perkatakan ada sa-tengah² kalangan, kalangan askar, kalangan polis, kalangan pegawai² Kerajaan dan kalangan pelajar² dan sa-bagai-nya, dan mungkin di-sebabkan pelajar²

yang menghisap ganja ini pun ada-lah satu daripada beberapa sebab sa-hingga mereka terchichir di-dalam pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak Rang Undang² yang di-bentangkan di-dalam Dewan ini ada-lah menetapkan denda yang di-kenakan ka-atas orang² yang terlibat dengan Dadah Berbahaya ini. Tuan Yang di-Pertua, dalam menentukan denda ini saya memang bersetuju di-tetapkan berapa ribu atau pun berapa tahun yang perlu di-kenakan sa-bagaimana yang terchatet di-dalam Rang Undang² ini. Hanya, Tuan Yang di-Pertua, masalah drugs atau pun masalah ganja, chandu dan lain² ini ada-lah masalah rohani bukan sahaja masalah jasmani, dengan sebab mereka² yang menghisap chandu dan ganja ini ada dengan satu tujuan atau pun dengan lain perkataan di-ajak oleh kawan dengan tujuan mengatakan bahawa menghisap atau pun memakan chandu atau pun ganja ini akan mendatangkan berbagai² perkara yang berfaedah. Tuan Yang di-Pertua, saya kira Kerajaan harus membuat sebaran yang lebeh luas tentang bahaya-nya chandu. Sa-bagaimana yang di-buat oleh pihak Kementerian Pengangkutan atau pun Menteri Perhubungan tentang bahaya-nya kenderaan² yang berjalan laju sa-hingga menyebabkan pelanggaran dan menyebabkan mati dan sa-bagai-nya. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri Kesihatan membuat kempen saperti itu juga, menceritakan bahawa menghisap ganja dan chandu ini mendatangkan kerosakan yang sa-ribu satu macham yang boleh di-gambarkan dengan berbagai² lukisan. Itu-lah yang saya minta perhatian Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang kedua, yang saya minta ia-lah mengadakan kempen juga di-kalangan sa-tengah² orang khas-nya orang² Islam, orang² yang menchari keuntongan dalam penjualan ganja dan chandu ini dengan mengatakan bahawa menghisap chandu atau menghisap ganja yang makroh, yang tidak berdosa, chuma makroh semata². Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu-lah sebab saya bukan Mufti, chuma apa saya fahamkan bahawa sa-sungguh-nya menghisap atau pun memakan chandu dan ganja ini ada-lah haram sa-rupa juga dengan perkara² yang lain yang di-haramkan Tuhan. Benda ini merosakkan fikiran manusia dan Islam menentang tentang satu barang atau pun minuman yang mendatangkan kerosakan fikiran manusia. Saya

harap Yang Berhormat Menteri Kesihatan boleh meminta pihak Jabatan Penerangan, atau pun Talivishen, atau pun Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam dan yang berkait dengan ugama supaya mengadakan penjelasan—penerangan yang sa-jelas²-nya supaya ra'ayat dan orang ramai tidak mahu menghisap chandu dengan chara sendiri, bukan dengan chara takut kepada Undang², bahkan kesedaran bahawa perkara ini perkara bahaya, perkara yang mendatangkan mudharat kepada diri kita, jadi kita tidak mahu menghisap-nya. Sebab kalau dengan Undang² sa-mata² yang mengatakan bahawa bila tidak nampak polis tentu-lah boleh buat sa-bagaimana yang pernah kita tahu bahawa Undang² tidak dapat menghalang manusia membuat sa-suatu, sebab Undang² berlaku ketika mana ada-nya polis atau pun orang yang menangkap tentang hal itu. Apa yang kita mahu sa-bagaimana Undang² Islam yang di-tentukan umat-nya membuat bagini kerana kalau tidak buat, atau pun tidak mengikut apa yang di-tentukan ini dia akan mendapat mudharat-nya sendiri, atau pun kalau Islam mendatangkan dosa dan sa-bagai-nya. Itu-lah saya minta supaya Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengambil perhatian agar dua aspek ini di-jalankan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan bagi membasmi penageh² drugs yang ada di-seluruh Malaysia kita ini. Sekian, terima kasih.

Tuan T. S. Gabriel (Pulau Pinang Selatan):
Tuan Yang di-Pertua, saya sokong Rang Undang² Dadah Berbahaya (Pindaan), 1971.

(Dengan izin) The Government would go a long way to control the inflow of drug trafficking into this country if we completely ban the foreign hippies coming into Malaysia.

Recently, Tuan Yang di-Pertua, even in the Penang Court—this has happened several times—these people were charged but they got away due to insufficient evidence. Along Batu Ferringhi there are several bungalows where they are in possession of heroin and all sorts of dangerous drugs. This, a D.A.P. area, not Pulau Pinang Selatan. Tuan Yang di-Pertua, there is not much publicity at the moment in as far as the control of drugs is concerned. I call upon the Government to advertise in all theatres and in schools to warn the students and give more publicity to this drug addiction by human beings.

Recently, Tuan Yang di-Pertua, five Malaysians were arrested in Los Angeles and three of them were from Penang. They were caught with \$24 million worth of heroin and I believe it is possible that they could have come into possession of these drugs through the foreign hippies—from Vietnam they come to Bangkok and from Bangkok there is a possibility of coming to Penang and from Penang they have gone to Los Angeles.

I call upon the Government to take stern measures to ban these foreign hippies and if they do this, it is one of the possibilities where we could at least reduce this menace; if we are not able to eradicate it completely, we will at least be able to reduce much of this drug inflow into Malaysia. Thank you.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kaseh kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah berchakap berkenaan dengan pindaan Rang Undang² yang telah dibahathkan pada hari ini. Rang Undang² ini ia-lah untuk menguat-kuasakan atau mengkontrol tentang drag² yang merbahaya yang ada di-negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak-lah payah menjawab satu persatu, akan tetapi saya menjawab pandangan² dari Ahli² Yang Berhormat yang telah berchakap tentang Bill ini, ia-itu Rang Undang² ini menguat-kuasakan untuk di-penjarakan dengan denda wang ringgit, atau di-penjarakan dengan masa 3 tahun dan sa-bagai-nya. Ini ia-lah satu langkah yang di-ambil oleh Kerajaan oleh kerana Kerajaan memang faham bahawa ganja atau chandu dan sa-bagai-nya telah di-hisap oleh orang² kita, khas-nya pemuda² dan ada juga pemu².

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah mengadakan satu Jawatan-kuasa bagi Narcotic Drugs yang di-tubuhkan pada tahun 1970. Dalam Committee ini ada-lah wakil² daripada Kementerian saya, khas-nya Kementerian saya sa-bagai Pengerusi dan juga wakil daripada Kementerian Pelajaran, wakil daripada Kementerian Kebajikan Am dan sa-bagai-nya untuk mengkaji bagaimana-kah langkah² boleh di-ambil untuk mengurangkan penghisap chandu atau ganja dan sa-bagai-nya yang telah berlaku di-negara kita. Perkara ini, saya harap kepada Ahli² Yang Berhormat bekerjasama kepada Kerajaan, khas-nya kepada Kementerian

saya. Jikalau Ahli² Yang Berhormat dapat tahu di-mana tempat² yang menanam ganja atau kebun ganja dan sa-bagai-nya di-kawasan pilihanraya masing² yang ada di-negara kita ini, saya harap Ahli² Yang Berhormat itu memberitahu kepada pegawai² yang berkenaan atau kepada Kementerian saya atau beritahu kepada saya, maka satu tindakan yang waras akan di-ambil. Yang sa-benar-nya Kementerian saya dengan pegawai² dari Kementerian saya dan juga Pegawai² Polis telah mengambil tindakan untuk merampas apa² drag yang merbahaya itu di-kedai² ubat atau sa-bagaimana yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timor ia-lah untrained pharmacist itu telah di-simpan drag² merbahaya itu didalam counter, ini memang betul. Oleh kerana itu, pegawai² Kementerian saya dengan kerjasama pehak polis telah mengambil tindakan dengan segera-nya. Pemereksaan² ini akan menjalankan bukan sahaja di-sabuah negeri, akan tetapi menjalankan pemereksaan ini di-seluruh negeri² di-Malaysia Barat.

Tuan Yang di-Pertua, Undang² (Pindaan) ini jikalau kita dapat menjalankan atau tidak dapat sokongan penoh dan sa-bagai-nya atau satu pindaan ini sangat ringan, maka kita terpaksa meminta dewan ini sakali lagi untuk meninggi atau menambahkan hukuman² penjara yang di-binchangkan pada hari ini dan saya perchaya dengan kerjasama daripada semua pehak, ini bukan daripada usaha² daripada Kerajaan sahaja, akan tetapi kepada orang² awam dan ra'ayat jelata. Maka ibu bapa dan sa-bagai-nya akan bekerjasama dengan sekolah² dan juga dengan Kerajaan, dan juga Ahli² Yang Berhormat khas-nya akan bekerjasama dengan Kerajaan, maka satu pelajaran kesihatan untuk menasehatkan orang kita jangan-lah menghisap chandu, atau menghisap ganja atau memakan drag² yang merbahaya untuk merosakkan kesihatan kita. Satu tindakan telah di-ambil dan saya perchaya dengan Rang Undang² (Pindaan) ini akan menguat-kuasakan kepada Kementerian saya dan pada masa yang akan datang langkah² akan di-ambil untuk menghapuskan ganja, chandu dan drag yang merbahaya itu.

Tuan Yang di-Pertua, memang betul ini menunjukkan satu bukti ia-itu memang-lah negara kita ini sentiasa di-lawati oleh pelanchong² luar negeri, mereka yang masuk

itu ada-lah membuktikan bahawa mereka itu ada menyimpan drag² yang merbahaya itu untuk di-jual kepada orang² kita di-sini sa-bagai satu mata pencharian. Kerajaan kita telah mengambil tindakan dan saya harap semua orang, khas-nya pemuda² kita jangan-lah mengambil bahagian tentang perkara yang merbahaya ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak-lah hendak berchakap lebeh panjang, akan tetapi saya hendak menguchapkan sa-kali lagi terima kaseh kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah memberi pandangan terhadap Undang² ini. Terima kaseh.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² (PERBADANAN) ST. JOHN AMBULAN MALAYSIA

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Speaker, saya mohon untuk membentangkan suatu Rang Undang² bertajok Akta bagi memperbadankan St. John Ambulan Malaysia.

Saperti Ahli² Berhormat sedia ma'alum, pada masa sekarang ada dua buah pertubohan yang berkaitan dengan aktiviti² ia-itu Brigid St. John Ambulance dan Persatuan St. John Ambulance. Brigid St. John Ambulance untuk Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak yang mana ahli²-nya ada-lah berpakaian seragam, menumpukan kegiatan-nya lebeh di-dalam perkara² pertolongan chemas sa-masa temasha² ramai dan juga menyediakan

perkhidmatan perubatan dan kebajikan sa-masa dzarurat atau dalam masa aman. Mereka juga mengambil bahagian di-dalam latehan² pertolongan chemas. Persatuan St. John Ambulance untuk Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak, yang mana ahli²-nya tidak berpakaian seragam, menumpukan kegiatan mereka lebeh di-dalam memberi latehan dan dalam pertolongan chemas kepada sekolah², jabatan² perusahaan² dan juga kepada orang ramai dan ahli²-nya.

Kedua² pertubohan ini telah melakukan perkhidmatan yang chemerlang dalam masa aman atau masa peperangan. Banyak ahli² Brigid St. John Ambulance khusus-nya, telah menjadi ahli Medical Auxiliary Service sa-masa peperangan Jepun dahulu. Kedua² Brigid dan Persatuan ini telah membuat bukti yang chemerlang sa-masa kekachauan 13 Mei pada tahun 1969 dan juga sa-masa banjir pada awal tahun 1971 dahulu.

Kedua² pertubohan ini menjalankan aktiviti² mereka sa-chara berasingan. Walau bagaimana pun dasar² mereka itu ada-lah di-kawal oleh Majlis St. John yang mana terdapat wakil² dari kedua² Brigid dan Persatuan di-Malaysia Barat. Majlis St. John ini di-pengerusikan oleh Menteri Kesihatan.

Dalam beberapa tahun yang lampau keperluan telah di-rasakan supaya kedua² badan ini di-satukan, yang mana akan menjalankan aktiviti yang dahulu-nya di-jalankan sa-chara berasingan oleh kedua² pertubohan ini. Dengan perchantuman kedua² pertubohan ini tidak sahaja akan menyelaraskan beberapa kegiatan kedua² badan ini dan memansuhkan kegiatan² yang sa-rupa dan berulang², tetapi juga dapat meluaskan perkhidmatan mereka sa-lanjut-nya ka-kawasan² luar bandar, dan mampu menyertai perkhidmatan meshuarat yang dahulu-nya tidak mungkin, saperti membantu Kerajaan dalam kempen kebersehan dan lain² kegiatan² kesihatan.

Tujuan Rang Undang² ini ia-lah untuk menggantikan Brigid dan Persatuan St. John Ambulance dengan sa-buah badan yang baharu, ia-itu St. John Ambulance Malaysia. Dengan kuat-kuasa-nya rang undang² ini St. John Ambulance Malaysia akan diperbadankan dan Pertubohan² dan Brigid St. John Ambulance di-Malaysia Barat,

Sabah dan Sarawak akan mansoh dari menjalankan tugas²-nya sa-chara berasingan. Dan sekarang, Tuan Speaker, izinkan-lah saya menyatakan perkara² yang penting didalam rang undang² yang di-chadangkan ini:

Fasal 3 memperbadankan St. John Ambulance Malaysia, dan menyatakan kuasa² Perbadanan.

Fasal 4 menyatakan tujuan² Perbadanan, ia-itu untuk mengadakan satu pertubohan yang terbuka kepada semua orang dalam Malaysia tanpa kira kaum dan warna kulitnya bagi menjalankan tujuan dan maksud² Perbadanan ini.

Fasal 5 menyatakan tujuan dan maksud² Perbadanan ia-itu:

- (a) menggalak dan memajukan semua kerja kemanusiaan dan kedermawanan untuk membantu orang² dalam kesakitan, kesedehan, penderitaan dan bahaya tanpa membeza²kan bangsa², kelas, warna atau keperchayaan;
- (b) memberi pertolongan kepada orang² sakit dan chedera dalam peperangan atau keamanan dan memajukan pertubohan² kekal itu alam masa keamanan supaya pertolongan itu dapat di-adakan dengan segera dalam masa kechemasan dan pertolongan itu hendak-lah termasuk mengadakan simpanan² teknik bagi perkhidmatan² perubatan Kerajaan dan angkatan tentera Malaysia.
- (c) memajukan, menggalak dan menyelaraskan kerja Perbadanan dalam semua aspek dalam Malaysia; dan
- (d) memajukan, menggalak dan menyelaraskan perhubungan di-antara mereka dan pertubohan² sa-umpamanya yang bernama St. John di-negara² lain, Pertubohan Palang Merah dan lain² pertubohan sukarela atau berkanun yang sa-umpama-nya.

Fasal 6 mengadakan peruntukan bagi membolehkan Majlis untuk mentadbirkan Perbadanan sa-jajar dengan kaedah² Perbadanan. Untuk memastikan satu kegiatan yang lancar, bagi tahun yang pertama-nya Majlis St. John yang ada sekarang akan terus mentadbir urusan² Perbadanan.

Fasal 7 ada-lah berkaitan dengan meteri (seal) Perbadanan.

Fasal 8 berkaitan dengan penubohan satu daftar yang mana nama tiap² ahli perbadanan akan di-chatitkan.

Fasal 9 memberikan kuasa kepada Majlis bagi membuat kaedah² bagi menguruskan Perbadanan. Di-dalam kaedah² yang di-chadangkan, Menteri Kesihatan akan menjadi yang di-Pertua St. John Ambulance Malaysia. Sa-orang pengerusi ada-lah juga di-perlukan dalam Majlis St. John Ambulance, dengan dua orang timbalan pengerusi, sa-orang bertanggung-jawab bagi "field service" dan sa-orang lagi bagi rancangan² latehan.

Fasal 10 dan 11 mengadakan peruntukan bagi membubarkan Persatuan dan Brigid St. John Ambulance yang ada sekarang di-Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak dengan berkuatkuasa-nya Rang Undang² yang di-chadangkan ini, dan juga bagi memindahkan harta dan tanggungan² kepada perbadanan St. John Ambulance Malaysia Barat yang baharu ini.

Fasal 12 berkaitan dengan penggunaan pendapatan dan harta perbadanan, ia-itu penggunaan-nya ada-lah khusus-nya bagi menchapai matlamat Perbadanan.

Fasal 13, 14 dan 15 menguntokkan bagi sekatan² dalam penggunaan dan penjualan lenchana² tanda atau lambang² yang menggunakan perkataan² "St. John" atau "St. John Ambulance" kechuali oleh ahli² St. John Ambulance atau oleh mereka² yang di-benarkan untuk berbuat demikian oleh Perbadanan.

Akhir-nya Fasal 16 berkaitan dengan penalti bagi sa-siapa yang melanggar mana² peruntukan dalam Akta ini.

Tuan Speaker, saya ingin menegaskan bahawa Rang Undang² yang di-bentangkan pada hari ini bagi memperbadankan St. John Ambulance Malaysia supaya menyatu dan menyelaraskan kegiatan² pertubohan dan Brigid St. John Ambulance Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak yang ada sekarang mencherminkan keperluan untuk menguatkan kegiatan² St. John.

Sekarang, Tuan Speaker, saya mohon untuk membentangkan Rang Undang² yang bertajok Suatu Akta bagi memperbadankan St. John Ambulance Malaysia supaya sekarang di-bachakan kali yang kedua.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

Tuan Tan Cheng Bee (Bagan): Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Pendek² sahaja beruchap, jangan panjang² beruchap!

Tuan Tan Cheng Bee: Pendek. Saya bangun untuk menyokong Rang Undang² (Perbadanan) St. John Ambulance Malaysia. Tuan Speaker, Rang Undang² ini sa-patutnya telah di-kemukakan dan di-luluskan oleh Dewan ini dahulu lagi. Di-sini saya hendak berchakap tentang hal pentadbiran Brigade St. John Ambulance, Pulau Pinang. Dan saya mohon berchakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh!

Tuan Tan Cheng Bee: Pardon.

Tuan Yang di-Pertua: Berchakap dalam Bahasa Kebangsaan!

Tuan Tan Cheng Bee: Can I speak?

Tuan Yang di-Pertua: Chakap-lah!

Tuan Tan Cheng Bee: (*Dengan izin*) Sir, the Penang Brigade is being administered by the Area Commissioner stationed in Penang Island and under him are three Corps Superintendents—two in Penang Island and one in Province Wellesley. The Penang Brigade also controls the grants given by the Headquarters in Kuala Lumpur and also all transport facilities. The Brigade under the Corps Superintendent in Province Wellesley has grown from strength to strength until today it can boast of having six adult divisions with a membership of 379-strong and 15 cadet divisions with 610 student-members, while the Penang Contingent has not only remained stagnant but has lost much of its divisions and its members. Despite such progress, it is most regrettable that the Penang Area Commissioner has not thought it fit to give the Province Wellesley Corps all encouragement but instead is putting all hindrances in the way by even taking the Corps Superintendent to task for making statements to the press on its activities and programmes of action. Even funds are not being dished out fairly and many a time the P.W. Corps is asked to find its own funds. There has not only been lack of co-operation but the Area

Commissioner has treated the P.W. Corps and its Corps Superintendent most unfairly with the result that the Corps Superintendent has tendered his resignation.

Before matters get worse, I would appeal to the Minister concerned to intervene and, if necessary, to clarify the position and powers of the Area Commissioner, as I feel that this is a voluntary body and as such the arbitrary powers given to an Area Commissioner, who has no consideration, could be detrimental to the Brigade, unless certain re-adjustments are made without further delay. Thank you.

Tuan Haji Ahmad bin Said (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya sokong atas Rang Undang² (Perbadanan) St. John Ambulance Malaysia. Sa-bagai sa-orang Pengerusi Persatuan St. John dan juga yang di-Pertua Brigade St. John bagi Pusat Ketiga Seberang Prai, saya mengalu²kan Rang Undang² ini, sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh rakan saya tadi patut-lah di-bentangkan lama dahulu, kerana Rang Undang² ini adalah satu chara menchantumkan persatuan dan brigade. Pada masa dahulu ada perselisihan atau pertelengkahan di-antara brigade dan persatuan, maka dengan sebab itu-lah tidak dapat di-laksanakan perjalanan badan perkhidmatan sukarela ini dengan baik-nya. Dan saya berharap manakala perchantuman ini berlaku dan di-jalankan dengan kuat-kuasa-nya dapat-lah perkhidmatan sukarela ini menjalankan tugas²-nya lebeh sempurna, lebeh terator, lebeh memberi faedah dan kebajikan kapada orang² yang berkehendakkan pertolongan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pada masa dahulu telah pun mengemukakan satu pendapat ia-itu sa-bagai sa-buah negara yang merdeka dan bebas patut juga kita chantumkan kedua buah badan sukarela ini ia-itu Persatuan St. John dan juga Persatuan Palang Merah supaya di-jadikan satu badan sahaja sukarela untuk berkhidmat demi kepentingan negara kita. Dan dengan ini dapat-lah Malaysia ini menunjukkan keperibadian-nya berkaitan dengan perkhidmatan sukarela terhadap pertolongan chemas, terhadap orang² yang berkehendakkan pertolongan. Kita sendiri boleh mengadakan nama kita sendiri, boleh di-adakan simbol kita sendiri, chuma boleh badan ini bergabung dengan mana² badan antara bangsa.

Kalau bersetuju kita bergabung-lah dengan Persatuan Palang Merah antara bangsa atau pun St. John antara bangsa. Ini akan memberi satu lambang kemegahan negara kita dan kita sendiri mempunyai badan perkhidmatan sukarela pertolongan chemas dengan hak kita sendiri. Jadi saya harap dapat pehak kedua² badan ini berunding sama ada baik atau tidak-nya kita adakan sa-buah badan sahaja, bukan dua buah badan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap manakala tertuboh-nya perbadanan ini dengan rasmi, di-harap pehak Kerajaan akan memberi lebeh peruntukan lagi terhadap badan sukarela yang telah pun memberi pertolongan dan perkhidmatan yang chemerlang kepada negara kita. Sebab pun saya berkata begitu pentadbiran tidak dapat berjalan dengan sempurna-nya kerana semua pegawai² berkhidmat dengan sukarela, jadi patut juga-lah Kerajaan adakan satu peruntukan khas untuk membayar gaji kepada sa-orang Setiausaha Kerja bagi ketiga² peringkat—pehak kebangsaan ada gaji yang tetap di-bayar kepada Setiausaha Kerja, begitu juga pehak peringkat Negeri dan juga peringkat Pusat. Dengan ada-nya wang peruntukan khas membiayai perkerja² yang di-beri tugas dengan sa-penoh-nya untuk menjalankan pentadbiran, saya perchaya perbadanan ini akan dapat menjalankan tugas²-nya lebeh baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan juga akan menjadi Yang di-Pertua-nya kepada perbadanan ini, saya berharap Yang Berhormat akan memberi keutamaan kepada orang² atau pun ahli² perbadanan ini yang telah pun lulus di-dalam peperiksaan pertolongan chemas (first aid) untuk menerima mereka ini berkhidmat sa-bagai Jururawat, Penolong Jururawat, Pembantu Rumah Sakit dan juga Bidan. Dengan ini dapat-lah memberi galakan lebeh lagi kepada belia² kita khas-nya di-luar bandar untuk menjadi ahli kepada perbadanan ini, kerana manakala mereka menjadi ahli kepada perbadanan ini sa-kurang²-nya ada pandang-memandang daripada Yang Berhormat Menteri mengambil mereka berkhidmat di-rumah² sakit walau pun sa-bagai attendant rumah sakit.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sangat² supaya Bahasa Kebangsaan di-gunakan dengan sa-luas²-nya oleh perbadanan ini. Semenjak tertuboh-nya St. John

yang lama itu saya dapati chuma persatuan saya sahaja di-Seberang Prai yang menggunakan Bahasa Kebangsaan sa-penoh²-nya, minit meshuarat-nya atau surat keliling-nya atau arahan-nya, tetapi peringkat Negeri, peringkat Pusat maseh lagi menggunakan bahasa Inggeris. Saya harap Yang Berhormat Menteri manakala menjadi Yang di-Pertua akan mengambil tindakan yang tegas supaya menghormati Bahasa Kebangsaan dan dengan ini dapat-lah memberi peluang sa-bagai daya penarek kepada belia² kita yang di-luar bandar yang ingin sangat hendak masuk menjadi sa-bagai ahli tetapi oleh kerana arahan dan surat² itu di-beri dengan bahasa Inggeris mereka itu tidak begitu tertarek. Kalau ada-lah satu perubahan, saya perchaya, perbadanan ini akan mendapat sambutan yang lebeh baik lagi pada masa hadapan. Terima kaseh.

Tuan Abu Bakar bin Umar (Kubang Pasu Barat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang² ini dan saya perchaya-lah dengan ujud-nya khidmat² yang telah di-berikan oleh St. John Ambulance dan juga Brigade ini telah pun banyak dapat faedah pada orang² yang mendapat kechemasan dan mendapat kemalangan, tetapi apa yang saya ingin menarek perhatian Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, di-atas soal nama-nya. Oleh kerana negeri kita telah pun merdeka dan kita tidak suka lagi kepada nama² yang berbau penjajah maka saya mengeshorkan dan meminta supaya Menteri yang berkenaan berusaha dan berikhtiar moga² St. John Ambulance dan juga Brigade ini di-ketahui dan di-kenali dengan Pertubohan Pertolongan Kechemasan. Dengan sebab itu di-samping memperkenalkan kepada dunia yang bahawa sa-nya kita ini ada mempunyai satu bahasa kebangsaan, bahasa rasmi sendiri dan pula maka kita bermegah dengan wujud-nya satu pertubohan yang sa-macham St. John tetapi nama-nya berlainan.

Jadi soal nama-nya, Tuan Yang di-Pertua, kita ingin-lah—kalau orang beranak pun dia hendak menchari nama yang baik² begitu juga pertubohan² ini dan oleh kerana kita ini tidak di-jajah lagi dan kita merdeka biarlah bahasa kita itu sendiri kita gunakan. Sekian, saya ucapkan terima kaseh.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berchakap sedikit. Saya berchakap ini

sa-bagai Pengerusi Majlis Kebangsaan St. John Malaysia Barat menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh dan sa-tinggi² tahniah kepada Menteri Kesihatan, rakan saya yang telah membawakan Usul ini. Sa-patut-nya saya sendiri membawakan-nya, tetapi oleh kerana saya telah menjadi Menteri Perhubungan hari ini dan di-sini saya menyokong dengan sa-penoh-nya. Sa-benar-nya Ahli Yang Berhormat dari Bagan yang kata-nya patut telah lama di-kemukakan Rang Undang² ini. Yang sa-benar-nya saya pun menjadi Menteri Kesihatan sa-lama dua tahun sa-tengah, dan pada masa itu saya juga telah menjadi Pengerusi sa-chara otomatis mengikut Perlembagaan, saya telah menyelidiki perkara² pertubohan sa-chara sukarela ini soal personality memang penoh di-situ. Di-sini-lah pengalaman saya dapat di-satu-padukan dengan mengadakan satu badan yang jangan lupa Ahli Yang Berhormat dari Kubang Pasu Barat yang berchakap akhir ini mengatakan fasal nama.

Yang sa-benar-nya nama menjadi tinggal riwayat sahaja St. John yang sa-benar-nya dalam Commonwealth semua ada St. John. Jadi kalau kita hendak terjemahkan di-sini Perkhidmatan Pertolongan Chemas, boleh juga di-pakai di-sini untuk orang di-sini, tetapi satu badan international, satu badan Commonwealth dan kita ada perhubungan juga dengan Commonwealth sakali pun kita sudah merdeka sa-bagaimana badan pengakap (scout) kita katakan pengakap. Itu tidak menjadi soal pokok, yang dapat menjadi soal pokok sekarang ini sudah pun di-aku² perkhidmatan-nya pada waktu bah, pada waktu kemalangan, dan lain²-nya banyak-lah jasa² baik telah di-lakukan. Jadi saya mengambil peluang menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kepada semua yang menyokong Bill ini dan kepada pehak² yang telah berkhidmat di-dalam Majlis St. John, sama ada sa-masa St. John Association dan St. John Brigade yang sekarang akan di-satukan. Saya harap mereka akan dapat menghapuskan soal² personality. Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Bagan dan juga Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara, sungguh pun St. John supporters, malu kita, kalau kita hendak menyebutkan di-dalam Rumah Yang Berhormat ini. Tahu sama tahu-lah: soal hendak meminta lekas dapat bintang, recommend, saya menjadi Pengerusi saya tahu, berebut² hendak bintang timor, bintang barat. Tidak payah-lah meminta.

Pengerusi baharu sekarang ini Yang Berhormat Menteri Kesihatan dia tahu siapa yang berjasa kepada ra'ayat akan di-akukan atau recommend—dapat tidak dapat, itu lain soal-lah. Tetapi soal ini ia-lah voluntary organisation, full of personality, full of patriotism, sa-masa saya menjadi Pengerusi saya chukop menjalankan keadilan. Saya harap mereka akan puas hati dengan ada-nya penyatuan ini, segala² personality akan dapat kita hapuskan dan akan berkhidmat dengan sa-benar²-nya untuk peri kemanusiaan. Terima kaseh.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan berbanyak terima kaseh kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan sa-bagai Pengerusi St. John Ambulance Malaysia yang telah di-terangkan di-Dewan ini berkenaan dengan personality yang telah berlaku itu, saya uchapkan ribuan terima kaseh. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya apa pertubohan² sukarela yang ada dalam negeri kita ini, sama ada pemimpin² atau ahli²-nya untuk bekerjasama dengan hati yang terbuka dan juga mengambil apa² keputusan-nya dengan sikap yang jujur dan ikhlas maka kemenangan personality itu boleh di-kurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya chuma hendak menjawab satu soalan yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara. Beliau menhadangkan supaya satu wang peruntukan khas kepada St. John, Ibu Pejabat dan juga Chawangan² Negeri untuk mengadakan Setiausaha² Kerja Tetap. Perkara ini boleh di-ambil perhatian oleh Kementerian saya bagaimana-kah satu peruntukan boleh di-tetapan.

Yang Kedua, beliau menhadangkan boleh-kah ahli² St. John Ambulance ini untuk menolong jururawat² di-hospital. Perkara ini, saya fikir tidak sesuai oleh kerana ahli² St. John ini ia-lah ahli sukarela, mereka itu bekerja atau berkhidmat dengan semangat sukarela dan juga dengan semangat untuk menolong orang² yang susah dan sa-bagai-nya, maka tidak-lah payah mereka itu jika bekerja dari satu masa ka-satu masa dengan sukarela sahaja maka mereka itu tidak berasa puas hati. Jadi pandangan . . .

Tuan Haji Ahmad bin Said: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebutkan tadi, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri

supaya memberi keutamaan pengambilan bekerja sa-bagai jururawat, penolong jururawat, bidan dan juga pembantu rumah sakit kepada ahli² perbadanan ini yang telah lulus peperiksaan pertolng chemas itu.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, jikalau begitu boleh-lah di-ambil perhatian oleh Kementerian saya. Itu-lah sahaja jawapan saya. Sekian, terima kaseh.

Usul di-kemukakan bagi di-putusan dan di-persetujuan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 16 menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² PENDAFTARAN AHLI FARMASI (PINDAAN)

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentang satu Rang Undang² bertajok suatu Akta untuk meminda Sekshen² 6, 8, 11 dan 17 daripada Ordinan Pendaftaran Ahli Farmasi, 1951 yang ada sekarang untuk membenarkan Menteri Kesihatan meluaskan pendaftaran terhad kepada ahli² farmasi dari luar negeri yang pada masa ini tidak boleh di-daftarkan di-bawah peruntukan Ordinan yang ada sekarang.

Pada masa ini ada 61 jawatan dalam perkhidmatan farmasi di-Kementerian Kesihatan yang mana 40 jawatan sahaja yang telah di-penohkan, 38 oleh pegawai² tetap dan 2 oleh pegawai² sementara. Maseh ada lagi 21 jawatan kosong. Tidak ada tambahan dalam waran perjawatan itu semenjak tahun 1969 oleh kerana ketidak-mampuan untuk memenohkan kekosongan² yang ada, walau pun perkhidmatan Kerajaan berkehendakkan lebih banyak ahli²

farmasi. Perkhidmatan farmasi di-Kementerian Kesihatan ada-lah terbuka kepada semua siswa² Malaysia daripada Universiti Singapura, kerajaan Inggeris (United Kingdom) dan beberapa buah Universiti² Australia. bilangan ahli² farmasi berasal dari Malaysia yang keluar dari Universiti² ini pukul-rata ada-lah tidak lebih daripada 10-15 siswa² sa-tahun. Adalah di-dapati bahawa sa-bilangan besar dari bilangan itu akan memohon pekerjaan di-bahagian besar dari bilangan itu akan memohon pekerjaan di-bahagian swasta. Oleh yang demikian, hasil daripada pengambilan tahunan pegawai² ini yang tinggi sekali ia-lah 3 orang sahaja satakat ini bagi tahun 1971 untuk memenohkan kekosongan yang ada semenjak tahun 1968.

Dengan keadaan yang telah di-jelaskan itu, di-dapati bahawa untuk mengembangkan dan melaksanakan perkhidmatan farmasi Kementerian Kesihatan di-bawah Rancangan Malaysia Kedua dengan lebih berkesan lagi, kekurangan ahli² kimia farmasi dalam perkhidmatan Kerajaan patut di-perbaiki. Sa-terus-nya, ada-lah kena pada tempat-nya untuk menunjukkan bahawa jumlah keperluan bagi ahli² kimia farmasi di-bawah Rancangan Malaysia Kedua ia-lah 125 orang. Perkhidmatan farmasi hendak-lah di-lengkapkan dengan kakitangan yang sa-chukup-nya oleh sebab kekurangan kakitangan dalam bidang ini sangat² tidak memuaskan berhubung dengan kemajuan dalam perkhidmatan penyembahan dan pencegahan dan memandangkan bahawa perkhidmatan farmasi ada-lah bahagian yang utuh dan penting dalam perkhidmatan penyembahan dan pencegahan. Memandangkan kepada keperluan yang sangat di-kehendakki itu, ada-lah di-dapati sangat perlu bagi Kementerian ini untuk mengambil ahli² kimia farmasi dari luar untuk memenohkan kekosongan² sa-chara kontrek.

Tuan Yang di-Pertua, di-bawah Ordinan Pendaftaran Ahli² Farmasi yang ada, Lembaga Ahli Farmasi ada-lah bertanggung-jawab terhadap pendaftaran ahli² farmasi di-negeri ini dan mempunyai kuasa untuk mendaftar hanya 3 kumpulan ahli² farmasi yang berikut:

- (a) Sa-saorang yang mempunyai kelulusan yang di-aku² oleh Persatuan Ahli Farmasi Great Britain.

(b) Sa-saorang yang mempunyai kelulusan² tempatan dari Universiti Singapura.

(c) Sa-saorang yang mempunyai kelulusan daripada negeri² asing dimana kursus itu mempunyai jangka masa, kandungan dan taraf yang sama dengan kursus di-Universiti Singapura dan mereka mungkin di-kehendakki bertugas di-dalam sa-buah farmasi tempatan dan mengambil pepereksaan sa-lanjut-nya dalam "Forensic Pharmacy".

Lembaga Ahli² Farmasi tidak ada kuasa untuk membuat pendaftaran terhad bagi ahli farmasi untuk perkhidmatan sa-chara kontrek dengan Kerajaan. Saperti yang telah saya jelaskan, ada-lah perlu untuk menerima sa-saorang yang memegang kelulusan² farmasi yang lain bagi pendaftaran sa-chara kontrek. Oleh yang demikian, ada-lah baik bagi Menteri mengenakan syarat² untuk membolehkan pendaftaran terhad kepada ahli² farmasi yang tidak layak untuk pendaftaran sa-penoh-nya di-bawah 3 perenggan kechil di-atas (a), (b), dan (c) supaya ahli² farmasi yang berkelayakan dan berpengalaman daripada negeri² jiran tetangga boleh di-ambil untuk berkhidmat dengan Kerajaan. Segala pindaan akan membolehkan Kementerian Kesihatan mengatasi kekurangan ahli² kimia farmasi dalam Perkhidmatan Kerajaan supaya tidak ada rintangan di-dalam perkembangan perubatan kesihatan dan perkhidmatan farmasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon membentangkan bahawa Akta Pendaftaran Ahli² Farmasi (Pindaan) 1971 yang menuntut pindaan kepada Sekshen 6, 8, 11 dan 17 daripada Ordinan Pendaftaran Ahli² Farmasi 1951, di-bachakan kali yang kedua.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatankuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² KANUN TANAH NEGARA (HAKMILEK PULAU PINANG DAN MELAKA) (PINDAAN)

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan supaya Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilet Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan), 1971 di-bacha kali yang kedua.

Undang² Kanun Tanah Negara (Hakmilet Pulau Pinang dan Melaka) 1965, yang telah di-kuat-kuasakan pada 1hb Januari, 1966 membuat peruntukan untuk menyelenggarakan penukaran suratan² hakmilet yang dahulu-nya di-keluarkan oleh Kerajaan² Negeri Pulau Pinang dan Melaka mengikut sistem Inggeris supaya bersaimbangan dengan suratan² hakmilet yang di-keluarkan di-bawah Kanun Tanah Negara mengikut sistem Tonens. Peralehan ini juga mem-babitkan chara² pendaftaran hakmilet. Undang² itu juga mengenakan syarat yang jangka masa sa-lama 12 tahun mulai daripada tarikh kuat-kuasa-nya bagi menyelesaikan tugas² menyiasat dan menyemak suratan² hakmilet yang lama untuk di-masokkan ka-dalam daftar hakmilet mengikut Kanun Tanah Negara tahun 1965. Tugas² ini di-dapati rumit dan memakan masa yang panjang, sedangkan masa untuk menjalankan peralehan kepada Tonens system itu hanya tinggal 6 tahun lagi.

Dari itu, Kementerian saya berchadang supaya sa-orang lagi Pengarah Hakmilet Geran Tanah di-perengkat Negeri di-lantek untuk mempercepatkan tugas² menyelenggarakan peralehan system tanah di-Pulau Pinang dan Melaka. Ini bererti Pulau Pinang dan Melaka akan masing² mempunyai sa-orang Pengarah sambil kaki-tangan mereka di-perkuatkan. Sa-lepas perlantekan ini, perbelanjaan pentadbiran melaksanakan

undang² ini yang sa-lama ini telah di-biaya oleh Kerajaan Pusat akan di-tanggung pula oleh Kerajaan Negeri² yang berkenaan.

Rang Undang² (Pindaan) yang di-kemukakan ini ada-lah untuk memenuhi maksud bagi mengadakan sa-orang Pengarah Hak-milek Geran Tanah berasingan bagi Negeri Pulau Pinang dan Negeri Melaka. Kedua² Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Melaka telah pun di-bawa berunding dan telah bersetuju kepada pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Tan Cheng Bee (Bagan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang² ini dan saya minta izin berchakap dalam bahasa Inggeris. (*Dengan izin*) Sir, this Bill has come in time to prevent the administration of land titles in Penang and Malacca from further delay.

Sir, the administration of land titles, especially in Penang and Malacca, is a very complicated and time-absorbing issue and the Commissioner of Land Titles now administering this department in the State of Penang as well as Malacca must be a very hardworking and efficient officer to be able to handle such voluminous and complicated nature of work these few years without breaking down. It is, therefore, most timely that the task of this officer is relieved by the appointment of another officer to administer this nature of work in Malacca.

Sir, since land laws in the former colonial States of Penang and Malacca are totally different and more complicated than the land enactments in other Malaysian States, it would, I feel, Sir, be advisable for this type of job to be filled by State Civil Service officers, some of whom have had training in Australia and other Commonwealth countries on land laws and land work peculiar to colonial countries. After training, most of the State Civil Service officers are posted as Assistant Secretaries or in jobs which have no bearing on their training, thereby wasting Government funds in sending them abroad. These State Civil Service officers are not transferable to other States and they can, therefore, work in

continuity in the Land Title Office and improve the administration of this Department.

Sir, the M.C.S. officers, now known as Home and Foreign Service officers, are frequently being transferred and as such are likely to delay the work of land administration, which is a time-absorbing and complicated nature of work. If State Civil Service officers are posted in this work, it would also give them a chance for promotion as avenues for promotion for State Civil Service officers are very restricted. Thank you.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang² ini ia-lah untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilek) Pulau Pinang dan Malaka), untuk membuat peruntukan bagi melantek sa-orang Pesuruhjaya Hak-milek Tanah bagi tiap² sa-buah negeri supaya dapat di-majukan lagi pentadbiran tanah dalam negeri.

(*Dengan izin*) There are a dozen odd new villages in the State of Malacca, and they are all facing the problem common to new villages in other States—namely land. The new villagers are poor people with little means, and land is invariably their last means of eking out a living. It is their life-blood. It is important and imperative that the Government grant titles to the new villagers for the land they occupy, at low premium, and on easy-to-pay terms.

There is one new village in Malacca, the On Lok New Village, where there is one unusual and reprehensible attempt to exploit the new villagers. Because of the breakdown of administrative machinery in the collection of T.O.L. fees from the On Lok New Villagers for several years, partly, I believe, from the maladministration and failure of the local council, the new villagers had not paid their T.O.L. fees for several years. They were now told by the District Officer of Jasin that if they want to continue to remain on their land, they must resume their T.O.L. payments, and pay up their T.O.L. arrears. This is reasonable. But they are also required to pay what is called a penalty fee for their failure to pay promptly in the past, and this ranges from \$100 to \$700 in some cases. This is virtual extortion and a shameless

exploitation of the weak and poor. I call on the Minister concerned and the Minister of Special Functions on New Villages to look into this.

The Minister of Special Functions on New Villages has been appointed Minister in special charge for new villages for more than a month, but it would appear that the most pressing problem of new villagers—namely, land—has been side-stepped. He is doing a lot of travelling and getting a lot of publicity, which is good, provided he delivers the goods. After more than a month in office, he should have been able to come out with some concrete programme about solving the land problem of the new villagers, not only in Malacca, but throughout the country.

He should immediately announce that all new villagers will be given titles for the land they now occupy, at low premiums and easy-to-pay terms, and get the Cabinet to agree to allocate 400,000 acres of land for the 750,000 new villagers for the next five years under the Second Malaysia Plan.

Dr Lim need not go travelling as far as the land problem is involved. About social amenities, health facilities and others, his visits would be useful. But before he gets down to this, he should solve the first priority problem—the need for land by the new villagers, for titles at cheap rates. Before Dr Lim became Minister, he was agitating in Perak for cheap premiums for Perak new villagers on acquiring title. It is surprising that after he has assumed office, he has done nothing about it. I hope he will not prove to be one of those ‘flash in the pan’, a nine-day wonder, full of sound and fury, signifying nothing. As far as I know, Dr Lim does not even have a Ministry physically. He has only his political secretary and his personal staff. This is farcical, when considering the magnitude of the problem of the 750,000 new villagers—to get them fully involved in the mainstream of the country's economic and social development after 20 years of neglect. Thank you.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bagan atas tegoran²-nya dan ucapan penghargaan beliau tadi.

Sa-benar-nya Kerajaan chuba hendak menetapkan kedudukan sa-saorang pegawai di-dalam Jabatan Tanah sa-lama² yang boleh, tetapi kalau peluang pegawai itu hendak naik pangkat terpaksa tergendala kerana dia di-tetapkan di-tempat itu, saya rasa ini tidak-lah adil kepada sa-saorang pegawai itu, dan terpaksa-lah kita menimbang, memberi dia peluang memegang jawatan lain. Saperti saya kata, dari mula²-nya memang-lah tujuan kita hendak menggunakan pengalaman² sa-saorang pegawai itu, khas-nya untuk pekerjaan yang di-pegang-nya itu.

Berkenaan dengan ucapan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka, saya rasa ta' ada-lah rupa-nya sebab saya hendak menjawab kerana ucapan beliau itu ada-lah “irrelevant to the whole Bill”.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sabagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatankuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² HAIWAN (PINDAAN)

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin menandatangani supaya Rang Undang² “Animals Ordinance (Amendment) Bill 1971” di-bacha bagi kali yang kedua.

Undang² yang ada sekarang ia-itu “Animal Ordinances 1953” ada beberapa kekurangan yang patut di-tambahkan supaya perlaksanaan projek² yang di-chadangkan dalam Rancangan Malaysia Kedua ini boleh di-jalankan dengan lichen. Projek² berkaitan

ia-lah rumah penyembelahan pusat yang akan di-laksanakan dalam Ranchangan Malaysia yang Kedua ini. Dengan penubohan rumah sembeleh di-Shah Alam itu, urusan² mengenai pemeriksaan daging dan aktiviti² lain yang bersangkutan dengan itu perlu di-jalankan oleh pegawai² haiwan mengikut peratoran yang tertentu. Ordinan 1953 itu tidak memberi peruntukan untuk membolehkan diperbuat peratoran² bagi menyelenggarakan kehendak² tersebut. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah mustahak di-pinda "Animal Ordinances 1953" dengan di-tambah satu "Sub-Section" di-bawah Sekshen 86 seperti yang di-chadangkan. Dengan pindaan sa-demikian peratoran² boleh-lah di-chiptakan ka-arrah itu dengan memberi kuasa Undang² supaya Rumah Sembeleh pusat Shah Alam dapat di-kendalikan dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan tersebut maka dapat-lah Kementerian saya mengeluarkan peratoran pemereksaan daging yang boleh menentukan dan memberi jaminan ka-semua ra'ayat ia-itu daging yang berpuncha dari rumah sembeleh itu telah pun di-pereksa dan di-luluskan untuk makanan. Pada masa ini tidak ada satu² peratoran yang tertentu dan sama serupa di-antara Negeri² kita ini. Jika pindaan ini di-jalankan, semua peratoran² pemereksaan daging di-dalam Malaysia ini ada-lah serupa. Ini juga akan memberi keutamaan dan peluang kepada Negara kita di-terima untuk mengekspot daging ka-luar negeri. Daging babi pada masa ini ada berlebehan dan boleh-lah di-ekspot ka-negeri² lain.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan ini saya menchadangkan supaya Rang Undang² meminda "Animals Ordinance 1953" menambah di-bawah sub-sekshen 86 (2) paragraph (ea) berbunyi "Regulating and controlling any abattoirs or slaughterhouses," di-bacha bagi kali yang kedua-nya.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, di-hadapan kita sekarang ini ia-lah suatu Akta bagi meminda Ordinan Haiwan, 1953. Berdasarkan keterangan yang telah di-beri oleh Yang Berhormat Menteri sa-masa mengemukakan Akta ini, amat nyata kepada kita bahawa sa-lama ini

pengawasan dan pengawalan yang di-jalankan oleh pihak Kerajaan terhadap rumah penyembelahan tidak begitu rapi dan dengan sebab itu-lah timbul perasaan di-satengah kalangan, terutama sa-kali umat Islam di-dalam tanah ayer kita ini; apa-kah daging² yang di-makan sa-lama ini benar² di-sembeleh mengikut kaedah Islam atau pun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah daging² yang sa-lama ini di-makan oleh orang² Islam di-sebabkan kurang rapi-nya jagaan daripada pihak Kerajaan dan daging² itu telah di-makan dengan sa-chara kurang halal, maka sedikit sa-banyak Kerajaan terpaksa menanggung kesalahan² yang seperti ini. Tetapi, walau bagaimana pun, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kerajaan kita ini Kerajaan yang lahir yang di-asaskan oleh manusia sudah tentu tidak dapat hendak mengelakkan daripada kesilapan² yang seperti itu. Maka pada hemat saya di-atas kesedaran ini-lah Yang Berhormat Menteri telah mengemukakan Rang Undang² ini dan dengan harapan supaya kesilapan² di-masa yang telah lalu tidak akan berlaku. Maka dengan sebab itu-lah saya memberi sokongan kepada Rang Undang² ini sambil menyatakan sa-chara membena kepada Yang Berhormat Menteri bahawa dari pengalaman sa-lama ini di-mana² tempat di-adakan rumah penyembelahan. Sa-panjang yang saya ketahui bukan semua binatang² itu di-sembeleh di-rumah penyembelahan; ada berlaku penyembelahan itu di-jalankan di-tempat lain, tetapi di-keluar-nya surat daripada rumah penyembelahan itu.

Jadi, dengan sebab itu, saya ingin mendapat jaminan sa-chara terus-terang daripada Yang Berhormat Menteri di-dalam Dewan ini, apa-kah dengan perlaksanaan Akta ini kita akan dapat menyekat kejadian² seperti yang saya sebutkan tadi, penyembelahan di-lakukan di-luar daripada tempat ini, kemudian surat di-keluarkan menerusi pusat penyembelahan, konon-nya, mengiktirafkan bahawa penyembelahan itu benar² berlaku di-tempat penyembelahan. Hakikat yang sa-benar-nya, penyembelahan ini di-tempat yang lain. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau ini berlaku terus-menerus, maka kepada saya Akta ini akan tinggal di-atas kertas sahaja, tetapi perlaksanaan-nya berjalan terus seperti yang telah lalu. Walau bagaimana pun, saya menaruh keperchayaan kepada Yang Berhormat Menteri yang saya amat kasehi akan

dapat menchari sebab² kenapa penyelewengan seperti ini berlaku. Dan kalau perlu chuba-lah bertindak sedikit kepada pegawai² yang seperti ini bagi menjaga kesucian umat Islam di-dalam tanah ayer kita ini supaya daging² yang halal benar² dapat di-makan sa-chara halal. Sekian, terima kaseh.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, saya ambil bahagian dalam perbahathan atas Rang Undang² untuk modernise abattoirs system di-dalam Malaysia. Tuan Speaker, tujuan Kerajaan ia-lah mahu menubuhkan satu modern abattoir di-Batu Tiga.

(Dengan izin) Sir, for the use of the whole of this country. But, Mr Speaker, Sir, while I agree that there should be a modernised system, I think the Government should also take into consideration that other traditional types of abattoirs should be allowed to operate and given a chance to compete with this modernised system. While there should be a modernised abattoir at Batu Tiga, at the same time the Government should be careful, while implementing the system, to see that the livelihood of the people who are making use of existing abattoirs in Seremban or other towns should not be affected. By all means you can collect as much or as many livestock, cattle or pigs, or goats for your modernised abattoir in Batu Tiga, but at the same time I think you should permit the small-time butchers to carry on with their abattoir business as in the past. If you do not, if you insist on monopolising the whole system of abattoirs, of taking animals and slaughtering them for the public, then I think you are going to throw into the unemployment heap a large number of Malaysians and add to the ranks of the unemployed these butchers and the people who sell beef or meat. Therefore I urge the Honourable Minister to reconsider his proposal. Whilst he can modernise the abattoir system, he should at the same time allow the existing abattoirs, say, at Seremban or Malacca, to carry on their business, and if in time he should find that the modernised abattoir in P.J. is not adequate enough, then he should at the same time build more modernised abattoirs in other parts of the country, e.g. Seremban, Malacca and Ipoh.

Therefore, I put this proposal for the sincere and honest consideration of the Honourable Minister to think carefully of

the fate of the small butchers in other parts of the country other than Batu Tiga and to give them due consideration.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini ingin saya menyatakan sedikit ia-itu saya mengalu²kan Rang Undang² ini yang di-bawa oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sekejap tadi. Chuma yang saya ingin mengingatkan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tentang ada-nya Rang Undang² ini berarti mengemaskan sedikit lagi peratoran penyembelahan di-negeri kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan tentang satu perkara di-mana masa² yang lalu ia-itu kejadian binatang² yang sakit di-sembeleh oleh pehak yang berkenaan untuk di-jual. Jadi kejadian ini kurang memuaskan dan saya kira dengan ada-nya chara penyusunan baharu mungkin kejadian seperti itu tidak akan berlaku. Jadi saya minta supaya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengawasi dan menjaga supaya binatang² yang sedang sakit terok tidak sa-baik²-nya-lah di-sembeleh di-tempat sembeleh dan di-jual kepada orang ramai kerana mendatangkan terganggu kesihatan orang² yang membeli-nya. Apa yang saya sebutkan ini memang pernah berlaku pada masa yang lalu di-mana kerbau² dan lembu² yang sakit di-sembeleh juga dan di-jual kepada orang ramai dan sa-bagaimana yang kita dengar baharu sekejap tadi ia-itu Ahli Yang Berhormat dari Besut mengatakan ada kerbau² yang mungkin mati dan sa-bagai-nya pun mungkin di-buat begitu. Ini satu chara penipuan untuk menchari duit.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersimpati tentang penyembelahan chara Islam ini harus di-ambil perhatian supaya tidak mendatangkan shak wasangka terhadap umat Islam yang mahu makan sembelean sa-chara Islam.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini mungkin menimbulkan kesulitan pehak Kerajaan dalam menentukan hal ini kerana mungkin tempat sembeleh yang di-tentukan bukan hanya tempat sembeleh untuk makanan orang Islam sahaja mungkin ada-nya bukan Islam juga di-sembeleh di-tempat itu. Saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil perhatian supaya di-asingkan ia-itu tempat penyembelahan orang

Islam dan tempat penyembelahan orang yang bukan Islam itu di-asingkan dan memperoses barang²-nya pun alat²-nya di-asingkan juga.

Satu lagi yang saya ingin menyebutkan ia-lah tentang orang² yang menyembelih atau orang yang mengadakan perusahaan menyembelih itu tentu-lah ramai. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengambil perhatian supaya tidak timbul hanya beberapa orang sahaja yang dapat menyembelih di-tempat yang tersebut. Mithal-nya saya bagi chontoh ia-itu satu tempat menyembelih ada 10 orang, orang yang mengadakan perusahaan penyembelahan, jadi keadilan mesti-lah ada pada 10 orang yang menyembelih itu supaya tidak timbul-lah hanya beberapa orang control bagi orang lain. Ini satu keadilan pengusaha² yang menyembelih dan saya harap lesen² ini di-beri-lah lebih banyak kepada orang Islam dalam menyembelih barang² atau pun yang mana di-makan oleh orang Islam dan kalau di-beri lesen kepada orang yang bukan Islam pun mesti yang tukang sembelih-nya ia-lah orang Islam. Sekian, terima kaseh.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji

Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kaseh kepada Ahli Yang Berhormat dari Besut yang telah membangkitkan masalah berkenaan dengan menyokong Rang Undang² ini dan berharap supaya penyembelahan ini di-jalankan sahara kaedah orang Islam. Jadi saya suka-lah menyatakan di-sini, saya akan membawa satu Undang² lagi sa-lepas daripada ini yang di-namakan Rang Undang² Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara, 1971 di-mana di-bawah Rang Undang² ini manakala di-luluskan kelak kita akan menubuhkan satu perbadanan yang akan menyelenggarakan tempat penyembelahan di-Batu Tiga, Shah Alam dan dengan ada-nya tempat penyembelahan ini semua sa-kali tempat² penyembelahan di-seluruh negeri Selangor dan Negri Sembilan akan di-tutup dan penyembelahan chuma di-lakukan di-Batu Tiga, Shah Alam dan kita ada pula ranchangan untuk mengadakan satu tempat pusat pembahagian di-Negri Sembilan ia-itu di-Seremban.

Tujuan kita mengadakan ini bukan sahaja daripada segi ekonomik ia-itu kita dapat menyelamatkan darah regis² berbagai² perkara lagi kulit, buku dan sa-bagai-nya tetapi

juga dari segi kesihatan. Saya perchaya kalau sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat yang ada dalam Dewan ini hari ini, pergi melawat sa-tengah daripada tempat penyembelahan yang kecil², barangkali mula² daripada hari esok, kebanyakan-nya tidak tergamak hendak makan daging yang di-sembeleh di-tempat² itu kerana kekotoran dan sa-bagai-nya. Jadi di-sini barangkali Ahli Yang Berhormat itu berkata pula mengapa-kah Kementerian saya atau Jabatan saya tidak mengadakan kawalan. Jadi sekarang kita ada berpuluh tempat penyembelahan dalam satu² negeri. Mithal-nya kita ambil di-negeri Trengganu kita ada dekat dua tiga puluh tempat penyembelahan, pegawai haiwan ada dalam negeri Trengganu chuma sa-orang dan veterinary assistant ada tiga empat orang, jadi sudah tentu-lah tiga empat orang veterinary assistant tidak boleh dia hendak menjaga semua tempat penyembelahan yang ada di-seluruh negeri Trengganu. Maka dengan sebab itu-lah kita sekarang memusatkan tempat penyembelahan dan di-situ dapat kita menyelamatkan by-product binatang itu dan juga dapat menjaga kebersehan binatang itu.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timor minta supaya di-tinggalkan tempat penyembelahan yang kecil, atau pemotong² yang kecil jangan di-usek kata-nya. Jadi dengan ada-nya ranchangan memusatkan tempat penyembelahan ini kita tidak-lah dapat meninggalkan atau membiarkan tempat penyembelahan yang kecil ini berjalan sa-bagaimana yang sudah, tetapi saya di-dalam ucapan sekejap lagi saya juga akan memberi akuan ia-itu kita akan memberi keutamaan pekerjaan² kepada pekerja² yang pada masa sekarang ini sedang bekerja dengan tempat² pajak pemotong yang ada dalam negeri ini.

Ahli dari Dungun pula meminta supaya pehak Kementerian saya supaya menjaga atau mengelakkan daripada penyembelahan binatang sakit dan sa-bagai-nya. Maka sa-bagaimana yang saya sebutkan tadi, tujuan kita memusatkan ini ia-lah untuk hendak menjaga kesihatan dan saya akan memberi jaminan di-sini ia-itu tidak ada binatang yang sakit yang akan di-sembeuhkan di-pusat penyembelahan Batu Tiga yang akan di-jalankan oleh perbadanan yang di-tubuhkan oleh Kerajaan.

Berkenaan dengan mengeluarkan lesen penyembelehan, maka di-sini sa-bagaimana yang saya terangkan tadi di-negeri Selangor dan Negri Sembilan, chuma ada satu sahaja tempat penyembelehan ia-itu yang akan di-kelolakan oleh perbadanan. Jadi tidak-lah timbul di-sini untuk memberi lesen yang lebeh kapada bumiputra atau pun bukan bumiputra dan sa-bagai-nya. Terima kaseh.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*).

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² PEHAK-BERKUASA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan Rang Undang² Pehak-berkuasa Kemajuan Pertanian Muda, 1972 di-bacha bagi kali yang kedua.

Rang Undang² ini bertujuan untuk memansuhkan Ordinan (Kuasa² Perlu) Dharurat No. 29, 1970 yang di-ishtiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di-bawah Perkara 150 Perlembagaan dan untuk membatalkan Peratoran² (Memperbadankan) Pehak-berkuasa Kemajuan Pertanian Muda, 1970.

Ordinan (Kuasa² Perlu) Dharurat No. 29, 1970 memberi kuasa kapada Menteri yang bertanggung-jawab atas pertanian menubuhkan apa² perbadanan bagi meranchang dan melaksanakan Kemajuan pertanian dan suatu perbadanan bernama Pehak-berkuasa

Kemajuan Pertanian Muda telah pun dengan sempurna-nya di-tubuhkan di-bawah Peratoran² ini untuk menjalankan kemajuan pertanian di-dalam Kawasan Perayeran Muda.

Rang Undang² yang di-bentangkan sekarang ini akan menggantikan Ordinan dan Peratoran² itu di-samping menubuhkan balek perbadanan tersebut. Di-bawah Bahagian II Rang Undang² itu peruntukan ada di-buat bagi menubuhkan Pehak-berkuasa Kemajuan Pertanian Muda (MADA), bagi menentukan tugas², kuasa² dan keanggotaan Pehak-berkuasa itu. Adalah menjadi tanggung-jawab Pehak-berkuasa mengator pembangunan am dalam Kawasan Perayeran Muda ini. Dan terta'alok kapada kuasa dan tanggung-jawab yang di-beri oleh Kerajaan Negeri Kedah dan Kerajaan Negeri Perlis kapada Pehak-berkuasa untuk menjalankan pembangunan pertanian dalam kawasan Perayeran Muda, maka ada-lah menjadi tanggung-jawab Pehak-berkuasa melaksanakan tugas itu di-dalam Kawasan tersebut. Kerajaan Kedua² Negeri ini telah di-hubongi terdahulu dari ini dan telah ber-setuju berbuat demikian. Fasal 4 (2) menerangkan kegiatan² yang boleh di-jalankan oleh Pehak-berkuasa ia-itu:

4 (1) Tugas² Pehak-berkuasa ia-lah—

- (a) memaju, menggalak, membantu dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial dalam Kawasan Muda;
- (b) meranchang dan mengusahakan dalam Kawasan Muda apa² kemajuan pertanian mengikut sa-bagaimana yang di-untokkan padanya oleh Pehak-berkuasa Negeri bagi Negeri Kedah dan Perlis.

Rang Undang² ini ada-lah pada keselurohan-nya sama dengan Ordinan 29/1970 itu melainkan di-bawah Fasal 5 (i) (h) yang saya sebutkan pada awal tadi ka-ahlian Lembaga di-mana Menteri berkenaan di-beri kuasa melantek 4 orang Ahli tambahan.

Fasal 8 memperuntokkan kuasa kapada Menteri mengeluarkan arahan kapada Pehak-berkuasa jika di-fikirkan perlu daripada satu masa ka-satu masa. Fasal 11 menentukan bahawa perbelanjaan Pehak yang berkuasa terlebeh dahulu mesti di-luluskan oleh

Menteri dan saterus-nya ada-lah di-kehendaki menghantar kepada Menteri apa² penyata, laporan, akaun dan maklumat mengikut sa-bagaimana yang di-kehendaki-nya.

Kegiatan dan tugas Pehak-berkuasa ada-lah terhad kepada kawasan atau kawasan² yang bernama Kawasan Muda yang di-tetapkan oleh Menteri menurut peruntukan Fasal 9.

Bahagian III Rang Undang² ini ada-lah berkenaan dengan kewajipan² Pengerusi dan Timbalan Pengerusi. Pengerusi ada-lah pegawai pengurus utama dan Timbalan Pengerusi ia-lah Pengurus Besar Pehak-berkuasa. Di-bawah Fasal 15 Pehak-berkuasa boleh mengambil pekerja dan melantek beberapa pegawai dan penjawat Pehak-berkuasa mengikut sa-bagaimana yang perlu untuk menjalankan tugas² Pehak-berkuasa.

Peratoran² mengenai kewangan Pehak-berkuasa ada di-peruntukan di-bawah Bahagian IV Rang Undang² ini. Peruntukan juga di-buat untuk membolehkan Pehak-berkuasa memberi pinjaman, meminjam dan melaborkan dengan kelulusan Menteri Kewangan mana² wang kepunyaan Pehak-berkuasa.

Pehak-berkuasa boleh menjalankan tugas² tambahan sa-bagaimana yang di-untuk atau di-beri kepada-nya di-bawah Fasal 10 dan jika Pehak-berkuasa fikirkan perlu, boleh menubuhkan perbadanan untuk menjalankan sa-suatu sekim atau projek yang di-jalankan oleh Pehak-berkuasa mengikut Fasal 28.

Pindaan kecil ini akan di-buat dalam masa Jawatan-kuasa kelak ia-itu berkenaan dengan nama Perbadanan ini daripada Pehak-berkuasa kepada Lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Abu Bakar bin Umar (Kubang Pasu Barat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang² Pehak-berkuasa Kemajuan Pertanian Muda, 1972 ini. Apa yang telah sama² kita ketahui Dewan ini telah pun meluluskan hampir² \$4 juta untuk perbadanan ini, dan sudah

se-wajar-nya-lah, Tuan Yang di-Pertua, bagi mengelolakan kepentingan tidak kurang daripada 50,000 keluarga yang ada di-dalam kawasan perayeran Muda satu badan yang di-namakan MADA ini di-tubuhkan, atau pun di-perundangkan dan juga untuk kepentingan dan untuk memajukan tidak kurang daripada 260,000 ekar tanah sawah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya perbadanan ini kalau-lah kita ingat untuk memajukan dengan se-wajar-nya maka satu perasaan mesti-lah di-timbulkan atau pun mesti di-sedarkan kepada petani² khas-nya bagi petani² dalam kawasan Muda untuk di-rasai oleh petani² yang bahawa MADA ini satu badan untuk menolong mereka dalam kehidupan mereka dan di-dalam pertanian mereka, maka saya mengeshorkan supaya Yang Berhormat Menteri di-dalam melantek-kan keanggotaan bagi perbadanan ini jangan-lah lupa melantek sa-orang atau pun dua daripada petani sa-tidak²-nya atau pun daripada satu pertubohan petani², maka dengan ini di-rasai-lah petani² bahawa MADA ini ada-lah hak mereka sendiri, dengan itu perjalanan dan kelichinan perbadanan ini dapat di-jaminkan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya tahu di-dalam tugas² MADA ini ia-lah untuk memperbaiki jalan² khas-nya untuk jalan², maka saya berharap sangat-lah supaya di-dalam kawasan Perayeran Muda ini jalan² yang maseh tidak baik dan jalan yang tidak dapat di-gunakan oleh petani² untuk mengeluarkan hasil² mereka mesti-lah di-perbaiki dan di-ambil berat, atau pun di-usahakan supaya petani² dapat mengeluarkan hasil padi mereka dengan senang dan dengan itu akan menambahkan hasil pendapatan mereka.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, soal Persatuan Peladang. Apa yang saya tahu, Persatuan Peladang khas-nya dalam kawasan Muda pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah begitu maju dan kadang² banyak yang telah menjadi Ahli Persatuan Peladang keluar daripada menjadi ahli-nya. Ini ada-lah di-sebabkan telah berlaku beberapa perkara yang membawa petani² tidak ingin dan tidak tertarek dengan Persatuan Peladang. Mithal-nya, Tuan Yang di-Pertua, pada tahun yang lepas Persatuan Peladang telah memberi kredit baja dan beneh padi kepada ahli²-nya dengan syarat kredit itu mesti-lah di-bayar di-waktu musim padi. Maka apabila tiba

musim mengetam padi, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana musim itu hujan, maka padi yang di-dapati oleh petani² basah dan ta' bagus, maka Persatuan Peladang tidak mahu menerima padi sa-bagai bayaran padi yang di-usahakan oleh petani² itu untuk sa-bagai membayar hutang kepada Persatuan Peladang. Maka dengan itu, Persatuan Peladang pun rugi dan orang peladang pun sudah berasa jemu dengan Persatuan Peladang dan saya harap perkara ini tidak lah berbangkit lagi.

Tuan Yang di-Pertua, baharu² ini saya terbaca dalam surat khabar bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan dengan ujud-nya Ranchangan Muda, bahawa soal padi kuncha akan terhapus dan telah pun terhapus dan saya fikir perkara ini pun MADA mesti-lah mengambil berat yang bahawa soal padi kuncha, Tuan Yang di-Pertua, maseh berjalan dengan saluas²-nya dalam Negeri Kedah ini dan saya harap sangat-lah supaya dengan ujud-nya MADA ini dapat mengambil perhatian dalam waktu mengemukakan geran² tanah yang di-punya² oleh petani², jangan lagi maseh tertidor di-dalam peti² moneylender dan chettiar di-sana.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal Persatuan Peladang yang akan di-binchangkan atau pun yang di-jangka untuk menjadi wakil kepada Badan Pemulehan Beras Negara ini, saya amat-lah bersukachita dan mengalu²-kan-lah dan supaya dapat-lah Menteri yang berkenaan chuba berikhtiar, moga² petani² yang sekarang ini sedang menjadi mangsa kepada kilang besar tidak-lah lagi menjadi mangsa kepada kilang² yang tersebut dengan ujud-nya Persatuan Peladang yang akan menjadi wakil kepada Badan Pemulehan Padi dan Beras Negara ini. Sekian-lah, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang² ini yang di-kemukakan oleh Menteri Pertanian dan di-sini saya mohon izin untuk berchakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Fasal 4 menyatakan bahawa:

"4 (1) Tugas² Pehak-berkuasa ia-lah—

(a) memaju, menggalak, membantu dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial dalam Kawasan Muda;"

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan untuk menimbulkan kesusahan, kerumitan dan kesulitan petani² bukan di-Kawasan Muda sahaja bahkan di-seluruh Malaysia supaya Menteri yang berkenaan boleh mengambil perhatian dan dengan pehak berkuasa yang sa-bahagian-nya boleh mengatasi atau menghapuskan kesusahan petani² di-seluruh Malaysia.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, before the advent of FAMA, the padi farmers in this country were supposed to be exploited by the middlemen. Yet with all that, they did get about \$16 or \$17 per pikul for their padi and they did not have any difficulty in selling their padi to the rice mills, nor did they have any difficulty in getting credit. It is true that at that time in getting credit they were exploited.

The establishment of FAMA was with the expressed intention of getting rid of the middlemen and to put an end to exploitation of the padi farmers in this country. But, Mr Speaker, Sir, what has actually happened in the recent past is that FAMA, far from releasing the padi farmers from the clutches of the middlemen, has in turn exploited the farmers of this country, as I shall presently show.

FAMA has divided the padi that they buy from the farmers into four grades, namely, A, B, C and D. Grade A is the driest grade and fetches the best price and the farmers do not seem to be able ever to achieve Grade A for their padi. Almost 90% of the padi that is sold to FAMA is placed in the category of C which fetches a price of \$14.50. The fortunate ones may be able to get a few pikuls into category B, which fetches a price of \$14.80 and the less fortunate ones are placed in the category D which fetches a price of \$14.20.

This categorisation of the padi depends on the moisture content and the foreign matters like earth, stones etc., which are mixed up with the padi. Much of whether the padi can be classified as A, B, C or D depends on the hydrometer which measures the moisture content of the padi. Let it be said from the outset that very few of the farmers understand the use of the hydrometer with the result that they virtually have to accept the reading made by the officials of FAMA. As I have mentioned before in this

House, what steps have been taken to see that the hydrometer that is being used is accurate and does not give a false reading. Because if it gives a false reading, obviously from where it should be actually in grade B, it then quickly falls to grade C and the farmers lose 30 cents per pikul and this is a very big sum of money to the farmers. I have also pointed out before that 90% of the padi produced is classified under grade C and is sold at \$14.50 per pikul. Now, from one pikul of padi, FAMA can get about 60 katies of rice which fetches about \$71.10 in the open market. Then from one pikul of padi too, FAMA can realise \$1.20 from the broken rice and from the bran that is derived from the milling of one pikul of padi. Thus, from one pikul of padi, FAMA can get about \$18.30 in all. Since the price of padi is \$14.50, it will be seen that FAMA makes a gross profit of about \$3.80 per pikul of padi that they purchased from the padi farmers.

If one allows \$1.80 for expenses, for management, for other staff and other overheads, it will be seen from the above that from one pikul of padi FAMA can get a clear profit of \$2. Mr Speaker, Sir, in the Muda Scheme—I do not have the actual figures—there must be thousands, tens of thousands or hundreds of thousands of pikuls of padi that are being produced from one crop. As I said, I do not have the figures for the Muda Scheme, but I have some figures of a place nearer home. I refer to the areas known as Tanjong Karang, Sekinchan, Sungei Besar and Sabak Bernam. From these four areas which are known as the Granary of Selangor, the padi farmers there produce about 600,000 pikuls of padi per season. If FAMA makes \$2 per pikul, it means that FAMA can get from this transaction \$1.2 million profit—clean profit—per crop. Now, this is an enormous sum of money to make out of the poor padi farmers not only from the Granary of Selangor

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, barangkali silap dengar. Ada-kah keuntongan yang di-dapati \$1.2 million per pikul, as you said just now?

Dr Tan Chee Khoon: \$1.2 million per crop. Dalam satu musim di-daerah Kuala Selangor sana FAMA boleh untong \$1.2 juta. Now if

you have double cropping, as there is double cropping in Kuala Selangor, then it stands to reason that FAMA will then make a profit of \$2.4 million per year from double cropping of the farmers. Mr Speaker, Sir, this is a gigantic sum that FAMA has made out of the sweat and the toil and the work of the farmers of Kuala Selangor.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: I just want to get it clear. The Honourable Member has been using words like “FAMA” and “farmers”. Could you make it clearer when you intend it to be FAMA?

Dr Tan Chee Khoon: FAMA.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Or the other one.

Dr Tan Chee Khoon: When I refer to “farmers” I use

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: I get confused myself.

Dr Tan Chee Khoon: When I refer to “farmers” I make use of the words “padi farmers”. Now, Mr Speaker, Sir, it will be seen that from Kuala Selangor alone FAMA makes \$2.4 million per year and if you take the whole country into consideration, and in particular this scheme in Kawasan Muda, FAMA will make not tens of millions of dollars but perhaps hundreds of millions of dollars from this transaction. FAMA then far from assisting the padi farmers of this country, I think, has become a gigantic middleman making millions of dollars out of the toil and the sweat of the farmers of this country. Mr Speaker, Sir, I call on the Minister of Agriculture, on the Chairman of the Rice and Padi Marketing Board and on the MADA to give this matter their urgent consideration. I think instead of paying the padi farmers \$14.50 per pikul for their padi, FAMA should pay the rice farmers at least \$16 per pikul, because that was what they were getting. When they were being accused of being exploited by the middlemen, whoever they may be, they were getting \$16 to \$17 per pikul, but with the advent of FAMA, they have been getting \$14.50 and, as I said, out of each pikul FAMA is getting a clear profit of \$2.

Mr Speaker, Sir, there are other problems which beset the padi farmers. Thus not very long ago there was a fall in padi production in Sungei Besar, again in North-West

Selangor. If there is a fall in production, if there is a shortage of anything—like there is a world shortage of sugar at the moment—what happens? The price of these things go up. But in Kuala Selangor, what happened was when there was a fall in production of padi, instead of paying the padi farmers more for their padi, FAMA says “No, we will pay you less. We will pay you less because you have been producing less.” Now, the fatuous reason farmers in Kuala Selangor were told was, “Now, look here, you have a fall in production of padi; therefore, we will make less profit and in order to make up for this fall in production and incurring a little loss of profits for us, we will make up for that by reducing the price of padi to you.” Mr Speaker, Sir, this is a terrible thing: here is an institution which is set up to redress the exploitation of padi farmers throughout the country and yet it is a law unto itself. It says, “Today we will buy from you not at \$14.50 for your grade C of padi but we will pay you \$14 and you take it or you lump it.”

Mr Speaker, Sir, while we are on the padi farmers of Kuala Selangor, I wish to say there are also private mills in Kuala Selangor and this is one of the things that one fails to understand, because time and time again, Mr Speaker, Sir, we are told that the private sector has nothing to fear from the public sector and that indeed the two can co-exist side by side. Now, what has happened in Kuala Selangor is this. There are two private rice mills—the Hai Sim Rice Mill and the Malaysian Rice Mill—and FAMA has its rice mills. If there is an open competition among the three of them, Mr Speaker, Sir, it stands to reason that if Hai Sim or the Malaysian Rice Mill chooses to pay instead of \$14.50 per pikul, more for the padi from the padi farmers there, FAMA should not grumble, because the avowed purpose of FAMA is to increase the income of the padi farmers. But, no, when FAMA found that these two private rice mills were buying padi at a higher price, it threatened to cancel the licence of these two private rice mills.

Mr Speaker, Sir, of course FAMA now no longer has authority over the padi farmers of this country, but I call on the Minister and I also call on the Rice and Padi Marketing Board to look into this

matter, because time and time again, I reiterate again, the Government has told the private sector, “You have nothing to fear. We will welcome you coming into whatever business enterprise that we may want to set up and we will welcome competition from you”; and if that is so, the Minister should direct the Chairman of the Rice and Padi Marketing Board not to use the “big stick” and threaten the rice millers throughout the country if they buy padi at a higher price than that is being offered by FAMA.

Now, Mr Speaker, Sir, I have highlighted the exploitation of the padi farmers by FAMA in the hope that its successor, the Rice and Padi Marketing Board, will not repeat the mistakes of the past. The Chairman of that Board is a member of this House and, although he is not here, I am sure that after he has listened to the tale of trials and tribulations of the padi farmers, he will order a thorough investigation into the marketing of rice and padi, so that the padi farmers will no longer be exploited and can look forward to a richer and fuller life.

Apart from the question of the marketing of padi, the padi farmers have a host of other problems, Mr Speaker, Sir. Thus, hundreds, if not thousands, of padi farmers still do not own the land which they cultivate and they have to work for absentee landlords, but many of these absentee landlords are in this House itself. Thus, when we talk about land reforms, I think we are indulging in a good deal of futile talk, because I do not see how the absentee landlords, who are in this House, will legislate away their land, so that the Government can make effective land reforms.

Be that as it may, Mr Speaker, Sir, I think the Government should make a serious attempt to purchase the land from these absentee landlords and sell them to the tillers of the soil on an instalment basis, so that the padi farmers can derive the maximum benefit from the land that they till and the products of their sweat and toil will not be taken away by the absentee landlords, most of whom are sitting in this House, Mr Speaker, Sir.

Mr Speaker, Sir, then, in spite of the plethora of the credit facilities that are available to the padi farmers in this country—Bank Pertanian, Bank Bumiputra,

Bank Kerjasama, Apex Bank etc.—it is no secret that the credit facilities to the padi farmers are still a very serious problem. The Rice and Padi Marketing Board should now look into this very serious problem, so that the credit facilities that the Government talks so much of can be solved for them.

Then, again, Mr Speaker, Sir, there is a problem of the water that is being delivered to the padi farmers. We have in the Muda District a vast irrigation project which cost more than \$200 million, Mr Speaker, Sir, and if it is not made the best use of by the padi farmers, then I think that is so much money literally thrown down the parit² in the Muda District. Mr Speaker, Sir, I say this because there have been complaints from the farmers in Sungai Besar—I regret that I have only made a very cursory trip around the Muda District and I am not quite familiar with it, but I am a little more familiar with the rice farmers in the Granary of Selangor—and in Sungei Besar, for example, a number of padi farmers have told me, “Doctor, macham mana-lah? Kami hendak ayer. Tetapi banyak ayer datang ka-sini. Bagaimana kami hendak menanam padi dan sabagai-nya?” Now, Mr Speaker, Sir, I say that the Drainage and Irrigation Department should liaise a little more carefully with the rice farmers. It is true that the officials of the D.I.D. have the expertise, but these rice farmers are there, they plant, they know how much water they should get and at what time they should get the water. Instead of sticking their nose up in the air and not listening to the padi farmers, I think the D.I.D. officials should listen a little more to the pleadings of the padi farmers, so that the padi farmers can make the maximum use of the millions of dollars that we have spent and the hundreds of thousands of dollars that we will continue to spend on the irrigation projects for the padi farmers.

Mr Speaker, Sir, the padi farmers in this country have a host of other problems. I have highlighted some of their major problems. At later sittings of this House, Mr Speaker, Sir, I shall continue to voice their problems, so that the padi farmers, one of the most exploited class in this country, can look forward to a richer and fuller life. Thank you.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berchakap dalam bahasa Inggeris. Rang Undang² ini memansokhkan Ordinan Kuasa² Perlu Dharurat dan membuat peruntukan menu-buhkan Pehak-berkuasa Kemajuan Pertanian Muda bagi bertugas mengatorkan pembangunan am dalam kawasan Sekim Perayeran Muda ini.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, the Government is spending hundreds of millions of dollars on the Muda Irrigation project to enable double cropping of padi in Kedah, and increase incomes from this sector. However, unless there are basic structural changes in our agrarian economy and basic land reforms, the increased incomes from higher productivities will only enrich the wealthy absentee landlords, without bringing great appreciable benefits to the downtrodden padi farmers. Thus, in a situation as we are in today, where the majority of the padi farmers public funds and capital into the rice-growing sector will only produce a result where the increases in rice productivity will increasingly accrue to the absentee landlords as rent payments and others, which means that the Government is, in fact, subsidising a few landlords while leaving the poor padi farmers in their present plight.

There are about 400,000 padi farmers, but their total acreage is only 865,000 acres and this works out to 2.12 acres per padi farmer, clearly highly uneconomical by any definition. The 1960 Census of Agriculture undertaken by the Ministry of Agriculture and Co-operatives found that 78 per cent of the padi farms in West Malaysia were less than five acres in size, and more than 50 per cent of them less than three acres. Further fragmentation into smaller and more uneconomical lots, varying from quarter acre to two acres, must have proceeded apace since then as poverty and indebtedness breed further poverty and indebtedness.

Economists are convinced that because of sub-division and fragmentation, farm size, especially that of the rice sector, gets smaller and smaller rather than bigger and more economic overtime.

There was an interesting study by T.B. Wilson on Tanjong Piadang District. From records, he found out that 46% of all farms

in the District were less than 5 acres in size, but 54 years later, 91% of all the farms were less than 5 acres in size.

Apart from the uneconomic size of the rice farms, the other root problem of poverty of padi farmers is absentee landlordism, or the non-ownership of land cultivated by the farmers. Looking at the Census of Agriculture, 1960, again, it is revealed that for Western Malaysia for all farms, 78% are owner-cultivated. However, only 20% of all such farms in Western Malaysia were found in the rice sector. Of all the rented farms in Western Malaysia, 93% were in the rice sector. This shows that the majority of the *ra'ayat* do not own the land that they till. And with the passage of time, more and more owner-operators are forced to give up their land, to surrender their land, because of poverty and join the army of the landless. In 1954, T.B. Wilson undertook a study on the economics of rice production in North Malaya, and he found that in Kelantan 56.7% of the rice acreage was owner-operated. By 1960, in a Census he directed, he found that this figure had decreased to 28%. In Kedah, the change was also in the same direction from 44% to 34%.

It is, therefore, vital that if the benefits, which the Government expenditures will bring into being, are to help the padi farmers and not wealthy absentee landlords, basic land reforms must be carried out. I therefore call for the abolition of landlordism in the rice farming sector. Landlords should be allowed to retain a maximum acreage for self-cultivation, the size to be determined after a thorough survey of the size of the operational economic holdings. The Government should buy up all the rest of the padi farms, pay compensation to the absentee landlords and resell them to present tenants. The new owner operators will repay back the Government for the sum compensated to the landlords over a period of ten, fifteen or twenty years.

The abolition of padi absentee landlords will release the padi farmers from exploitation and give them a stake to put more efforts into their farms to achieve higher productivity and increased incomes. This will ensure that the money the Government is investing on such projects like the Muda Irrigation Scheme will go to help the farmers

and not to enrich the already rich. I know that even if this plan is implemented not all padi farmers will get land. These farmers should be given land elsewhere so that in Malaysia tillers own the land they till, and the objective for which Hamid Tuah is serving four years of detention in Batu Gajah camp, land for the landless, can be achieved in Malaysia.

Finally, I would take this opportunity to urge the authorities concerned to make use of the leadership qualities of Hamid Tuah to solve the problem of rural poverty and landlessness in Malaysia, and not to incarcerate and persecute the only peasants' champion to emerge in Malaysian history. Thank you.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bersama² mengambil bahagian dalam perbahathan Bill ini, kerana sedikit sa-banyak undang² ini ia-lah mengenai *ra'ayat* yang terbesar di dalam negeri Kedah khas-nya.

MADA telah di-tubuhkan dengan tujuan hendak menolong mengemas dan meninggikan taraf pertanian negara. Ini ia-lah sesuai dengan janji² Parti Perikatan di-dalam bidang hendak memberi kesejahteraan kepada sa-bahagian besar pengundi² di-kawasan Perayeran Muda. Janji² ini tetap akan berhasil memandangkan kepada tujuan dan chara² pelaksanaan-nya.

MADA telah bertapak di-Kedah Pegawai² seperti Pengerusi, Timbalan-nya dan lain² telah pun bertugas dan sa-panjang yang saya ketahu² pegawai² FAMA juga telah di-masokkan ka-bawah MADA. Apa yang saya dengar MADA sa-hingga hari ini hanya dapat menubuhkan beberapa Persatuan Peladang sahaja, wal hal tugas² ini sebelum-nya di-jalankan oleh pegawai² daripada Jabatan Pertanian. Sa-lain daripada itu belum lagi kedengaran apa² ranchangan besar pehak tersebut. Masa telah berjalan dengan begitu chepat. Keadaan kesulitan petani² khas-nya di-kawasan Muda sekarang ini makin bertambah, molek juga bagi saya menyatakan di-dalam Dewan yang mulia ini beberapa kesulitan tersebut supaya dapat Dewan ini memberi pandangan baik terhadap apa sahaja ranchangan Kerajaan yang bertujuan hendak menolong membantu petani² atau pun orang² bendang.

Kesulitan petani² ada-lah sama juga kesulitan² yang di-alami oleh pekebun² kecil atau pun penoreh² getah berma'ana ini adalah kesulitan orang Melayu. Kesulitan ini telah menjadi penyakit pulohan tahun dahulu dan tentu-lah tujuan Kerajaan Perikatan mengadakan berbagai² badan termasuk MADA ini satu cara yang sangat² di-harapkan oleh ra'ayat jelata.

Sa-orang petani khas-nya di-kawasan Muda, atau di-mana² sahaja sentiasa mengharap pertolongan bantuan untuk menegakkan hidup-nya, menegakkan rumah tangga-nya dan akan meneruskan masa hadapan-nya untuk turun ka-bendang bila musim berbandang tiba. Tiap² petani kecil berkehendakkan kepada wang bekalan. Peruntukan yang terpaksa di-sediakan ini kerana dari masa turun ka-bendang sa-hingga padinya menguning petani² tidak ada kerja yang lain yang hendak di-buat. Peruntukan ini telah menjadi kebiasaan di-dapati dari pada orang tengah, wang ini terpaksa di-bayar balek kemudian. Cherita² berkenaan dengan keburokkan hal² hutang-piutang ini, wang padi kuncha, wang pinjaman ini sudah banyak di-jalinkan di-dalam buku² di-jadikan perbathasan di-dalam berbagai² majlis, di-debatkan di-dalam Dewan yang mulia ini berkali², tetapi keadaan² begitu terus berjalan juga. Petani² kecil di-utara Malaysia maseh berpenyakit ini juga. Kemudahan yang di-salurkan oleh Kerajaan ia-itu kemudahan kredit kepada Bank Pertanian tidak mencukupi hanya pulohan ribu ringgit sahaja kalau di-bandingkan dengan Kawasan Perayeran Muda yang luas-nya lebih daripada 50,000 ekar.

Sekarang bila perlancharan penanaman padi sa-tahun dua kali berjalan, telah timbul satu masalah yang di-hadapi oleh petani² (petani² Melayu) ia-itu bertambah-nya penyakit padi. Hasil padi yang di-jangka akan di-dapati lebih telah berkurangan. Kempen menchegeh penyakit padi sa-chara besar² dan berkesan sangat berkurangan.

Tahun ini hasil padi akan menjadi kurang di-sebabkan dari penyakit yang di-bawakan oleh ulat² dan musuh² tikus yang akan melanda kawasan ini pada sa-tiap waktu. Seluruh negara hari ini berchakap hal dasar ekonomi baharu tetapi perkara ini tidak langsung di-fahami oleh petani² kecil di-kampung². Mungkin kepada mereka dasar ekonomi baharu ini hanya kemudahan

mereka keluar beramai² daripada kampung² ka-bandar², berkereta, bervespa menikmati keindahan di-bandar² itu sahaja. Tetapi sa-benar-nya menjadi sa-balek pula. Mungkin pendapatan penanaman padi sa-tahun dua kali ini menghasilkan 1½ kali ganda sahaja. Perbelanjaan membeli ubat padi, penyewaan jentera pembajak dan lain²-nya akan membuktikan bahawa keuntungan yang di-harap untuk di-beri kepada petani² itu ada-lah tipis sa-kali. Pihak yang lain yang akan mendapat nikmat sa-benar²-nya.

Kompleks pengering padi yang ada di-kawasan Muda hari ini tidak cukup untuk menemui kemahuan pengeluaran pada saluroh-nya. Kerana itu telah menjadikan perbelanjaan petani² bertambah² dan menda-tangkan kerugian kepada mereka. Beberapa perkara yang harus di-perbaiki lagi untuk menyenangkan ra'ayat daripada gulungan petani² ini ia-lah:

- (i) Kerajaan mesti mengadakan kompleks pengering padi yang cukup bagi seluruh kawasan perayeran tersebut.
- (ii) Badan mengeluarkan kredit² ini hendak-lah di-permudahkan lagi.
- (iii) MADA hari ini harus bertindak tegas ia-itu bukan sa-takat bekerja menubuhkan Persatuan² Peladang sahaja tetapi hendak-lah bekerjasama dengan lebih² erat lagi dengan badan² seperti Persekutuan Penanam Padi Negeri dan Lembaga Penanam Padi dan Sharikat² Kerjasama di-dalam daerah² di-kawasan perayeran itu.

Tenaga badan² ini tidak harus di-pandang sepi, atau ka-tepikan sahaja oleh MADA di-dalam melaksanakan tugas²-nya.

Di-dalam menyokong Bil ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru demi kebaikan ra'ayat gulungan petani kecil di-kampung yang berharap² kepada perubahan taraf hidup dan lain²-nya, MADA harus menjadi perintis jalan untuk menyatu-padu atau bekerjasama yang lebih erat dengan badan² seperti yang saya sebutkan tadi. Harus MADA patut mengadakan dailok dengan badan² itu kerana biar-lah segala perlancharan yang di-buatkan oleh MADA berma'ana Kerajaan ini mendapat sokongan, dokongan oleh semua pihak dan di-mengerti oleh ra'ayat jelata khas-nya petani². Ra'ayat tidak mahu mendengar cerita bahawa badan

ini menepok dada dan dia-lah menjadi pembela kepada petani², badan ini pula menjadi pembebasan kepada petani² daripada kongkongan penderitaan dan sa-bagai-nya. Saya ulangi balek satu daripada tugas MADA ini ia-lah bekerjasama dengan semua pihak dan golongan untuk menyampaikan tujuan² yang di-amanahkan oleh dalam Dewan ini. Saya menyokong Bil. ini.

Tuan Azahari bin Mohd. Taib (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² pihak-berkuasa Kemajuan Pertanian Muda ini. Sa-kira-nya tujuan-nya dapat di-jalankan dengan terator oleh pegawai² yang berkenaan seperti mana yang termaktub dalam Rang Undang² ini, saya yakin petani² di-kawasan perayeran Muda akan mendapat faedah yang sa-luas²-nya.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai sa-orang yang tinggal di-tengah² kawasan Perayeran Muda, saya sedar Kerajaan telah pun banyak memberi perhatian yang berat bagi menjayakan Rancangan Perayeran Muda itu dan saya mengambil peluang ini juga menyampaikan tahniah sa-tinggi²-nya kepada pegawai² yang berkenaan yang telah begitu sabar dan bekerjasama antara satu sama lain sa-hingga kejayaan-nya dapat di-lihat pada masa sekarang di-Kedah. Saya yakin apa yang telah saya saksikan sendiri soal² kewangan, latehan, planning dan sa-bagai-nya bukan-lah satu halangan yang besar yang di-hadapi oleh Lembaga MADA ini. Saya berpendapat MADA ini menghadapi satu masalah yang rumit ia-itu masalah faktor manusia (human factor) ia-itu masalah chara pemikiran petani² yang terlibat sa-chara langsung dalam rancangan ini. Saya berpendapat bahawa Pihak-berkuasa Kemajuan Muda ini perlu-lah menyusun sa-mula malahan meluas bahagian seranta-nya, mengator begitu rupa mengenai masalah² penerangan-nya atau lebih tegas-nya menyusun satu system melancarkan revolusi mental dalam kalangan petani² dalam kawasan tersebut. Usaha ini harus-lah di-jalankan menurut approach yang baharu dengan chara berkumpul mengadakan dialog dari hati ka-hati, berdasarkan menurut rancangan² yang tersusun supaya perubahan yang akan di-jalankan menurut kaedah² moden dapat di-terima baik dan di-mengerti oleh petani² yang terlibat dalam kawasan itu.

Sa-panjang yang saya tahu maseh banyak lagi bilangan petani² di-kawasan Perayeran Muda yang tidak memahami tujuan² Kerajaan sekarang dan kadang² bukan sahaja mereka itu tidak memahami, tetapi menjadi batu penghalang pula bila satu² sistem pertanian sa-chara baharu hendak di-masokkan dalam kawasan tersebut. Persatuan Peladang boleh memainkan peranan yang besar dalam usaha revolusi mental ini, tetapi pada pendapat saya apa yang menjadi kekurangan kepada persatuan itu ia-lah pegawai² yang chekap, peruntukan wang yang chukup bagi menjalankan usaha² tersebut. Bagi perengkat permulaan ini, saya rasa Kerajaan hendak-lah berikhtiar mengurangkan chukai² jentera pertanian atau mengurangkan harga baja dan mengadakan kredit² sistem yang lebih luas dan mudah bagi menolong petani² mendapat jentera² dan baja² yang chukup dalam kawasan tersebut.

Saya yakin sa-kira-nya petani² itu memahami apa yang sedang di-ranchang dan akan di-ranchang oleh Kerajaan bagi meninggikan taraf hidup mereka, maka rancangan Perayeran Muda ini akan dapat sa-penoh² kejayaan.

Saya suka menambah satu pendapat di-dalam kawasan saya sendiri di-Sungai Petani maseh ada satu rancangan perayeran tetapi bukan masuk dalam Rancangan Muda. Dengan tertuboh-nya pihak yang berkuasa Kemajuan Pertanian Muda ini saya sangat berharap kepada Kementerian yang berkenaan jangan-lah melalaikan pula rancangan² yang lain yang tidak termasuk dalam rancangan MUDA sa-bagaimana Rancangan Pekula di-mana lebih daripada 4,000 ekar kawasan pertanian maseh ada dalam negeri Kedah yang tidak termasuk dalam kawasan MUDA ini. Terima kasih.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian sedikit untuk berchakap berkenaan dengan Rang Undang² Pihak-berkuasa Kemajuan Pertanian Muda 1972. Walau pun saya berada di-Pantai Timor dan Rang Undang² ini melibatkan negeri Kedah dan Perlis, akan tetapi Rang Undang² yang seperti ini tidak akan lama akan sampai juga ka-tempat saya, kerana ada-nya rancangan seperti ini yang akan di-jalankan oleh Kerajaan di-kawasan Besut. Dari apa yang di-terangkan oleh Yang Berhormat

Menteri di-dalam Dewan ini, jika dibandingkan dengan apa yang di-ucapkan oleh Ahli Kerajaan sendiri yang duduk dalam negeri Perlis dan Kedah ia-itu Ahli Yang Berhormat yang duduk sama dengan barisan Parliamentary Secretary di-belakang sana, saya nampak sa-olah² ada satu perkara yang maseh samar² kapada kita sendiri tentang perlaksanaan-nya, atau pun maseh ada rasa ragu² tentang apa-kah hajat Kerajaan itu, hasrat Kerajaan dengan penubohan perbadanan saperti ini dapat di-laksanakan dengan baik, atau pun tidak. Memandang kapada Fasal 4 di-dalam Rang Undang² ini tentang tugas² pehak yang berkuasa amat-lah banyak dari (a) sampai-lah kapada (l).

Kemudian kita pergi pula kapada keanggotaan. Pada hemat saya pehak yang berkuasa yang menjadi keanggotaan di-dalam badan yang di-tubuhkan ini ada-lah bertanggung-jawab untuk melaksanakan tugas² yang saya katakan sampai kapada (l) tadi. Di-sini menunjukkan kapada kita, Dato' Yang di-Pertua, bahawa pehak yang berkuasa hendak-lah terdiri daripada ahli² berikut:

- (a) Pengerusi;
- (b) Timbalan Pengerusi;
- (c) Pengarah Jabatan Parit dan Taliayer atau wakil-nya;
- (d) sa-orang wakil Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan yang di-tubuhkan di-bawah Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, 1965;
- (e) sa-orang wakil Bank Pertanian Malaysia yang di-tubuhkan di-bawah Akta Bank Pertanian Malaysia, 1969;
- (f) sa-orang wakil bagi Negeri Kedah;
- (g) sa-orang wakil bagi Negeri Perlis; dan
- (h) tidak lebeh daripada empat ahli lain.

Pengerusi hendak-lah di-lantek oleh Yang di-Pertuan Agong dan ahli² pehak-berkuasa yang lain hendak-lah di-lantek oleh Menteri. Perlantekan yang di-buat oleh Yang di-Pertuan Agong, saya tidak hendak mempersoalkan di-dalam Dewan ini, Dato' Yang di-Pertua. Tetapi apa yang saya rasa boleh saya soalkan dalam Dewan ini ia-lah mengenai soal (h) tidak lebeh daripada 4 ahli lain yang di-beri kuasa kapada Menteri melantek-nya. Pada hemat saya tujuan diadakan tidak lebeh daripada 4 ahli lain ini, barangkali di-sini-lah hendak di-masokkan

orang² yang di-fikirkan boleh memberi pandangan dan tegoran² sa-chara sehat kapada Kerajaan, kapada pegawai Kerajaan, kapada Pengarah Jabatan Parit, kapada wakil daripada Lembaga Pemasaran, kapada Pengerusi dan Timbalan Pengerusi yang orang ini semua-nya dari pegawai Kerajaan. Untuk membolehkan mereka ini memberi pendapat dan fikiran sa-chara sehat sesuai dengan hasrat Kerajaan, sesuai dengan kemahuan ra'ayat, mahu tidak mahu pada hemat saya orang yang hendak di-lantek di-bawah (h) ini hendak-lah di-fikirkan dengan semasak²-nya oleh Yang Berhormat Menteri. Saya terpaksa mengatakan demikian, Tuan Yang di-Pertua, dari pengalaman Lembaga yang telah di-tubuhkan di-bawah Kementerian Pertanian dan Perikanan ini: ada Lembaga Ikan, ada Lembaga Padi dan Beras, ada-nya Lembaga itu dan ini, saya nampak ahli² yang di-lantek di-bawah kekuasaan Menteri ini; saya minta ma'af, Tuan Yang di-Pertua, dan mohon ma'af kapada Menteri yang berkenaan, saya nampak ahli² yang saya katakan patut memberi pandangan dan fikiran sa-chara sihat tadi ada kala-nya di-ambil orang² yang agak-nya akan duduk di-kerusi itu akan hanya "Ya" apa yang di-katakan oleh pegawai itu sahaja. Jadi, kalau ahli² itu hanya-lah untuk mengiakan sahaja, maka saya rasa membazir sahaja kita lantek bahagian (h) itu tidak lebeh daripada 4 orang ahli yang di-beri kapada Menteri untuk melantek-nya. Ini sa-chara terus-terang, Tuan Yang di-Pertua, saya dari pehak anggota Kerajaan berchakap kapada Kerajaan saya sendiri di-dalam Dewan yang mulia ini supaya apabila Lembaga yang saperti ini hendak di-tubuhkan di-tempat saya nanti tidak akan berulang, kalau berulang keadaan yang saperti ini, barangkali saya akan berchakap di-dalam Dewan ini lebeh dahshat daripada sahabat saya yang berchakap dua orang terlebeh dahulu daripada saya tadi. Sebab saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, keselamatan, kesejahteraan, kebaikan perjalanan Kerajaan kita mahu tidak mahu kita mesti menganggap bahawa orang yang lebeh hampir dengan sa-suatu Lembaga itu mereka dapat memberi fikiran sa-chara praktikal, tetapi bagi pegawai² Kerajaan oleh kerana dia itu pegawai dan pengalaman saya pun juga dahulu sa-belum duduk di-dalam Dewan ini pegawai juga, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan-nya kita pegawai² memberi pandangan sa-chara teori. Apabila teori itu

hendak di-saibangkan dengan praktikal ini kadang²-nya menjadi biasa yang jauh langit dengan bumi, kata orang bijak pandai, orang yang praktikal ini bodoh, orang yang bijak dari praktikal orang yang pandai dari teori kata bodoh. Jadi orang yang pandai dalam praktikal ini kata pula kepada orang yang pandai, teori ini atas udara. Jadi, ini-lah masalaah² yang timbul dan ini-lah kadang² yang kuchar-kachir timbul di-dalam pelaksanaan sa-suatu Lembaga yang sangat² diharapkan oleh Ra'ayat.

Walau bagaimana pun, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang² ini dengan menaruh keyakinan bahawa apa yang saya sebutkan ini dan apa yang di-sebutkan oleh sahabat saya dari sa-belah sana tadi dapat di-pertimbangkan oleh Yang Berhormat Menteri kita bukan sa-takat mengatakan dalam Dewan ini bahawa ini akan di-ambil pertimbangan, tetapi apabila keluar daripada Dewan ini benar² membuat pertimbangan menghalusi apa-kah benar atau tidak apa yang di-chakapkan oleh sahabat kita sendiri di-dalam Dewan ini, jangan-lah hanya sa-kadar mengatakan: Akan di-ambil pertimbangan, akan di-ambil pertimbangan; habis Parlimen, habis di-sini sahaja cherita lama juga berlaku di-dalam tanah ayer kita. Sekian, terima kaseh.

Tan Sri Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Dato' Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kaseh kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah pun menyokong Rang Undang² ini walau pun ada sedikit criticism atau pun tegoran².

Saya suka mengambil perhatian berkenaan dengan ucapan yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu. Beliau telah pun menyatakan atau menuduh pehak FAMA telah mengexploitkan penanam² padi yang ada dalam negeri ini, terutama sa-kali penanam² padi di-Tanjong Karang. Saya rasa Ahli Yang Berhormat ini harus tidak menjalankan siasatan yang lebih mendalam dalam masalaah, ini, kerana mengikut katanya harga padi yang di-dapati oleh petani² di-Tanjong Karang sekarang ini sa-telah FAMA menjalankan perniagaan-nya di-sana ada-lah lebih kurang daripada apa yang mereka biasa dapati pada masa yang sudah. Saya maseh ingat lagi dalam tahun 1966, ia-itu penanam² padi di-Tanjong Karang dan Sabak Bernam pada masa itu chuma dapat pembayaran ta' lebih daripada \$13 sa-pikul

dan ada di-antara-nya yang chuma mendapat \$12 sa-pikul. Saya sendiri telah pun pergi ka-Tanjong Karang bertemu dengan penanam² padi di-sana dan dengan keadaan yang demikian daripada Tanjong Karang, saya sendiri telah pergi ka-Telok Anson menjalankan siasatan dan kajian dan hasil daripada kajian² ini-lah FAMA telah di-tubuhkan. Jadi, manakala FAMA telah di-tubuhkan, FAMA telah memberi jaminan membeli padi dengan harga ta' kurang daripada \$16 sa-pikul, ia-itu padi yang bersekh, padi yang kering dan di-beli di-pintu kilang tempat membeli padi FAMA, tetapi masalaah² yang ada di-dalam penjualan padi, padi biasa yang di-bawa untuk di-jual ada-lah padi yang agak basah, padi yang kurang bersekh dan pembeli-nya pula bukan-lah di-pintu kilang, tetapi di-tempat penanam² padi itu sendiri. Maka dengan sebab itu, harga padi di-beri kepada petani² terpaksa-lah di-potong daripada harga \$16 sa-pikul yang di-bayar oleh FAMA itu, ia-itu tinggal \$14.50 atau \$14.80 dan ada kala-nya sa-hingga \$15 sa-pikul. Jadi, ini-lah keadaan-nya.

Jadi, masalaah tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Batu mengatakan padi yang di-beli daripada FAMA sa-pikul boleh mendapat 60 kati dan kalau di-jual mendapat \$17.10 manakala petani² chuma dapat \$14.50 atau kata-lah \$14.80. Jadi, di-sini FAMA telah mengexploitkan petani² yang ada dengan mengambil untung sa-banyak lebih daripada \$2.00 dan lebih. Di-sini saya harap-lah kepada Ahli Yang Berhormat itu membuat home-work-nya lebih sedikit lagi dan memberi kajian lebih sedikit lagi kerana manakala petani² membawa sa-guna padi, kata-lah sa-pikul padi yang di-timbang, padi ini ada-lah basah lebih kurang 18% atau pun 20% moisture content, padi yang boleh diterima untuk di-kilang ia-lah 13%. Jadi, berma'ana-lah kelebihan moisture content di-dalam satu pikul padi itu ia-lah 7 kati, kalau 20% berma'ana: 7 kati kali 18%, berma'ana-nya: 18 tolak 13—5 kati. 5 kati di-dharab dengan 17 sen pada tiap² sa-kati, kalau mithal-nya \$16.00 sa-pikul, 5 kali 16, berma'ana-nya 80 sen di-situ sudah di-tolak. Kemudian padi yang di-kilang bukan sa-pikul, tetapi sa-pikul tolak 8 kati pun 5 kati basah, berma'ana-nya padi yang di-kilang chuma tinggal 92 atau 93 atau pun 94 kati sahaja, bukan sa-pikul. Jadi, berma'ana-lah beras dapat di-keluarkan daripada 94 kati padi tadi bukan 60 kati, tetapi ia-lah lebih kurang 54 kati.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu bahawa baharu² ini dan beberapa lama, saya telah melawat ka-Tanjong Karang, Sekinchan, Sungai Besar dan saya telah berunding dengan petani² bukan sahaja Melayu, tetapi juga China dan semua-nya menyatakan daripada sa-pikul padi, kira² gred C kilang itu boleh di-dapati 60 kati beras.

Tan Sri Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, jadi saya berharap-lah sa-lepas daripada dia berunding dengan petani², berunding-lah pula dengan pakar² berkenaan dengan mengisar padi. Bila disebut sa-pikul padi di-bawa, sa-pikul padi ada moisture content sa-banyak; kata-lah 18%, jadi yang boleh di-kisar ia-lah mutual content 13% padi itu terpaksa di-jemor dan apabila di-masokkan ka-dalam kisar, bukan lagi sa-pikul bahkan tinggal 94 kati. Jadi, dia masokkan 94 kati, bukan keluar 60 kati, tetapi 54 kati beras. Perkara ini hendak-lah kita kira juga dan jangan-lah di-tuduh yang FAMA sa-umpama lintah darat mengambil untong sampai \$2.00 atau \$3.00.

Jadi, saya telah menjelaskan di-dalam Dewan yang mulia ini pada masa saya menubuhkan FAMA. FAMA di-tubuhkan bukan dengan tujuan membuat untong kerana tidak ada keuntungan daripada FAMA yang pergi masuk ka-kochek Pengerusi-lah, atau pun Setiausaha-kah atau Penolong Pengerusi dan sa-bagai-nya. FAMA ia-lah Badan Kerajaan dan kita bukan badan Kerajaan bertujuan untuk hendak membuat untong, tetapi kita mengadakan FAMA untuk hendak menolong petani² supaya dapat harga yang baik. Jadi, kalau sa-kira-nya FAMA ini sa-benar²-nya tidak baik, tentu-lah tidak ada permintaan², permohonan², rayuan² daripada semua pihak supaya FAMA menubuhkan Marketing Boards dan Marketing Schemes di-seluruh negeri. Jadi, pada hari ini kita telah menubuhkan berbagai² Marketing Boards, Marketing Schemes berkenaan dengan padi, kopi, ikan, lada hitam dan sa-bagai-nya di-seluruh negara. Di-sini berma'ana yang pihak ra'ayat sendiri ada-lah mempunyai harapan yang penoh kapada FAMA insha' Allah tidak akan mengechewakan ra'ayat bahkan kita akan berikhtiar menolong ra'ayat bagi memasukkan bahan² pengeluaran mereka supaya mendapat harga yang baik.

Berhubung dengan masalah pemasaran padi di-Kedah dan di-kawasan² sa-lain daripada Tanjong Karang, pihak FAMA chuma berada di-sana untuk hendak menstabilkan harga. FAMA boleh membeli padi sekarang di-bawah Lembaga Pemasaran Padi dan Beras Negara. Lembaga ini akan membeli padi dengan harga tidak kurang daripada \$16.00 sa-pikul padi berseih, padi yang tidak kotor dan di-pintu kilang, dengan harga \$16.00 sa-pikul, tetapi kalau sekira-nya rakan² daripada Ahli Yang Berhormat ini, ia-itu pembeli² padi, di-dalam negeri Kedah, Kelantan, Trengganu, Melaka, Negeri Sembilan dan di-mana juga, ingin membeli padi dengan harga \$16.00 sa-pikul, Alhamdulillah, shukor, sila, jalankan, kita tidak menghalang, FAMA tidak menghalang. Begitu juga Lembaga tidak menghalang mana² petani atau pun mana² badan² pembeli padi \$16 sa-pikul di-kawasan² sa-lain daripada Tanjong Karang. Jadi, dengan keadaan yang demikian ada-lah jelas di-sini ia-itu FAMA bukan untuk hendak menyekat pembeli² padi daripada hendak membeli dengan harga yang lebih, tetapi FAMA berada di-kawasan, sa-lain daripada Tanjong Karang, ia-lah untuk hendak menstabilkan harga. Kalau sa-kira-nya tidak boleh jual di-tempat lain dengan harga \$16.00 sa-pikul manakala padi kering, padi dia tidak kotor dan di-jual ka-pintu kilang, maka FAMA berada di-situ untuk membeli beberapa banyak juga sa-kali pun, tetapi kalau boleh jual, ayoh! Ka-mana hendak pergi jual, jual kerana tujuan kita ia-lah hendak memberi harga yang baik dan harga yang sesuai, harga yang adil dan berpatutan kapada petani² dan nelayan² yang ada di-dalam negeri ini.

Berhubung dengan masalah pemberian ayer di-Sungai Besar, kata-nya ada orang yang mengadu ta' chukup ayer. Jadi, saya berharap-lah kalau sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat ini benar² ingin hendak menolong petani² itu, sila-lah pakai seluar basahan, pergi sendiri menyiasat, apa-kah asal-usul tempat ini tidak boleh mendapat ayer. Jadi, kalau sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat dari Batu

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Apa yang di-nyatakan oleh saya malang-nya di-salah-fahamkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Apa yang saya nyatakan

ia-lah kaum petani di-sana menyatakan ayer lebih masok ka-sawah, bukan ayer ta' chukup.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, itu-lah saya minta tadi supaya Ahli Yang Berhormat ini memakai seluar basahan, tolong-lah melawat ka-kawasan² bendang dan di-sini-lah dapat beliau menyaksikan, ia-itu kawasan bendang atau pun tapak sawah bukan-lah sa-macham mana simen kedai, atau pun keadaan jalan raya. Jadi, keadaan sawah ada yang busut, ada yang permatang, ada yang lurah, ada yang dalam dan berbagai². Jadi, ada kala-nya kita katakan-lah satu kawasan bendang, dalam satu kawasan bendang, one piece of sawah, kita pergi masokkan ayer, di-sini boleh dapat tiga inchi, di-hujung boleh jadi dapat sembilan inchi. Jadi, kalau sa-kira-nya hendakkan sama terpulang-lah pula kepada peladang² itu sendiri untuk menyamakan, meratakan tanah sawah tadi.

Jadi, satu masalaah lain pula ia-itu ada kala-nya pesawah² ini, mereka ini turun ka-bendang tidak sama. Ini masalaah yang besar. This is a human problem, sa-macham mana yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungei Patani tadi. Ada kala-nya kata-lah kita turun ka-sawah pada 2 haribulan Februari, ada orang turun pada 2 haribulan Februari, ada sa-tengah-nya turun pada 10 haribulan Februari; ada sa-tengah-nya turun ka-sawah—bekerja pada 10 hari-bulan Februari dan akhir Februari. Jadi, di-sini kadang² mithal-nya bila orang yang di-atas tidak mahu ayer. Tutup ayer, orang di-bawah berkehendakkan ayer. Kadang² orang yang di-atas sudah hendak keringkan ayer, orang yang di-bawah dia berkehendakkan ayer. Jadi bermacham masalaah, problems ada. Jadi, saya harap-lah kepada Ahli Yang Berhormat itu kalau ada masalaah sa-macham ini ta' usah tunggu sampai Dewan bersidang tiga bulan sa-kali. Angkat talipon, talipon saya: Ini masalaah ada di-Sungai Besar dan di-Tanjong Karang, boleh-kah pehak Menteri tolong tengokkan perkara ini. Insha' Allah saya akan buat kerana

Dr Tan Chee Khoo: Alhamdulillah, terima kaseh kepada Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Kerana tujuan kita ia-lah hendak bekerja untok ra'ayat. Jadi, ta' payah tunggu dalam Dewan, talipon kapada saya, saya akan hantar orang untok menjalankan siasatan atau uruskan perkara itu.

Ahli Yang Berhormat dari Baling merasa kesal di-atas keadaan² di-Muda, kata-nya penyakit banyak, ulat banyak dan pendapatan kurang. Jadi, daripada penyata yang saya dapat, pendapatan di-Muda ada-lah bertambah daripada masa yang sudah². Average yield bagi kawasan Muda ada-lah bertambah, tetapi boleh jadi ada satu, dua kawasan atau satu, dua petak atau tempat pendapatan berkurangan, tetapi pada keseluruhan-nya pendapatan padi di-kawasan Muda ada-lah bertambah.

Ahli Yang Berhormat dari Sungei Petani meminta supaya pehak yang berkuasa atau Kementerian saya jangan-lah lalai berkenaan dengan ranchangan² sa-lain daripada Ranchangan Muda sa-umpama Ranchangan Pekula dan lain². Di-sini saya suka-lah menerangkan kapada Dewan yang mulia ini, ia-itu di-dalam tahun 1972 ini bukan sahaja ranchangan² yang besar, yang kita akan jalankan, tetapi Jabatan Parit dan Taliayer telah pun di-beri peruntokan sa-banyak \$1.5 juta bagi tahun ini dan \$7,000,000 di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Kedua untok menjalankan ranchangan² yang kecil di-bawah Irrigation and Drainage Minor Works. Jadi, dengan hal yang demikian ini banyak-lah kerja² di-dalam ranchangan² kecil dapat di-selenggarakan oleh pehak Jabatan Parit dan Taliayer.

Ahli Yang Berhormat dari Besut telah pun menegor berkenaan dengan lantekan yang di-buat kapada beberapa badan, maka di-sini saya suka-lah menjelaskan kapada Ahli Yang Berhormat atau pun memberi akuan, ia-itu orang² yang hendak di-lantek, menduduki badan² ini akan di-teliti dan kebanyakan-nya, pandangan², perhatian² daripada pehak² yang tertentu, terutama sa-kali daripada pehak perusahaan sendiri akan di-minta di-timbangan dengan teliti-nya. Jadi, kalau ada sa-kira-nya satu, dua yang silap saya ta' tahu di-mana, minta tolong sampaikan. Boleh jadi ini ada perasaan tidak puas hati di-antara Ahli Yang Berhormat itu dengan orang yang di-lantek, saya pun tidak tahu. Jadi, dengan sebab itu

kalau mithal-nya ada perkara yang berlaku sa-demikian, minta tolong beritahu supaya dapat di-beri timbangan.

Ahli Yang Berhormat dari Kubang Pasu Barat menyatakan ia-itu pehak Persatuan Peladang tidak mahu terima padi basah. Jadi, di-sini saya minta-lah Ahli Yang Berhormat itu sendiri memikirkan, letakkan-lah Ahli Yang Berhormat itu menjadi sa-orang pembeli atau pun menjadi Ketua Persatuan Peladang. Kalau sa-orang ahli Persatuan Peladang membawa padi basah-nya, kata-lah basah sampai 20% atau 30%, ada-kah Ahli Yang Berhormat itu hendak beli padi itu dengan harga \$16.00 sa-pikul? Padi yang mana kalau di-beli, pagi besok kalau di-chambah boleh tumbuh. Ada-kah Ahli Yang Berhormat itu sendiri hendak beli? Jadi, di-sini kita harus fikirkan, ia-itu Persatuan Peladang ada-lah satu badan perniagaan juga. Jadi, kalau dia beli daripada ahli dia, kalau padi itu sudah basah, hendak chambah sa-bagai-nya pagi besok sudah tumbuh, ma'ana-nya dia rugi \$16.00 sa-pikul. Ini sudah tentu-lah dia tidak akan menerima padi yang begitu burok. Jadi, dengan sebab itu-lah, terpulang-lah kepada ahli itu mem-baikkan keadaan² padi-nya. Kalau mithal-nya musim hujan, bukan dia tidak boleh jemor, dia boleh jemor, tetapi fe'el manusia hendak menchari senang sahaja. Kadang² itu kita pun dapat tahu ada padi baik di-hantar ka-tempat ahli swasta, ada padi burok dia hantar ka-Persatuan Peladang dan FAMA. Ini lah nasib FAMA terima di-negeri Kedah pada masa sekarang ini. Semua padi yang burok² di-hantar ka-FAMA, semua yang baik² di-hantar ka-kilang swasta. Ini berlaku dalam negeri Kedah. Saya tidak hendak buka cherita panjang, tetapi ini perkara yang berlaku. Jadi, saya harap kepada Ahli Yang Berhormat tolong bekerjasama beri nasihat kepada petani² kita supaya jangan-lah buat kerja² yang sa-umpama ini. Terima kaseh.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 33—

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, saya mohon men-chadangkan pindaan sa-bagaimana yang telah pun di-edarkan kepada Majlis ini.

Pindaan-nya saperti berikut:

<i>Fasal</i>	<i>Pindaan</i>
(Semua Fasal kechuali Fasal 4 (1) (b), 6 dan 33)	"Pihak-berkuasa" yang terdapat di-mana jua dalam Rang Undang ² itu (termasok Susunan Fasal ² dan Jadual ²) hendak-lah di-tukar kepada "Lembaga" di-kechualikan yang terdapat dalam baris 3 dan 4, Fasal 4 (1) (b), Fasal 6 dan baris 3 Fasal 33.
4 (1) (b) dan 17 (2) (a)	"Negeri Kedah dan Perlis" yang terdapat di-mana jua dalam Fasal ² itu hendak-lah di-tukar kepada "Negeri Kedah dan Negeri Perlis."
9 (1), 10, 11 (2), 21 (4) dan 22 (3)	Gantikan perkataan ² "Kerajaan Negeri Kedah dan Perlis" yang terdapat dalam Fasal ² itu dengan perkataan ² "Kerajaan ² Negeri Kedah dan Negeri Perlis".
33 (1)	... Gantikan perkataan "Memperbadankan" dalam kurungan itu dengan perkataan "Perbadanan" dan nomborkan Fasal itu sebagai fasal-kecil (1).
(2) ...	... Masokkan fasal-kecil baharu (2) saperti berikut— "(2) Pihak-berkuasa Kemajuan Pertanian Muda yang di-tubuhkan di-bawah Peratoran ² (Perbadanan) Pihak-berkuasa Kemajuan Pertanian Muda, 1970 hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah di-tubuhkan di-bawah Akta ini sa-olah ² Pihak-berkuasa itu di-namakan "Lembaga Kemajuan Pertanian Muda."

Pindaan di-kemukakan bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Fasal 1 hingga 33 sa-bagaimana yang di-pinda, di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual Pertama di-perentah menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual Kedua di-perentah menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan pindaan²: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² PEHAK-BERKUASA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, sa-belum saya menerangkan tujuan² mengadakan Undang² ini, suka saya menarek perhatian Ahli² Yang Berhormat atas satu kesilapan chetak ia-itu:

Muka 21—Bahasa Malaysia.

Huraian: Perenggan 2 Barisan 4/5 Kerajaan.

Negeri Kedah dan Perlis patut-nya di-bacha sa-bagai Negeri Kelantan.

Muka 18 Bahasa Inggeris.

Explanatory Statement: Para 2 line 4: States of Kedah and Perlis should read State of Kelantan.

Rang Undang² ini bertujuan untuk menu-buhkan suatu perbadanan bernama Pehak-berkuasa Kemajuan Pertanian Kemubu yang akan bertanggung-jawab atas pembangunan am dalam kawasan atau kawasan² di-Negeri Kelantan yang di-tetapkan oleh Menteri.

Pehak-berkuasa ini di-tubuhkan di-bawah Fasal 3 Rang Undang² ini dan keanggotaan-nya ia-lah saperti yang di-peruntokkan di-bawah Fasal 5. Pehak-berkuasa ada-lah di-beri kuasa dan hendak-lah menjalankan tugas² yang di-nyatakan dalam Fasal 4. Kerajaan Negeri Kelantan telah menguntokkan apa² tugas kepada Pehak-berkuasa ini dan meletak hak pada-nya kuasa untuk melak-sanakan kerja² pembangunan Pertanian dalam Kawasan Perayeran Kemubu. Apabila Kerajaan Kelantan telah berbuat demikian, ada-lah menjadi tanggung-jawab Pehak-berkuasa melaksanakan tugas² itu dan men-jalankan kuasa² tersebut dalam Kawasan itu. Untuk ma'aluman Ahli² Yang Berhormat, Kerajaan Kelantan telah di-hubongi ber-kaitan memberi kuasa² ini dan Kerajaan itu telah bersetuju.

Fasal 4 (2) ia-lah suatu peruntokan am menyatakan kegiatan² yang boleh di-jalankan oleh Pehak-berkuasa ia-itu:

4. (1) Tugas² Pehak-berkuasa ia-lah—

(a) memaju, menggalak, membantu dan mengusahakan pembangunan eko-nomi dan sosial dalam Kawasan Kemubu; dan

(b) merancang dan mengusahakan dalam Kawasan Kemubu apa² kema-juan pertanian mengikut sa-bagai-mana yang di-untokkan pada-nya oleh Negeri.

(2) Pehak-berkuasa ada-lah berkuasa melakukan segala perkara yang mustahak atau menasabah, perlu atau yang ber-sampingan dengan menjalankan tugas-nya, dan khusus-nya, tetapi dengan tidak men-yentuh keluasan kuasa tersebut di-atas.

Walau pun demikian, tugas² dan kegiatan² Pehak-berkuasa ada-lah terhad dalam kawasan atau kawasan² yang bernama Kawasan Kemubu ia-itu Kawasan yang di-tetapkan sa-demikian oleh Menteri menurut peruntokan Fasal 9.

Fasal 8 memperuntokkan kuasa bagi Menteri mengeluarkan arahan kepada Pehak-berkuasa jika perlu dari satu masa ka-satu masa.

Fasal 11 mengadakan peratoran bahawa perbelanjaan Pehak-berkuasa ada-lah di-kehendaki di-luluskan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dan menghantar kepada Menteri apa² penyata, laporan, akaun dan maklumat mengikut sa-bagaimana yang di-kehendaki-nya.

Kewajipan dan tanggung-jawab Pengerusi dan Timbalan Pengerusi ada di-nyatakan dalam Bahagian III Rang Undang² ini. Pengerusi ia-lah pegawai pengurus utama dan Timbalan Pengerusi ia-lah Pengurus Besar Pehak-berkuasa. Di-bawah Fasal 15 Pehak-berkuasa boleh mengambil pekerja dan melantek beberapa orang pegawai dan pen-jawat yang perlu bagi melaksanakan tugas² Pehak-berkuasa.

Peratoran² berkaitan dengan kewangan mengenai Pehak-berkuasa ada di-buat dalam Bahagian IV Rang Undang² ini. Peruntokan ada di-buat untuk membolehkan Pehak-berkuasa memberi pinjaman, meminjam dan melabor dengan kelulusan Menteri Kewangan mana² wang Pehak-berkuasa.

Pehak-berkuasa boleh menjalankan tugas² tambahan sa-bagaimana di-untokkan atau di-beri kepada-nya di-bawah Fasal 10 dan jika Pehak-berkuasa memikirkan perlu, ia boleh menubuhkan perbadanan untuk menjalankan apa² sekim atau projek yang di-jalankan oleh Pehak-berkuasa mengikut Fasal 28.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin berchakap sa-patah dua dalam Rang Undang² yang di-kemukakan oleh Menteri Pertanian dan Perikanan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kami membahaskan Rang Undang² Pehak-berkuasa Kemajuan Pertanian Muda tahun 1972, Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan di-mana² tempat melainkan daripada Tanjong Karang, petani² boleh menjualkan padi-nya kepada mana² kilang yang ada di-kawasan itu. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan, mengapa-kah di-Tanjong Karang jualan padi oleh kaum petani di-hadkan. Ma'ana-nya mengapa-kah padi daripada Tanjong Karang tidak boleh di-jualkan kepada kilang² lain tempat atau apa yang di-katakan tadi oleh saya, apabila petani² menjualkan atau kilang² lain membeli padi daripada kaum petani di-sana dengan harga lebih daripada di-beri oleh FAMA, maka FAMA beri amaran, "Kamu tidak boleh beri harga lebih daripada FAMA, kalau kamu beli dengan harga yang lebih, FAMA akan membatalkan lesen kilang²".

Tuan Yang di-Pertua, itu di-beritahu kepada saya oleh kaum tani di-sana. Saya tengok Menteri yang berkenaan tidak mem-persetujui tetapi kalau Menteri yang berkenaan boleh melawat Tanjong Karang dengan saya, saya boleh bawa beliau ber-hubong dengan kaum petani di-sana. Apa-bila

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Saya ini orang baharu dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua. Dari segi peratoran, apa kena-mengena Undang² ini dengan Tanjong Karang? Ini kita hendak bahatkan berkenaan dengan Kemajuan Pertanian Kemubu, 1972.

Tuan Yang di-Pertua: Itu pehak Kementerian yang hendak bertanya sa-macam itu. Kalau Menteri itu sudah diam, ada-lah sangkut-paut-nya (*Ketawa*).

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, nampak-nya Wakil dari Besut hendak mengachau sahaja (*Ketawa*) bukan mengachau kepada Wakil dari Dungun, tetapi hendak mengachau saya juga.

Tuan Yang di-Pertua, di-antara tugas² Pehak-berkuasa ia-lah:

memaju, menggalak, membantu dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial dalam Kawasan Kemubu.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak membangkitkan tentang masaalah² kesulitan² kaum petani di-Tanjong Karang, maka keadaan itu berlaku di-dalam Kawasan Kemubu juga. Oleh sebab itu saya sentoh sedikit sa-banyak tentang keadaan ini di-Tanjong Karang oleh sebab—sa-benar-nya saya belum melawat Kawasan Kemubu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberitahu kepada Menteri yang berkenaan apa yang di-beritahu kepada saya oleh kaum tani di-Tanjong Karang, di-Sekinchan, di-Sungai Besar dan Sabak Bernam dan tadi Menteri yang berkenaan ada memberitahu kepada Dewan ini, di-kawasan itu petani² tidak boleh menjual padi-nya kepada kilang lain. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan sebab² yang terhad ini. Terima kaseh.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya ada-lah menyokong dengan sa-penoh²-nya Rang Undang² ini. Tetapi hajat saya bukan hendak berchakap oleh kerana Tanjong Karang. Saya dari Tanjong Karang, Kuala Selangor, jadi terpaksa-lah saya hendak berchakap juga berkenaan dengan Rang Undang² ini. Sungguh pun tidak ada kait-mengait dengan Kemubu, tetapi saya ada-lah memberi sa-tinggi² tahniah kepada Menteri yang bertanggung-jawab oleh kerana mengadakan Rang Undang² ini.

Kawasan saya ada-lah Kuala Selangor. Di-Kuala Selangor, Tanjong Karang, Sekinchan itu ada-lah tempat padi di-mana ra'ayat jelata baik pun orang India, orang China dan orang Melayu, bersama² bertungkus-lumus menyangkul, mentraktor dengan mengeluarkan padi²-nya dua kali sa-tahun. Pada masa dahulu sa-belum ada FAMA, sa-belum ada kilang padi yang di-dirikan oleh Kerajaan, ra'ayat di-main²kan oleh lintah darat, kilang²; padi juga sampai masa-nya \$8.00 sa-

pikul, dan kadang² \$7.00 sa-pikul. Di-mana kilang² padi pada masa dahulu, begitu baik hati hendak membeli sampai \$17, \$18. Bila FAMA mendirikan kilang padi di-situ ada competition. Oleh kerana ra'ayat sudah sedar, Kerajaan sudah sedar oleh kerana Wakil² Ra'ayat berbinchang mengatakan: oh! lintah darat yang mempunyai kilang² ini, oleh kerana tidak ada kilang Kerajaan, maka di-beli oleh orang² ini dengan harga yang chukup murah, bukan sahaja wang itu wang ini, entah macham² wang, hampas: macham² hampas, timbang: macham² timbang sampai kadang² \$7. Ini bukan saya mengatakan membangkang Yang Berhormat dari Batu—tidak. Saya suka juga kerana bahathan dia itu banyak perkara² yang baik di-timbulkan. Tetapi ini-lah satu fact sa-belum perkara itu terjadi.

Jadi sa-patut-nya-lah saya berterima kaseh sangat kapada FAMA ini—ada juga yang saya tidak ada terima kaseh (*Ketawa*). Tetapi saya berterima kaseh oleh kerana mendirikan kilang ini di-sana dan dengan ada-nya kilang ini di-sana, maka dapat-lah ra'ayat ini yang mempunyai bahan² ini ia-itu padi di-jualkannya ka-tempat itu. Pada masa dahulu dia kata padi mahu jual. "Ini banyak murah tokeh." "Mahu jual—jual; kalau tidak mahu jual, boleh simpan." Simpan tidak boleh, di-jual juga-lah. "Kalau mahu jual satu pikul berapa?" "Oh, tokeh, sekarang harga beras sudah mahal" Dia kata: "Mana boleh, padi banyak hampas, kalau banyak itu boleh \$5 satu pikul." Terpaksa kawan itu jual. Ini-lah terjadi kapada petani² kita. Dari dahulu sampaikan FAMA menubuhkan kilang²-nya.

Bagitu juga, ini tidak ada kait-mengait dengan perkara ini, tetapi FAMA bukan sahaja mesti menguruskan padi tetapi juga kelapa. Masalah kelapa ini juga dipermain²kan oleh lintah² darat ini. Sa-benarnya ini bukan soal kelapa, tetapi saya menyentoh juga masalah padi ini.

Saya baharu sahaja balek daripada Tanjong Karang dan saya dapati ra'ayat ada-lah makmur bukan sahaja di-Tanjong Karang bahkan juga di-Sekinchin. Sawah² di-sana mendapat ayer yang banyak, padi tengah menguning sekarang, tengah menyabit padi, ramai pula yang pergi ka-Mekah kerana mendapat hasil padi dua kali sa-tahun ini. Ini di-ucapkan berbanyak terima kaseh kapada Menteri itu.

Jadi oleh kerana Menteri ini mengadakan tractor dan bermacam² lagi, maka dapat-lah ra'ayat keuntungan dan pada tahun ini sunggoh pun kapal telah rosak di-tengah² laut, tidak dapat berjalan, orang² Tanjong Karang banyak yang terkandas, tetapi nasib baik dapat naik kapal terbang (*Ketawa*). Sunggoh pun tidak bersangkut-paut oleh kerana ini, berthabit dengan kawasan Kem-bubu, tetapi oleh kerana hasil pada di-dapati dengan banyak-nya maka dapat-lah ra'ayat pergi naik kapal terbang, sunggoh pun dia menjadi petani sahaja di-Tanjong Karang sana.

Oleh kerana ada-nya FAMA mendirikan kilang², maka harga padi sunggoh pun ta' begitu tinggi, tetapi tidak dapat-lah di-permainkan oleh lintah² darat. Sunggoh pun begitu, ada di-terangkan oleh Menteri Pertanian ia-itu siapa sahaja hendak membeli padi dengan harga \$16 sa-pikul kalau ada orang hendak beli dengan harga \$18 jual-lah; saya pun selalu komplek atas perkara ini. Saya komplek berkenaan dengan FAMA beli \$16 sedangkan orang lain beli \$18. Menteri itu kata, kalau ada orang hendak beli—beli-lah, siapa yang hendak beli \$19 atau \$20 ada-lah lebeh bagus. Jadi dengan ada-nya bagini saya harap Ahli Yang Berhormat dari Batu tidak-lah menganggap yang saya ini menjawab sa-bagai Menteri—saya bukan Menteri. Ini Menteri beri tahu kapada saya siapa hendak beli \$20, \$30 satu pikul beli-lah, jadi lebeh mahal, lebeh baik untuk ra'ayat. Sekian, terima kaseh.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kaseh kapada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor yang telah tolong menjawab tuduhan² yang di-sampaikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu. Ahli Yang Berhormat dari Batu telah bertanya mengapa-kah pehak Kerajaan atau pehak FAMA yang mana daripada Hai Sim Rice Mill dan beberapa lagi hendak beli padi di-Tanjong Karang. Jadi sekarang ini sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat itu telah sebutkan tadi masalah padi ada-lah di-alehkan kapada Lembaga Padi dan Beras Negara, tetapi urusan ini telah pun saya jalankan sa-masa urusan padi dan ini juga di-bawah FAMA dan walau pun sekarang saya boleh-lah juga pergi berunding dengan Pengerusi Lembaga Padi dan Beras, sa-kira-nya ada mana² kilang Hai Sim-kah atau

pun MRI—Malaysia Rice Industry (MRI) yang berkehendakkan beli padi di-Tanjong Karang dengan harga yang lebih daripada \$16 sa-pikul. Kami terima, tetapi syarat jangan beli sa-takat sa-lori, dua lori hendak mengachau market sahaja. Ini kami tidak mahu, kerana kebiasaan-nya kilang² yang sa-umpama ini dia pergi ka-tebok sana, dia pergi beli satu lori, pergi ka-tebok sana, beli satu lori. Kemudian ini akan membuatkan petani² dan peladang² perasaan tidak puas hati, mengapa-kah kilang beli padi dengan harga \$18 sa-pikul mengapa FAMA beli \$16 sa-pikul, tetapi padi yang di-beli oleh kilang² ini chuma sa-takat sa-ribu guni, dua ribu guni dan yang lebih lagi di-katakan, kami tidak sanggup beli, kami tidak boleh beli. Ini akan membangkitkan perasaan tidak puas hati di-kalangan petani² dan peladang² yang ada dalam kawasan itu. Jadi dengan sebab dalam tahun 1966 atau sa-belum daripada itu, kalau kita bandingkan seluruh Malaysia, Tanjong Karang dan Sabak Bernam-lah tempat yang sa-habis burok di-exploitkan oleh orang² tengah. Mereka ini chuma di-bayar \$8 dan sa-tinggi²-nya \$12 sa-bagaimana yang saya sebutkan. Maka dengan itu FAMA memikirkan kawasan ini patut-lah di-tubuhkan satu skim yang mana pehak FAMA menepoli membeli semua sa-kali padi dan akan menjual kepada siapa juga yang berkehendakkan padi. Jadi kalau sa-kira-nya benar macham Hai Sim atau MRI yang boleh membeli padi dengan harga lebih daripada \$16, \$17, \$18 maka pehak saya boleh memberi jaminan bagi pehak Kerajaan ia-itu Lembaga Padi dan Beras Negara sedia menerima atau sedia menjual padi dengan mereka ini dan apa juga pendapatan yang berlebihan ma'ana-nya akan di-beri kepada peladang dan petani dengan chara menaikkan harga padi yang di-bayar kepada peladang dan petani. Kita bukan hendak buat untong, tetapi kita tidak berkehendakkan badan² yang umpama ini, kilang² yang sa-umpama ini mengachau pasaran tempatan. Dia pergi beli sa-takat 10 lori atau 20 lori atau 100 lori, sa-lepas itu, dia kata dia tidak mahu beli lagi. Jadi di-sini timbul-lah perasaan burok di-kalangan petani² dan peladang² terutama sa-kali mengapa pula kawasan orang² China boleh jual dengan harga yang lebih, kawasan orang² Melayu tidak di-beli dengan harga lebih. Ini akan menimbulkan perasaan perkauman pula di-antara Melayu dengan China di-

dalam kawasan Tanjong Karang dan Sabak Bernam. Ini-lah masalah² yang ada di-dalam kawasan itu. Saya berharap-lah kepada Ahli Yang Berhormat supaya memikirkan masalah ini dengan habis tenang. Tetapi kalau sa-kira-nya sa-benar ada kilang, mithal-nya Hai Sim atau MRI yang mahu membeli padi dengan banyak dengan harga yang lebih mithal-nya \$18 atau \$20 sa-pikul, sila-lah berhubung dengan pehak Lembaga Padi dan Beras yang sanggup menjual kepada mereka itu, tetapi jangan pergi membeli padi di-kawasan² yang bertompok² yang akan membawa kepada perasaan tidak puas hati di-kalangan petani² dan peladang². Itu-lah sahaja, terima kaseh.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*)
meshuarat Jawatan-kuasa)

Fasal 1 hingga 33—

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan pindaan sa-bagaimana yang terchatit dalam kertas pindaan yang telah di-edarkan kepada Ahli² sakalian.

Pindaan-nya ada-lah saperti berikut:

<i>Fasal</i>	<i>Pindaan</i>
(Semua Fasal kechuali Fasal 6)	"Pihak-berkuasa" yang terdapat di-mana jua dalam Rang Undang ² itu (termasuk Susunan Fasal ² dan Jadual ²) hendaklah di-tukar kepada "Lembaga" di-kechualikan yang terdapat dalam baris 1 Fasal 6.

Pindaan di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Fasal 1 hingga 33 sa-bagaimana yang di-pinda di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual Pertama di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual Kedua di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan pindaan²: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² LEMBAGA KEMAJUAN PERUSAHAAN HAIWAN NEGARA

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menchadangkan supaya Rang Undang² Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara, 1971 di-bacha bagi kali yang kedua.

Dengan chadangan ini maka dapat-lah di-jalankan tugas² yang berkaitan dengan perlaksanaan projek² yang di-chadangkan dalam Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini ia-itu projek yang berkaitan ia-lah Rumah Sembeleh Pusat yang akan di-laksanakan tidak beberapa lama lagi. Dengan itu juga semua usaha² di-bawah penubohan Lembaga ini akan dapat-lah mengawasi segala aktiviti yang bersangkutan dengan-nya supaya dapat projek² itu di-jalankan dengan lichen.

Di-Malaysia hari ini, Tuan Yang di-Pertua, belum ada sa-suatu Badan yang boleh menjalankan dan mengawasi segala chorak pekerjaan bersangkutan dengan Rumah Sembeleh dan juga kerja² bersangkutan dengan menggunakan reja² Rumah Sembeleh dan lain² lagi. Oleh Kerana itu sangat-lah mustahak di-adakan satu Badan supaya dapat menguruskan kesemua-nya kerja² tersebut bagi mendapat faedah yang penoh. Penyiasatan mengenai faedah² dari memusatkan Rumah² Sembeleh juga telah di-jalankan oleh Bahagian Haiwan dan pakar² Negeri Denmark dalam satu Penyelidikan Kemungkinan yang telah di-jalankan baru² ini. Telah pun di-terangkan umpamanya bahawa banyak terdapat pembadziran di-negeri ini manakala berjuta² ringgit pula di-belanjakan bagi mengimpot daging dan bahan² reja daging bagi negeri ini. Tambahan pula dengan ketegasan yang di-beri kepada Ranchangan² Kesihatan Negara dan pengawalan penyakit² ternakan yang merbahaya di-Malaysia maka Ranchangan memusatkan Rumah² Sembeleh ini akan memberi sumbangan yang besar kepada

Ranchangan² Kesihatan itu. Peruntukan sa-banyak 10.7 juta ringgit telah di-adakan di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Kedua dan Kementerian ini telah pun menjalankan kerja² pembenaan Rumah Sembeleh di-Batu Tiga, Shah Alam.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang telah di-chatitkan, tujuan-nya ia-lah menggalak dan memajukan Pengurusan yang chekap yang berkehendakkan penggunaan "enterprise" ternakan dan keluasan ternakan. Dengan itu juga Lembaga ini boleh-lah mengurus dan menyelenggarakan Rumah² Sembeleh itu.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga ini juga akan mengada dan menyediakan kemudahan kredit bagi Pengeluaran Ternakan dan bagi memesatkan-nya dengan kemudahan itu di-gunakan sa-penoh²-nya. Lembaga ini juga boleh mengeluarkan atau mengadakan ternakan dan juga termasuk segala Perusahaan Memproses Daging² dan lain² lagi.

Dengan itu, penubohan Lembaga ini ia-lah untuk menguruskan dengan lichen-nya perusahaan ini kelak. Projek ini di-jangka akan mula berjalan sa-lewat²-nya dalam bulan Disember 1972. Ka-semua Rumah² Sembeleh yang ada sekarang akan di-tutup di-kedua² negeri ia-itu di-Negeri Selangor dan di-Negeri Sembilan. Ada-lah di-ramalkan juga banyak masalah akan terbit termasuklah kesulitan² awal yang berbangkit yang akan di-hadapi berkenaan dengan projek ini. Dengan hal yang demikian, ada-lah di-chadangkan supaya di-perengkatkan langkah² mengenai Rumah² Sembeleh itu dengan di-mulakan atas asas yang tegas dengan tujuan akhir-nya meletakkan peratoran dan melaksanakan Rumah Sembeleh Pusat ini di-kemunchak-nya sa-lewat²-nya pada tahun 1972. Perengkat Yang Pertama ia-lah mengambil Rumah Sembeleh, Seremban, sa-lewat²-nya pada bulan Februari atau Mach 1972 dan menjadikan-nya sa-bahagian daripada chawangan Rumah Sembeleh ia-itu bagai tempat pembahagian. Berkenaan dengan ini chadangan dan shor untuk penutupan Rumah Sembeleh di-Negeri Sembilan telah pun di-beri kelulusan didalam meshuarat Kerajaan Negeri itu sendiri. Dengan itu juga sangat-lah penting di-tubuhkan Lembaga tersebut supaya dapat menjalankan urusan projek itu dan dengan penubohan sa-demikian, maka dapat-lah

Pengurusan di-chiptakan bagi arah itu dengan memberi kuasa undang² supaya Rumah Sembeleh Pusat Shah Alam dapat di-kendalikan dengan pesat-nya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penubuhan Lembaga tersebut juga, maka boleh-lah Kementerian ini yang mengeluarkan peratoran dan chara² menguruskan projek itu dapat menentukan dan memberi jaminan kepada ka-semua ra'ayat ia-itu daging dan reja² yang di-keluarkan di-Rumah² Sembelehan Shah Alam itu telah pun di-pereksa dan di-luluskan untuk makanan dan juga dapat-lah Negeri ini menggunakan segala reja² binatang itu dan ini berma'ana wang berjuta² ringgit akan dapat di-selamatkan.

Pada pendapat saya dan juga Kementerian ini projek sa-bagini besar sa-patutnya di-uruskan oleh sa-buah Lembaga seperti yang di-chadangkan ini supaya dapat faedah yang penoh daripada projek tersebut itu. Jika tidak di-berat dan tidak di-berikan kepentingan chara pengurusan projek ini, maka harus-lah projek ini tidak akan mencapai tujuan yang di-maksudkan dalam perlaksanaan projek tersebut. Di-dalam beberapa majallah dan juga beberapa seminar dan lain² perjumpaan Antara Bangsa dengan terang-nya telah pun di-shorkan, ia-itu satu Lembaga seperti yang di-chadangkan ini sahaja-lah yang boleh menguruskan Rumah Sembelehan yang akan memberi faedah sa-bagaimana yang di-chadangkan itu.

Sa-lain daripada itu juga, perlu-lah saya menegaskan sedikit di-sini, ia-itu dengan penubuhan Lembaga ini segala peluang pekerjaan pehak Lembaga akan memberi keutamaan kepada pekerja² yang ada di-dalam perusahaan ini pada masa sekarang, terutama sekali penyembeleh² dan lain² yang berkenaan. Mengenai pembahagian dan penjualan daging pula Penubuhan Lembaga ini akan tidak mengganggu-nya dan akan berjalan melalui saluran² seperti biasa yang ada sekarang ini. Ini berma'ana daging² yang di-jual kepada pemakan² daging atau pun consumer akan di-jalankan oleh penjual² yang ada sekarang, orang² pembahagi atau pun distributor yang sedang menjalankan urusan itu sekarang ini.

Dengan penjelasan ini saya menchadangkan supaya Rang Undang² Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara 1971 ini di-bacha bagi kali yang kedua.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Chan Siang Sun (Bentong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengalu²kan Rang Undang² ini dan dengan ini saya terlebih dahulu menguchapkan ribuan terima kaseh dan juga tahniah kepada Menteri yang berkenaan yang telah mengemukakan Rang Undang² ini dan di-harap akan dapat di-majukan dalam lapangan ternakan dan haiwan di-negeri kita ini. Saya perchaya pada masa akan datang negeri kita akan menjadi sa-buah negeri yang ma'amor dan dapat di-bandingkan dengan negeri² yang lain yang sudah maju dalam lapangan haiwan seperti Australia dan New Zealand.

Rang Undang² ini meliputi beberapa aspek dalam lapangan haiwan dan ternakan. Di-sini saya suka membuat sedikit pandangan kepada Menteri, ia-itu dalam kegiatan² pertubuhan Lembaga ini hendak-lah kita mengambil satu langkah untuk menolong pemasaran ternakan kita. Sa-bagaimana yang kita tahu bahawa di-dalam negeri kita ini ramai pengeluar² ternakan kita selalu menghadapi masaaalah pemasaran, oleh kerana harga² pengeluar² ternakan selalu "fluctuates" atau tidak tentu. Jadi, saya harap badan ini boleh-lah dapat menjamin atau dapat menolong pengeluar² mereka itu dan di-harap-lah masaaalah pemasaran ini akan dapat di-selesaikan.

Yang kedua, saya di-dapati di-dalam Rang Undang² ini pun ada kegiatan mengeluarkan makanan untuk ternakan. Ini ada-lah satu perkara yang mustahak oleh kerana tiap² tahun negeri kita ini mengimpotkan banyak makanan ternakan dari luar negeri dan beberapa juta ringgit kita dapat di-keluarkan daripada negeri kita ini. Jadi, saya harap-lah perkara ini juga akan dapat di-selesaikan.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya harap sa-lepas penubuhan Lembaga ini kita harap-lah Lembaga ini memasoki banyak enterprise² yang besar untuk ternakan, oleh kerana dalam negeri kita ini, kita ada sumber² untuk ternakan dan juga banyak tanah² dalam negeri kita ini boleh menjalankan perusahaan ternakan dengan maju-nya.

Jadi, ketiga² perkara ini sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan saya harap akan mendapat perhatian daripada Menteri kita. Sekian, terima kaseh.

Wan Mokhtar bin Ahmad (Kemaman): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian menyokong Rang Undang-undang yang telah di-bentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sa-kejap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita sa-lain daripada mengeluarkan hasil² pertanian, sedang pesat membangun dalam bidang perusahaan, di-mana berapa banyak kilang² yang sedang di-dirikan di-negara kita ini. Dalam bidang pertanian, sa-lain daripada getah menjadi tanaman utama, kelapa sawit juga tidak kurang banyak-nya di-tanam pada masa yang akhir² ini. Memandang kepada kemerosotan harga getah pada masa ini dan persaingan hebat yang akan kita hadapi dengan negara penanaman kelapa sawit pada masa akan datang, maka ada-lah kena pada tempat-nya Kerajaan membuka satu perusahaan lagi, ia-itu Perusahaan Haiwan Negara dengan tugas²-nya sa-bagaimana yang di-nyatakan di-dalam Bill ini di-muka 5.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan ada-nya Lembaga ini saya harap tanah² negara kita yang subur tidak sahaja akan di-tanam dengan getah, kelapa sawit, coco dan lain² tanaman dan sa-bagai-nya, tetapi Kerajaan dapat memperuntukkan bagi tanaman rumput, untuk ternakan dan pokok² bagi Perusahaan Ternakan di-negara kita ini. Pada masa ini kita banyak membawa masuk susu², daging, kulit² ternakan daripada luar negeri untuk keperluan negara kita dan membelanjakan berjuta² ringgit pada tiap² tahun bagi membawa barang² itu masuk. Maka dengan ada-nya Lembaga ini, yang akan menguruskan soal² pengeluaran ternakan, termasuk-lah apa² keluaran ternakan dan apa² benda makanan atau minuman sa-bagaimana yang terchatet di-dalam Bill ini di-muka 4, maka kita dapat melateh dan memberi pekerjaan kepada berpuluh² ribu ra'ayat di-negara kita ini, sa-lain daripada kita dapat menjimatkan wang negara di-samping mendapat pertukaran wang asing. Dengan ada-nya Lembaga ini, raja² saperti tulang, kulit² binatang, yang kebanyakan-nya terbuang begitu sahaja atau di-proseskan dengan tidak begitu terator dengan sa-penoh-nya, dapat-lah di-selenggarakan dengan lebeh baik dan bermutu lagi sa-bagaimana yang kita lihat di-satengah² negara di-mana terdapat tulang² binatang dan tandok² di-

buat pula dengan berbagai² perhiasan saperti ukiran, kipas dan sa-bagai-nya, yang merupakan salah satu sumber hasil negara mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya Lembaga Perusahaan Haiwan ini ada-lah satu² lembaga yang terpenting di-dalam negara kita ini kerana perusahaan ini dapat di-laksanakan ka-seluruh negara dan tidak-lah terbatas ka-kawasan² yang tertentu sahaja. Sa-bagaimana chontoh, ternakan ayam dan itek dapat di-laksanakan di-kawasan² yang tidak sesuai dengan tanaman² saperti kawasan² yang terdapat di-sapanjang pantai negeri Pahang dan Trengganu dan kawasan² yang berayer, sementara kerbau² lembu dan kambing dan lain² ternakan lagi dapat di-adakan di-kawasan² yang di-fikirkan sesuai.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, bagi menjamin kejayaan perusahaan ini Kerajaan dari sekarang hendak-lah mengambil langkah² yang tertentu untuk melateh belia² dalam bidang ternakan, perusahaan mengeluarkan ternakan saperti tulang, tandok dan sa-bagai-nya, sa-hingga bila mana perusahaan ini di-lancharkan dengan sa-chara besar²an sa-bagaimana yang telah di-nyatakan oleh Yang Berhormat Menteri, pada akhir tahun 1972 ini, segala sa-suatu akan dapat di-proses dengan baik dan jaya dan kalau perlu belia² kita patut di-hantar ka-negara² yang menjalankan perusahaan ini saperti Australia dan New Zealand dan lain² lagi, supaya dengan ini kita benar mempunyai pekerja² yang terlateh dalam bidang tersebut dan pada akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya ada-lah menyokong penoh per-untukan Bill ini.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya ada-lah sa-orang lagi yang menyokong di-atas Rang Undang² ini. Saya menyokong oleh kerana hasrat orang² kampung pada hari ini hendakkan kemajuan. Dengan ada-nya Bill ini, maka mereka fikirkan, ia-itu pada suatu hari yang akan datang, dalam lima tahun ini, orang² kampung yang memelihara lembu, kerbau dan sa-bagai-nya dapat kemajuan.

Pada hari ini, saya telah berkata dahulu, kebanyakan lembu² kita, Tuan Yang di-Pertua, lembu² kurus, tinggal tulang macham saya. Jadi, kita tengok-lah lembu² yang datang daripada negeri Trengganu dan Kelantan, bukan saya mengatakan lembu²

negeri Kelantan ini kurus semua-nya, tetapi kebanyakan-nya yang di-beri kapada orang² yang meminta daripada luar bandar, yang di-bawa, lembu² ketot²; kechil² lembu itu dan kurus² belaka.

Jadi, Lembaga ini pada hari yang akan datang mesti-lah menengokkan lembu² ini tidak sesuai lagi untuk di-pelihara, oleh kerana jikalau di-pelihara rugi orang yang memelihara-nya, terutama sa-kali kapada orang² Melayu. Orang² Melayu tidak sedar, di-beri lembu ini oleh Kementerian Pertanian, Tuan Yang di-Pertua, satu ekor lembu ini di-bawa pakai tali, di-bawa makan ka-sana ka-mari, bertahun² itu, hendak menanti lembu itu beranak. Di-mana lembu itu ada terchachak-lah dia, tinggal di-tepi² jalan, di-tepi² kampung. Kalau kita pergi, dia tengok, tegak di-tepi jalan. Orang² Melayu tidak memikirkan ia-itu satu ekor lembu, bekerja dalam sa-hari, satu tahun-lah mithal-nya apabila sudah di-sembeleh, kalau di-kira ta' sampai dua sen satu hari.

Jadi, kalau mithal-nya pejabat atau pun Kementerian Pertanian tidak menyelideki di atas perkara ini, chuma untuk adakan Lembaga ini membeli nanti lembu² daripada kampung, di-katakan ini sudah maju kerana ada rumah bantai umpama-nya di-Batu Tiga ini. Orang Melayu sudah maju oleh kerana menghantar lembu² kurus-nya nanti ka-sana, sebab tulang kurus itu besar². Ini ada-lah ta' betul. Dengan sebab itu, saya harap lembu² hendak-lah lembu² yang ada daging. Ada dua jenis lembu, satu jenis lembu yang mengeluarkan susu dan satu jenis lagi yang mengeluarkan daging yang banyak. Jadi, lembu yang mengeluarkan daging yang banyak.

Saya juga ada melawat ka-negeri Jepun, Tuan Yang di-Pertua. Di-Jepun ada lembu, nama-nya lembu Cowboybeef, daging lembu Kobis chukop lembut, chukop elok. Macham mana orang Jepun memelihara lembu ini? Ia-itu hari² dia massage lembu² ini—pakai massage lembu ini. Dia beri lembu² ini minum beer hari² (*Ketawa*). Ini bukan olok², ini ada orang yang mengatakan: Apa ini? Tetapi ini betul². Jadi, dengan sebab itu Lembaga ini juga kalau sudah memelihara lembu, lembu Cowboybeef, anak lembu Kobis ini, Al-coybay ini mesti di-bawa ka-mari, supaya daging-nya elok, daging-nya banyak dan lembut pula dan chara² memelihara-nya mesti-lah di-pelajari.

Jadi, saya harap-lah pada hari yang akan datang jangan-lah orang Melayu di-beri satu ekor lembu kerana dengan satu ekor lembu ini orang Melayu kita di-kampung itu-lah yang di-pelihara-nya, di-bawa hari² ka-sana ka-mari. Pendapatan-nya ta' sampai lima sen satu hari. Kalau hendak di-beri lembu² ini, di-beri banyak² untuk satu² pertubohan orang² Melayu di-dalam satu mukim, atau pun satu kampung. Kalau tidak begitu membazir sahaja, sia² sahaja masa sa-saorang Melayu yang memelihara lembu. Sekian, terima kaseh.

Tuan Azahari bin Mohd. Taib: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang² Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara ini, sambil merayu kapada Menteri yang berkenaan, ia-itu bila Lembaga ini di-tuboh dan menjalankan ranchangan-nya kelak, tentang nasib kerbau² dan lembu² di-Kedah. Bila sahaja Perayeran Muda ini di-lancharkan, kebanyakan tanah² sawah di-Kedah tidak ada lagi tempat yang kerbau-lembu ini hendak menchari makan. Kemudian bila kita memperkenalkan jentera dalam pertanian di-kawasan Muda, kerbau² yang menjadi tradition di-gunakan untuk membajak, telah tidak di-gunakan lagi pula.

Jadi, masaalah kerbau dan lembu dan binatang² ternakan yang beribu² ekor di-Kedah ini sudah tidak ada tempat dan tidak di-gunakan untuk membajak lagi. Kebanyakan kerbau² dan lembu² ini biasa-nya di-heret dan di-tambat di-dalam kampung², kadang² lembu² itu-lah yang menyusahkan balek petani² tadi, mereka terpaksa menchari rumput di-sawah² dan sa-bagai-nya, lagi memberi makan, memelihara binatang² ternakan tersebut. Saya tidak-lah bermaksud menyalahkan sa-siapa, berkenaan dengan proses kemajuan pertanian yang ada sekarang, tetapi di-Kedah itu juga maseh ada hampir 200,000 ekar tanah rezeb² kerbau dan lembu yang tidak di-usahakan. Saya sendiri tahu banyak kawasan² rezeb ini tumbuh lalang sahaja, kadang² sa-tengah² itu telah di-masoki sa-chara haram oleh orang. Jadi, ada kerbau dan lembu yang nasib-nya tidak mendapat pemeliharaan yang baik dan sebakel-nya ada kawasan² simpanan yang ternakan tidak di-usahakan. Jadi, kalau Lembaga ini, hendak menjalankan ranchangan-nya maka Lembaga ini dapat menengok jauh sedikit daripada perenggan Selangor ini menuju ka-Kedah, dan daripada sekarang pun boleh di-arah

oleh Menteri yang berkenaan kepada Pejabat Haiwan Kedah mengadakan satu kajian berkenaan dengan kawasan ternakan yang saya sebutkan tadi, mungkin sa-tahun atau dua tahun lagi dapat di-besarkan ranchangan itu di-negeri Kedah. Jadi, sekarang sifat binatang macham kerbau dan lembu itu yang selalu di-gunakan sa-bagai memajak tidak di-gunakan dan tidak akan di-gunakan lagi di-Kedah, dan tempat mereka hendak makan sendiri pun tidak ada, kerana sa-panjang tahun ada ayer di-dalam bendang. Jadi dengan sebab itu-lah satu penyiasatan yang rapi harus di-arahkan daripada sekarang. Dan kalau Lembaga ini dapat masuk menjalankan penyiasatan dan menyelesaikan masaalah ini di-Kedah, saya rasa Negeri Kedah dapat mengadakan kawasan² berternak lembu yang baik. Tetapi saperti mana yang kita semua ma'alum, masaalah mengadakan ternakan sa-chara moden berkehendakkan pengetahuan² sa-chara moden modal yang besar dan kawasan yang selamat. Saya sangat berharap kepada Lembaga yang akan di-tubuhkan kelak, memandang jauh sedikit di-Kedah dan juga Perlis. Semoga kawasan yang maseh banyak kosong itu dapat di-gunakan dengan sa-baik² dan boleh juga mengatasi masaalah pemuda² kita yang tidak ada kerja. Terima kaseh.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian dalam perbahathan ini dengan chara ringkas. Sambil menyokong Rang Undang² Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara ini, saya ucapkan tahniah kepada Kementerian ini, sebab ini ada-lah satu langkah yang sangat di-harap dan di-tunggu² oleh penternak² kita dalam negeri ini. Saya fikir Lembaga ini patut awal² di-tubuhkan, sebab telah menjadi teradisi di-Malaysia ini boleh di-katakan tiap² ra'ayat di-Malaysia ini memang gemar berternak sama ada banyak atau sedikit, dan di-tambah pula Kerajaan dengan ada-nya ranchangan pawah. Tuan Yang di-Pertua, untuk menampong pusat penyembelehan yang akan di-tubuhkan oleh Kerajaan ini tentu-lah menghendakkan banyak penternak² supaya di-biakkan dalam negeri ini. Saya khuatir, Tuan Yang di-Pertua, kalau pusat penyembelehan ini kita kurang awasi kita pula akan menyembeleh binatang² yang di-seludup dalam negeri ini, terutamanya daripada kawasan Yang Berhormat rakan saya dari Kedah tadi. Jadi satu

perkara kurang molek pada sisi negara kita kalau kita masukkan binatang yang di-seludup chara haram ka-dalam negeri ini untuk di-sembeleh di-pusat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya gemar memberi satu pandangan supaya pusat ini bukan sahaja mengeluarkan daging yang banyak dan murah untuk makanan ra'ayat, tetapi Lembaga ini saya mengharapkan supaya membuat satu usaha mengeluarkan susu, dan daripada susu yang banyak kita akan mengadakan satu kilang membuat choklat antara susu dan koko telah kita tanam dalam negeri ini. Hal yang sa-macam ini akan menguntongkan negara kita juga.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah memproses atau mengolah tahi binatang—saya minta ma'af Tuan Yang di-Pertua kalau saya sebut perkataan ini menchemarkan Dewan ini—tahi binatang ini hendak-lah Kementerian ini mengkaji supaya di-jadikan baja yang sesuai dengan tanaman² dalam negeri kita. Pada masa sekarang kita banyak membeli baja² jenis ini daripada Singapura. Kenapa kita tidak boleh proses, olehkkan baja ini untuk kita bekalkan kepada petani² kita untuk memajukan perusahaan tanaman-nya.

Jadi yang akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya gemar memberi satu pandangan bahawa jangn Lembaga ini hanya memberi kemudahan, memberi kerjasama kepada badan² swasta atau badan² lembaga yang penternakan yang di-usahakan oleh Kerajaan, tetapi yang di-usahakan oleh penternak² kita kawasan rumput ragut, kawasan yang di-usahakan oleh Persatuan Peladang supaya juga di-beri perhatian mereka ini. Terima kaseh.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang mengucapkan terima kaseh kepada Ahli² yang menyokong dan yang berchadang hendak menyokong, tetapi tidak dapat peluang berchakap hendak menyokong. Saya suka memberi bayangan sedikit berkenaan dengan tugas² yang akan di-jalankan oleh Lembaga ini ia-itu Lembaga ini akan ada dua bahagian. Satu bahagian ia-lah untuk membiakkan binatang² ia-itu kerbau dan lembu, sama ada untuk daging atau pun untuk susu dan satu bahagian (section) lagi ia-lah untuk penyembelehan. Jadi, di-bawah ranchangan untuk membiakkan lembu untuk daging dan

susu ini kita akan mengadakan ranchangan di-beberapa kawasan di-negeri ini. Saya ingat lima, enam atau tujuh dan di-tiap² satu ranchangan itu kita akan mengadakan earmark satu kawasan sa-luas lebeh kurang 6,000 ekar, kemudian 3,000 ekar daripada 6,000 ekar itu akan di-majukan oleh Lembaga ini untuk di-biakkan lembu oleh Lembaga ini sendiri. Dan lembu² yang di-biakkan oleh Lembaga ini akan di-jadikan sa-bagai asas untuk di-beri sa-bagai chara pawah atau apa juga akan datang kepada peserta² yang akan di-tempatkan di-dalam tanah sa-luas lebeh kurang 3,000 ekar yang ada berhampiran dengan ranchangan itu sendiri. Jadi, dengan keadaan yang demikian, kita akan dapat membuka lebeh kurang lima atau enam ranchangan seluroh Malaysia ini termasuk Malaysia Timor di-bawah Ranchangan Malaysia Kedua ini.

Bagitu juga rumah penyembelean ini, sekarang kita chuma membena satu di-Shah Alam di-Batu Tiga dengan ada mempunyai chawangan-nya di-Seremban ia-itu tempat pembahagian dan kita juga telah pun membuat kajian berkenaan dengan beberapa tempat lagi ia-itu satu di-kawasan utara ia-itu Perlis, Kedah dan Pulau Pinang, satu di-kawasan selatan ia-itu Negeri Sembilan, Melaka dan satu lagi di-Johor Baharu dan satu di-Pantai Timor. Jadi kajian² sedang di-buat berhubung dengan masaalah ini dan kita juga akan menyaksikan berkenaan dengan kemajuan rumah penyembelean di-Shah Alam dan sa-kira-nya ranchangan ini mendapat kejayaan, maka kita akan melanjutkan lagi ranchangan ini ka-kawasan² yang lain.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatankuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 11 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual Pertama di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual Kedua di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG PERSATUAN PELADANG (PINDAAN)

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan (Dato' Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memohon izin men-chadangkan supaya Rang Undang² pindaan kepada Akta Persatuan Peladang, 1967 di-bacha bagi kali yang kedua.

Dengan chadangan ini maka dapat-lah di-jalankan dengan lebeh berkesan lagi tugas² yang berkaitan dengan perlaksanaan projek² Persatuan Peladang yang telah di-chadangkan dalam Ranchangan Malaysia Yang Kedua. Dengan itu juga semua ranchangan² dan usaha² Kerajaan terhadap kemajuan peladang² dan segala aktiviti² Persatuan Peladang dapat di-awasi dan di-jalankan dengan lebeh lichin lagi.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Akta Persatuan Peladang di-luluskan dalam tahun 1967 Kerajaan telah melaksanakan ranchangan bagi menubuhkan Persatuan² Peladang dengan pesat-nya di-seluroh negara. Sa-takat ini Kerajaan telah dapat menubuhkan 90 buah Persatuan Peladang di-peringkat kawasan dan 7 Persatuan Peladang di-peringkat negeri yang mana kesemua-nya mempunyai ahli lebeh daripada 50,000 orang petani². Sambutan dan penyertaan peladang² dalam ranchangan Persatuan Peladang ini ada-lah sangat menggalakkan. Sa-hingga ini perniagaan² telah di-jalankan oleh Persatuan² Peladang telah meningkat termasuk perniagaan perbekalan barang² seperti baja dan sa-bagai-nya yang berharga \$900,000 dalam tahun 1969, manakala dalam tahun 1970 perniagaan ini telah meningkat kepada \$1.7 juta. Bagitu juga banyak ranchangan² lain yang telah di-jalankan oleh Persatuan² Peladang ini umpama-nya ranchangan pemasaran nenas, ubi kayu, kelapa sawit, padi dan lain² tanaman serta menjalankan perkhidmatan membajak dengan jentera untuk kemudahan peladang² sekalian. Hingga ini nilai harga Persatuan² Peladang telah meningkat lebeh daripada \$3 juta di-bandingkan dengan \$1.3 juta dalam tahun 1969.

Tuan Yang di-Pertua, Ranchangan Pembangunan Pertanian ada-lah salah satu ranchangan yang terbesar dan penting di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Kedua yang mana Kerajaan akan membelanjakan sebanyak \$1,956 juta. Ranchangan² pertanian yang merupakan bantuan pembenaan, kemudahan² asas bantuan² benih, baja, ternakan dan lain² ada-lah perlu bagi mencapai matlamat² Dasar Ekonomi Baharu Kerajaan untuk meninggikan lagi pendapatan petani² serta mengadakan industri² yang berasaskan sumber² pertanian untuk memberi peluang² kerja yang lebih di-kawasan² luar bandar. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, Ranchangan Persatuan Peladang ini ada-lah sangat penting untuk menentukan segala bantuan² Kerajaan itu dapat di-gunakan dengan sa-penoh²-nya oleh ra'ayat, khas-nya oleh peladang² bagi menambahkan hasil pengeluaran dan pendapatan mereka serta memperbaiki taraf hidup keluarga mereka. Pada pendapat saya satu chara yang amat berkesan untuk memajukan pertanian peladang² kecil ini ia-lah melalui Persatuan² Peladang. Dengan chara ini dapat-lah Kerajaan kita menjalankan ranchangan² pertanian sa-chara besar²an sa-umpama-nya ranchangan menanam padi 2 kali sa-tahun di-Ranchangan Perayeraan Muda Kemubu serta lain² tanaman pemulahan kelapa dan pisang untuk mempelbagaikan tanaman lain seperti jagong, ubi kayu, kacang tanah dan sebagainya. Usaha² ini juga akan membolehkan Persatuan² Peladang memajukan perniagaan pertanian dan juga mereka yang mungkin boleh mengujudkan industri² seperti kilang² untuk memproses bahan² pertanian yang boleh memberi hasil dan pekerjaan² kepada belia² dan ra'ayat yang belum lagi mendapat pekerjaan.

Dalam Ranchangan Malaysia Kedua, Kerajaan berchadang menambahkan lagi sebanyak 200 buah Persatuan² Peladang Kawasan, 13 Persatuan² Peladang Negeri serta 1 Persatuan Peladang Kebangsaan. Langkah² sedang pun di-ambil untuk menubuhkan semua Persatuan Peladang Negeri dan juga Persatuan Peladang Kebangsaan dalam bulan Mach tahun ini. Sa-lain daripada itu usaha² sedang berjalan bagi meluaskan ranchangan² Persatuan Peladang yang akan melibatkan-nya dalam aktiviti² pertanian dan ternakan yang lebih luas termasuk bagi menyelaraskan pinjaman² anjoran Bank Pertanian kepada petani²

serta memperbesarkan lagi usaha² pemasaran, pembekalan, pengangkutan dan usaha² memproses bahan² pertanian. Semua usaha² ini, Tuan Yang di-Pertua, akan mementingkan pengurusan perniagaan dan aktiviti² Persatuan Peladang dengan chara yang lebih kemas, teratur dan berkesan. Oleh yang demikian, ada-lah mustahak sistem² pengurusan dan atoran² perlu di-susun dan di-laksanakan oleh pegawai² yang terlatih bukan sahaja dalam bidang pertanian bahkan dalam bidang pengurusan² juga. Segala ranchangan² dan usaha² ini juga memerlukan kerjasama dan pimpinan yang baik daripada pemimpin² yang di-lantek dalam Persatuan Peladang ia-itu ahli² Lembaga Pengarah, supaya dapat melibatkan semua peladang² dalam ranchangan ini. Untuk mencapai tujuan² ini ada-lah memerlukan pindaan seperti terkandung di-dalam Fasal 5 (a) (i) Rang Undang² ini. Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya Persatuan² Peladang ini hendak-lah di-uruskan oleh Lembaga Pengarah yang betul² memahami konsep, dasar dan tujuan² Kerajaan supaya pelaksanaan ranchangan² Kerajaan ini tidak terganggu atau terhad. Dengan itu ada-lah perlu bagi Kementerian saya menitik-beratkan pimpinan² yang sungguh chekap dan layak untuk mengelolakan dan menguruskan Persatuan² Peladang mereka itu. Dengan Persatuan² Peladang terlibat di-dalam perniagaan pertanian yang lebih luas maka ada-lah perlu di-titik-beratkan usaha² pengurusan yang baik dengan mengadakan Pegawai² Pertanian yang terlatih dan mahir dalam segi pengurusan dan kemajuan pertanian untuk mengelolakan Persatuan Peladang ini. Oleh yang demikian, Kementerian ini ada-lah bertujuan untuk melengkapkan lebih banyak lagi petani², pegawai² dan kakitangan² yang mahir bagi di-tugaskan untuk bekerja menguruskan Persatuan² Peladang ini supaya kejayaan ranchangan mereka dapat terjamin. Peruntukan ka-araf ini ada di-muatkan di-dalam Fasal 5 (a) (2) Rang Undang² ini.

Fasal 7 Rang Undang² ini pula bertujuan untuk memasukkan peruntukan² baharu berhubung dengan pertikaian² yang tertentu, rojokan pertikaian ini kepada Pendaftar untuk keputusan-nya dan rojokan oleh Menteri ka-Mahkamah Tinggi akan sa-suatu soalan undang² yang timbul dalam perjalanan langkah² berhubung dengan rayuan terhadap keputusan Pendaftar atau penimbangtara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan ini saya meniadakan supaya pindaan kepada Akta Persatuan Peladang, 1967 itu di-bacha bagi kali yang kedua.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Ahmad bin Sa'id: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Pindaan bagi Akta Persatuan Peladang tahun 1967 dan mengalu²kan pindaan² yang telah pun di-bentangkan di-sini dan juga penerangan yang di-beri oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² ini mula sa-kali di-luluskan pada tahun 1967 manakala di-laksanakan penubuhan Persatuan² Peladang Kawasan semenjak tahun 1968 hingga hari ini di-dapati beberapa kesulitan² yang telah berlaku dan saya sa-bagai sa-orang Pengerusi Lembaga Pengarah Persatuan Peladang Tenaga Murni mengalami beberapa kesulitan dan sebab itu-lah saya mengalu²kan pindaan yang telah pun di-kemukakan ini untuk hendak memperbaiki lagi perjalanan dan pentadbiran Persatuan Peladang yang pada pendapat saya ada-lah satu alat yang sangat penting sa-kali bagi peladang² kita menggunakan alat itu untuk menolong diri mereka itu supaya mengubah nasib mereka daripada orang yang tidak berada kepada golongan yang berada. Ini ada-lah satu kerjasama atau pun gerakan kerjasama yang lebeh dinamis dan lebeh progressive. Sebab itu, saya sangat-lah tertarek hati dan menyokong kerana saya sa-orang daripada orang² yang mempunyai minat di-atas Persatuan Peladang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 2 dalam Rang Undang² Pindaan ini meniadakan supaya nama Persatuan Peladang Persekutuan itu di-jad'kan Persatuan Peladang Kebangsaan. Saya fikir lebeh baik di-tukarkan nama itu atau di-pindahkan kepada Persatuan Peladang Negara yang lebeh menarek lagi dan tidak ada kekeliruan dengan Persatuan Peladang yang lain. Jika boleh dapat Yang Berhormat timbang dan buat pindaan di-atas shor saya itu.

Fasal 4, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah satu tujuan yang baharu yang boleh di-katakan meliputi semua gerak-kerja atau aktiviti² dan kehendak² peladang dalam negara kita.

Ini ada-lah satu pindaan yang sangat menarek dan dengan ini dapat-lah di-buat ranchangan² dan juga di-masokkan dalam Perlembagaan supaya dapat peladang² kita menggunakan sa-bagai panduan untuk menjalankan urusan bagi kebaikan peladang. Dengan ini, saya berharap sa-lagi pehak peladang² tidak mendapatkan kuasa atau pun di-beri kuasa mutlak untuk menentukan harga hasil pertanian mereka itu sendiri peladang² tidak akan dapat menikmati kehidupan yang lumayan. Saya tunjukkan mithal-nya, Tuan Yang di-Pertua, sa-buah kilang tepong yang di-dirikan dengan taraf perintis, mereka menentukan harga pengeluaran tepong, mereka menentukan harga pengeluaran gula mithal-nya dan juga barang² buatan yang lain, kerana apa tidak boleh peladang menentukan harga pengeluaran hasil pertanian. Jadi saya berharaplah dengan ada-nya pindaan akan menuju ka-araf matlamat supaya peladang sendiri menjadi tuan punya atau hak ketuanan kembali kepada-nya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, baharu sahaja kita telah pun meluluskan satu Undang² mengenai Lembaga Kemajuan dan Perusahaan Ternakan. Berkenaan dengan ternakan, ini ada perkaitan-nya dengan peladang, saya berharap Yang Berhormat Menteri akan memberi galakan sa-penoh-nya kepada Persatuan Peladang Negeri untuk mengambil bahagian yang sa-penoh-nya dalam ranchangan memajukan ternakan di-negeri masing² dan modal² itu dapat-lah di-kumpul daripada Persatuan² Peladang kawasan dan juga dapat di-beri bantuan dan pinjaman daripada Bank² Pertanian dan lain².

Fasal 5, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat suka perkara ini di-bawa ia-itu mengenai kuasa memilih ahli² Lembaga Pengarah dan juga kuasa melantek, sebab pada masa sekarang ini—Undang² yang ada sekarang ini memberi kuasa 100% untuk di-pilih oleh ahli² perwakilan. Tetapi kita dapati beberapa kesulitan berlaku ada di-antara ahli² yang di-pilih itu tidak ada kebolehan, tidak chekap, tidak mempunyai minat dan ada yang di-pilih itu menyalah-gunakan kuasa-nya, dengan sebab itu saya tertarek hati dan menyokong penoh di-atas pindaan ini supaya kuasa di-beri kepada Yang Berhormat Menteri—melantek separoh daripada penoh bilangan-nya supaya dapat-lah

Yang Berhormat Menteri mengarahkan ahli² Lembaga Pengarah ini menjalankan tugas masing² demi kebaikan Persatuan Peladang itu.

Fasal 5 (2) dalam Perlembagaan sekarang ini menunjukkan bukan nama-nya Pengurus Besar bahkan Pengurus Agong, jadi dengan pindaan Pengurus Besar ini sangat sesuai-lah kerana kalau di-sebut Pengurus Agong sangat tidak sesuai.

Fasal 7 jika timbul pertikaian di-rujukkan kepada Pendaftar. Ini pun ada-lah satu perkara yang baik bagi Pendaftar sendiri bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah yang ada di-antara ahli² dan juga ahli² Persatuan Peladang berkaitan dengan Negeri dan lain².

Dan berkenaan dengan tuntutan² sa-bagaimana yang kita tahu gerakan kerjasama ada juga kuasa untuk melantek Lembaga Timbangtara menjadi Hakim atau menjadi orang tengah menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarek perhatian Yang Berhormat Menteri pada beberapa perkara yang saya sendiri mengalami dan juga perkara² yang di-beritahu kepada saya yang menjadi kerumitan dan kesulitan dalam pelancaran atau pelaksanaan Persatuan Peladang yang ada sekarang ini. Jikalau kita hendak mengelakkan pertikaian atau pun perselisihan faham di-antara Persatuan Peladang yang ada sekarang ini yang pertama sa-kali mesti-lah pehak Kementerian mengawasi pentadbiran itu dengan rapi dan juga menjalankan kuasa tidak dengan chara pilih kasih supaya dapat melichinkan kerja pentadbiran dan perjalan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, sijil² saham yang di-edarkan kepada ahli² tidak di-tentukan penama atau pun nominee. Jadi jikalau-lah sa-orang memegang saham meninggal dunia maka akan berbangkit beberapa masalah saya shorkan supaya Yang Berhormat Menteri kaji, memberi arahan atau pun memasokkan dalam Perlembagaan apa² sijil itu mesti-lah di-tulis penama bagi pemegang saham itu. Sa-kira-nya sa-orang pemegang itu meninggal dunia mudah-lah bagi penama itu menerima saham balek atau pun keuntungan daripada Persatuan itu.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, mengenai tandatangan chek. Ini pun ada satu

kerumitan yang di-bangkitkan oleh Persatuan Peladang saya sendiri. Mengikut Perlembagaan Pengurus Besar akan menanda-tangani sa-barang chek Persatuan Peladang. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri sendiri akan selidek supaya jangan di-beri kuasa penuh kepada sa-orang sahaja Pengurus Besar untuk menanda-tangani chek kerana Persatuan Peladang saya sendiri mempunyai wang sa-banyak \$29,000 yang telah di-kumpul sa-lama 6 bulan. Jadi, kalau-lah di-salah-gunakan kita susah hendak ambil tindakan. Biar-lah sa-orang daripada ahli Pengarah bersama² dengan Pengurus Besar menanda-tangani sa-barang chek yang di-keluarkan.

Yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, mengenai surety, sa-orang Pengurus Besar dan sa-orang Pegawai Ekonomi, sa-orang pegawai yang bekerja dengan Persatuan Peladang itu mereka menerima wang dan mengeluarkan wang dengan tidak ada apa² security atau surety. Ini pun satu perkara yang di-bangkitkan oleh ahli Lembaga saya dan di-harap dapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri supaya dapat di-adakan jaminan terhadap orang² yang memegang wang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengeshorkan supaya Persatuan Peladang ini diperluaskan lagi. Pada masa sekarang ini ketua keluarga sahaja yang boleh menjadi ahli bagi sa-buah Persatuan Peladang Kawasan atau pun yunit². Saya berharap supaya di-luaskan lagi Undang² untuk membolehkan anak² keluarga itu menjadi Ahli Persatuan Peladang Muda dan isteri² keluarga itu menjadi Ahli Persatuan Peladang Wanita. Dengan ini dapat-lah di-beri galakkan dan tunjok ajar kepada belia² kita untuk mengambil bahagian dalam lapangan gerakan Persatuan Peladang. Saya berharap sharat² menjadi ahli sekarang ini dapat di-longgarkan lagi supaya membolehkan sa-lain daripada ketua keluarga itu menjadi ahli, juga orang² yang mempunyai minat untuk memajukan Persatuan Peladang itu supaya dapat masuk menjadi ahli Persatuan Peladang dengan menjadikan Ahli Bersekutu dengan tidak ada kuasa untuk memegang apa² jawatan sa-bagai Ahli Lembaga Pengarah dan lain². Dengan chara ini kita dapat menambahkan modal kita lebih banyak lagi dan dapat kita majukan Persatuan Peladang ini dengan sa-berapa segera-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi memberi penerangan, ia-itu sa-belum akhir tahun ini akan di-tubuhkan Persatuan Peladang Negara atau Persatuan Peladang Kebangsaan. Saya mengalu²kan penubuhan Persatuan Peladang ini dan jikalau boleh dengan sa-berapa chepat-nya mesti di-tubuhkan. Dengan adanya Persatuan Peladang Peringkat Negara, maka dapat-lah Persatuan Peladang Kebangsaan ini memainkan peranan-nya yang penting sa-kali bagi kemajuan peladang² kita dalam negara kita ini dan saya berharap pehak Yang Berhormat Menteri akan mengambil perhatian supaya ahli² Lembaga Persatuan Peladang Negara ini di-pilih atau pun di-lantek untuk mewakili-nya dalam mengaku² badan² yang ada berkaitan dengan urusan peladang sa-bagai sa-orang daripada Ahli Lembaga Padi dan Beras, Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara, Bank Pertanian, FAMA, dan lain². Dengan ini dapat-lah Persatuan Peladang Negara ini memainkan peranan sa-chara terus dengan badan² yang berkaitan. Sekian-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, jika tidak silap ingatan saya, kira² 6 bulan yang lalu suatu Akta bagi Meminda Akta Persatuan Peladang, 1967 telah pun di-kemukakan di-dalam Dewan ini dan pada ketika itu ramai daripada ahli² Kerajaan, pehak Kerajaan telah memberi tegoran² dan kritik² sa-chara membena kepada Yang Berhormat Menteri tentang beberapa keraguan, tentang ada-nya beberapa masaalah yang di-fikirkan tidak begitu konflik, tidak begitu tersusun, tidak begitu boleh menjamin pelaksanaan yang dapat di-jalankan dengan baik mengenai dengan Persatuan Peladang. Maka jawapan yang di-beri oleh Yang Berhormat Menteri pada ketika itu bahawa Akta yang di-bentangkan itu sudah menchukopi, sudah chukop untuk di-jalankan. Pada hari ini dengan takdir Tuhan yang maha kuasa, kebenaran telah lahir di-dalam Dewan ini bahawa apa yang di-sebutkan oleh anggota² dari Kerajaan sa-chara sehat dan membena di-dalam Dewan ini ternyata sekarang ini bahawa terpaksa suatu pindaan baharu di-buat kepada Akta Persatuan Peladang, 1967 dan mengikut kata Yang Berhormat Timbalan Menteri waktu mengemukakan pindaan baharu ini ia-lah supaya dapat di-jalankan dengan lebeh berkesan lagi mengikut apa yang di-rangka di-

dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua berkaitan dengan perjalanan Persatuan Peladang, erti-nya dengan Undang² yang lama dahulu ta' dapat di-jalankan dengan lebeh berkesan, maka dengan pindaan baharu inilah di-harapkan dapat di-jalankan dengan lebeh berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambil menyokong Rang Undang² ini, saya juga memberi sa-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian kerana apakala di-adakannya sa-orang Timbalan Menteri, maka Timbalan Menteri di-beri khusus bertanggung jawab dengan Persatuan Peladang dan perkara ini telah pun saya sebut kira² 6 bulan dahulu bahawa bagi menchapai tujuan dan hasrat saperti yang di-kehendaki oleh pemimpin di-dalam pelaksanaan Persatuan Peladang ini, maka hendak-lah Timbalan Menteri yang di-lantek bagi Menteri Pertanian dan Perikanan ini di-beri tanggungjawab khusus dengan Persatuan Peladang. Jadi, pada hari ini di-dalam Dewan yang mulia ini saya menguchapkan shukor kepada Tuhan kerana apa yang telah di-sebutkan itu telah di-laksanakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Dari penerangan yang di-beri oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, sa-takat ini 90 buah Persatuan Peladang Peringkat Kawasan telah di-tubuhkan, 7 buah Peringkat Negeri telah di-tubuhkan. Di-dalam Malaysia kita ini ada 13 buah Negeri, mengikut anggaran-nya tiap² negeri hendak di-tubuhkan Persatuan Peladang, sa-takat ini ada 7 buah, erti-nya maseh ada 6 buah Negeri lagi yang belum di-tubuhkan. Mengikut kata Yang Berhormat Timbalan Menteri sa-waktu mengemukakan Rang Undang² ini, Persatuan Peladang Peringkat Kebangsaan akan di-tubuhkan pada bulan Mach ini—akan di-tubuhkan pada bulan Mach ini, itu-lah jaminan yang di-berikan di-dalam Dewan ini. Saya menyebut perkataan “pada bulan Mach ini”. Tuan Yang di-Pertua, bukan berti saya tidak perchaya kepada pengakuan yang di-beri, tetapi saya khuatir kalau² bulan Mach itu tidak dapat di-tubuhkan kerana takut kalau² hendak menunggu-nya 6 buah Negeri lagi belum di-tubuhkan, sebab saya khuatir di-dalam penyusunan yang akan di-jalankan ini sa-belum di-tubuhkan Persatuan Peladang Peringkat Kebangsaan perlu-lah di-penohi dahulu Persatuan Peladang Peringkat Negeri. Kalau ini berlaku, maka ramalan

saya ada kemungkinan pada bulan Mach ini Persatuan Peladang Peringkat Kebangsaan tidak dapat di-tubuhkan.

Tuan Haji Ahmad bin Sa'id: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sa-kira-nya ada dua buah Persatuan Negeri kita boleh menubuhkan Persatuan Kebangsaan, ta' payah tunggu 13 buah Negeri.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya faham kerana apa yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat yang lebeh hampir dengan Yang Berhormat Menteri itu, tetapi saya kata tadi, saya khuatir kalau ini berlaku, sebab itu-lah saya membuat ramalan, sama ada tepat atau tidak ramalan saya ini saya menunggu seperti mana tepat atau tidak-nya ramalan yang saya buat enam bulan yang lalu.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Berkenaan dengan tarikh penubuhan Persatuan Peladang Kebangsaan itu di-jadualkan akan di-lancarkan pada 24hb Mach tahun ini, tetapi ini ada-lah di-dalam ilmu Allah, kalau sa-kira-nya tidak jadi dengan sebab sa-suatu hal, saya pun tidak boleh buat apa², tetapi telah di-jadualkan pada 24 haribulan Mach, 1972.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh, shukor dan alhamdulillah, saya dapat tarikh yang tepat—24 haribulan Mach ini. Kenapa, Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa menekankan perkara ini kerana dari pengalaman sedikit sa-banyak yang ada pada saya, yang saya chuba rapat di-saat² yang akhir ini dengan Persatuan Peladang Peringkat Kawasan, mereka sangat² mengharapakan supaya Persatuan Peladang di-Peringkat Kebangsaan ini di-tubuhkan dengan sa-beberapa chepat yang boleh kerana kalau Persatuan Peladang Peringkat Kawasan di-tubuhkan, Peringkat Negeri sudah di-tubuhkan, tetapi jika Persatuan Peladang Peringkat Kebangsaan tidak dapat di-tubuhkan, maka harapan kita akan terhichir di-tengah jalan dalam usaha hendak menolong kaum tani ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa menekankan benda ini, perkara ini Tuan Yang di-Pertua, kerana saya ia-lah anak sa-orang petani yang dapat dudok di-dalam Dewan ini. Saya menyedari bagaimana hasrat kaum tani, bagaimana penderitaan yang dihadapi oleh kaum tani dan bagaimana harapan yang di-letakkan oleh kaum tani

kapada Kerajaan Perikatan yang ada pada hari ini dan menyedari beberapa banyak sokongan yang di-berikan oleh kaum tani kapada Kerajaan Perikatan, ia-itu Kerajaan saya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Fasal 5, Sekshen 12, Akta itu ada-lah dengan ini di-pinda mengikut Akta baharu ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini-lah pindaan yang di-tunggu²kan, sama-lah seperti Ahli Yang Berhormat yang baharu berchakap tadi, ini-lah yang di-tunggu²kan dan kalau ini di-masokkan di-dalam pindaan yang mula², yang enam bulan dahulu, saya tidak berdiri di-dalam Dewan ini sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, sebab kita nampak, dengan tidak ada-nya fasal ini, dengan tidak ada-nya Fasal 5 ini, maka Persatuan Peladang yang ada pada hari ini tidak akan mencapai matlamat seperti yang kita harap²kan di-dalam negara kita yang berjalan mengikut kaedah demokrasi berparlimen ini, Tuan Yang di-Pertua.

Perkara yang paling akhir yang saya ingin sebutkan di-dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap ingatan saya, mengikut undang² yang kita telah luluskan kira² enam bulan yang lalu, Pembantu² Pertanian atau Pegawai² dari Jabatan Pertanian ada-lah buat sementara di-kehendaki tenaga-nya membantu di-dalam usaha penubuhan Persatuan Peladang dan di-dalam usaha memajukan Persatuan Peladang dan juga di-dalam usaha untuk menyempurnakan kehendak² yang terkandung di-dalam Persatuan Peladang. Hal ini amat sedeh sekali, Tuan Yang di-Pertua, kerana melihat keadaan tempat saya sendiri, hasrat kaum tani berkehendakkan kapada Persatuan Peladang ini amat kuat sa-kali, tetapi menghadapi kekurangan pegawai. Apabila di-rundingkan dengan Pengarah Pertanian Negeri, di-rundingkan dengan Pegawai Pertanian di-peringkat daerah, bagaimana-kah chara kita hendak melipat-gandakan usaha untuk menambah Persatuan Peladang ini dengan bersungguh² sesuai dengan hasrat pemimpin, sesuai dengan semangat dan hasrat Menteri, maka tergendala kerana kekurangan pegawai.

Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua saya merayu dengan sa-sungguh-nya, dari hujung kaki sampai hujung rambut kapada Yang Berhormat Menteri saya supaya di-tambahkan pegawai khusus untuk mengelolakan dan

menyusun Persatuan Peladang ini di-kawasan saya kerana kawasan saya tidak berapa lama lagi akan di-jalankan Rancangan Taliayer Besut Yang Kedua. Jadi, ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, dan apabila pegawai itu di-hantar, pegawai² yang akan membantu ini di-hantar, Tuan Yang di-Pertua, penempatan pegawai² hendak-lah di-buat sa-chara yang agak boleh menolong benar² kaum tani, tidak-lah saperti sekarang ini, di-longgokkan di-suatu tempat, sa-hinggakan kaum tani ta' kenal, ta' kenal mana itu Pembantu Pertanian Muda, yang dia akan dapat memberi nasehat, meminta nasehat, tidak-lah saperti mana orang mengenali bidan. Apa salah-nya kalau didalam sistem menempatkan Pembantu Pertanian ini kita mengikuti langkah Kementerian Kesihatan, menempatkan bidan itu di-tempat² dan di-letakkan di-kampong², maka mudah-lah orang menchari apakala di-kehendaki, tetapi sekarang ini kalau kita hendak menchari Pembantu Pertanian yang boleh memberi nasehat dan fikiran, atau pun yang boleh memberi pengajaran kepada kaum tani, kadang² kaum tani tidak jumpa hendak chari rumah, terpaksa menunggu di-pejabat; maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak menolong kaum tani ini berilah semangat kepada Pegawai² Pertanian ini, tidak terikat kepada kerja 8 pagi hingga 4 petang. Bukakan-lah masa bukakan-lah pintu rumah mereka itu kepada kaum tani dengan sa-luas²-nya, supaya tidak menentukan masa pejabat sahaja yang dapat kaum tani ini meminta nasehat. Biarkah-lah mereka itu dudok berdamping dengan ra'ayat, dengan kaum tani supaya kaum tani dapat nasehat, supaya kaum tani dapat bergaul begitu rapat dengan Pembantu² Pertanian. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan beranyak² terima kaseh di-atas pandangan Ahli² Yang Berhormat dari Seberang Selatan dan Besut berhubung dengan pindaan Akta Persatuan Peladang, 1967 ini.

Saya tidak berchadang hendak mengulas satu persatu, tetapi Kementerian Pertanian dan Perikanan berjanji akan menyelidek dan mengkaji tiap² satu yang telah di-shorkan atau yang di-beri pandangan oleh Ahli² Yang Berhormat tadi, chuma satu dua yang perlu saya sebutkan di-sini, ia-itu atas shor yang di-berikan oleh Yang Berhormat dari Seberang Selatan sa-bentar tadi, supaya

Persatuan Peladang Peringkat Kebangsaan itu di-namakan Persatuan Peladang Peringkat Negara. Menurut istilah saya Peringkat Negara itu ada-lah agak umum dan tidak menepati sa-benar² maksud dan tengkatan yang kita chadangkan. Jadi, bagi saya memandang nama kebangsaan itu ada-lah lebeh tepat daripada nama negara, kerana tiap² tengkat Persatuan Peladang ini ia-itu pada yunit kawasan-nya di-kampong², kemudian kawasan negeri dan perengkat yang meliputi seluroh negara tentu-lah tepat kalau di-katakan perengkat kebangsaan; bukan perengkat negara. Jadi, untok itu saya rasa tidak-lah perlu di-pinda kepada nama Persatuan Peladang perengkat negara saperti yang di-ma'alum.

Sa-lain daripada itu mengenai tanda-tangan chek, saham dan sa-bagai-nya yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Patut juga saya terangkan di-sini, tetapi kerana masa terlalu sengkat, biar-lah soal ini kita ambil ingatan insha' Allah, soal itu kita akan kaji supaya dapat Persatuan Peladang ini dapat di-perlichinkan, di-perkemaskan dan dapat menuju kepada matlamat-nya atas maksud supaya Persatuan Peladang ini benar² mewakili keseluruhan ahli² petani kita di-negara ini. Memang itu-lah tujuan dan matlamat kita.

Dan atas pandangan Yang Berhormat itu supaya hasil² pertanian yang di-keluarkan oleh pak² tani kita ini mesti-lah di-tentukan harga-nya oleh petani² sendiri. Memang inilah matlamat dan tujuan kita, tetapi sa-takat mana dan bila-kah matlamat ini akan dapat di-chapai tergantung-lah kepada kesanggupan, kebolehan dan kecekapan pekerja daripada perengkat petani² dan juga perengkat Kerajaan kita sendiri. Insha' Allah soal itu akan dapat kita hasilkan sa-dapat²-nya dan sa-kuat² tenaga kita supaya dapat menchapai matlamat itu dalam jangka waktu yang sa-sengkat²-nya.

Sa-lain daripada itu, pandangan Ahli Yang Berhormat dari Besut mengenai penubuhan Persatuan Peladang Perengkat Kebangsaan ini ada-lah di-ragu²kan. Saperti yang di-umumkan oleh Menteri sebentar tadi ia-itu pada tanggal 24hb Mach ini, saya berharap tarikh itu, dengan izin Allah, saya katakan tadi akan tidak berubah daripada waktu ini dan kita tidak perlu menanti sa-hingga 13 Persatuan Peladang Perengkat Negeri di-bentok baharu di-tubuhkan perengkat

kebangsaan. Di-sini suka-lah saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat dari Besut bahawa kalau tidak ada aral-melintang pada tanggal 2hb Mach ini Persatuan Peladang Perengkat Negeri negeri Trengganu akan di-tubuhkan dan pada tanggal 4hb Mach Persatuan Peladang Perengkat Negeri Pulau Pinang akan di-tubuhkan dan sa-sudah itu perengkat Negeri Kedah dan Perlis sedang dalam proses-nya, insha' Allah, soal itu akan dapat dan kita harap di-tubuhkan sa-belum tanggal 24hb Mach itu.

Berhubung dengan kekurangan pegawai yang boleh melemahkan kecekapan dalam Persatuan Peladang, memang ini amat dirasakan. Memang ini-lah satu²-nya sa-takat ini yang melengah atau melambatkan tertubuh-nya Persatuan² Peladang di-perengkat kawasan dan perengkat negeri itu. Di-sebabkan Pegawai² Pertanian ini ada-lah Pegawai Iktisad yang perlu di-lateh beberapa tahun, terutama sa-kali untuk menjadi Pengurus Besar sa-kurang²-nya pegawai ini mesti lulus di-Kolej Pertanian, Serdang, selama tiga tahun. Maka sebab itu-lah kekurangan pegawai ini tidak dapat kita atasi dengan sa-berapa chepat. Lebeh² lagi ada di-antara pegawai² ini yang begitu cekap, begitu bagus dan begitu rajin terpaksa berhenti daripada jabatan Kerajaan, kerana memilih pekerjaan yang lain. Jadi, ini-lah satu daripada sebab-nya melengah atau melambatkan proses penubuhan Persatuan Peladang ini lebeh chepat. Tetapi, insha' Allah, kita berharap kerjasama Ahli² Yang Berhormat sakalian, perengkat kebangsaan Persatuan Peladang ini akan dapat di-perbentok sa-chepat²-nya.

Sa-lain daripada itu atas pandangan Ahli Yang Berhormat dari Besut juga ada pegawai² Kerajaan, Pegawai Pertanian Muda dan sa-bagai-nya yang susah di-chari. Ini rasa-nya akan dapat kita atasi beransor² dengan ada-nya rumah² Persatuan Peladang dapat di-dirikan dalam kawasan² Persatuan Peladang ini, kerana rumah² Persatuan Peladang ini akan di-dirikan di-pekan² kecil di-kampung² mengikut tempat yang sesuai dan di-situ-lah akan di-tubuhkan pejabat dan juga tempat pegawai ini menjalankan tugas-nya.

Berhubung dengan pegawai² bekerja lebeh masa, saya mengucapkan tahniah kepada Pegawai² Pertanian ini di-perengkat² yunit kecil yang sudah tertubuh dan ada di-antara

mereka yang telah bekerja dengan tidak mengira masa. Barangkali ada tempat² yang belum ada rumah Persatuan Peladang ini barangkali ada berlaku susah di-chari pegawai² dan juga tidak dapat berchampongaul dengan ra'ayat di-tempat itu, tetapi di-mana tempat² rumah Persatuan Peladang ini telah di-dirikan kita boleh melihat pegawai² ini bekerja sa-hingga ada masa-nya sampai pukul 8.00 malam. Jadi, saya sa-sungguh-nya amat berbangga dengan tugas² yang telah di-tunjokkan oleh pegawai² kita yang benar² dapat memahami hasrat Kerajaan dan dasar Kerajaan dan juga dapat memahami isi hati pehak petani² kita supaya taraf hidup mereka dapat di-atasi dengan sa-berapa chepat yang boleh.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, atas penjelasan saya dengan sa-berapa ringkas itu, sa-kali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih, dan mudah²an dengan ada-nya (Pindaan) ini Persatuan Peladang akan bergerak lebeh maju lagi.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*).

Fasal 1 hingga 9 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² PERSATUAN NELAYAN (PINDAAN)

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin mengemukakan Rang Undang² Persatuan Nelayan (Pindaan), 1972 di-bacha bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Persatuan Nelayan, 1971 telah di-siarkan sebagai Akta Bilangan 44 pada 2hb September, 1971.

Dalam masa yang singkat ini sambutan yang di-beri oleh nelayan² ada-lah menggalakkan dan Kementerian ini telah membuat kesiapan² ka-arrah penubohan Persatuan² Nelayan di-bawah Akta ini.

Oleh kerana prinsip² dalam Akta Persatuan Nelayan, 1971 pada keseluruhannya bersamaan dengan prinsip² dalam Akta Persatuan Peladang, 1967 maka ada-lah di-fikirkan amat sesuai bahawa segala pengalaman² yang telah di-alami dan diperolehi oleh Persatuan² Peladang yang bergerak di-bawah Akta Persatuan Peladang, 1967 itu di-ambil perhitungan dalam usaha Penyusunan awal mengenai penubohan Persatuan² Nelayan ini supaya Persatuan² Nelayan ini dari peringkat permulaannya dapat bergerak dengan terator dan lichen.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Persatuan Peladang, 1967 telah di-luluskan pindaannya dalam mesuarat Dewan ini sa-bentar tadi dan sejajar dengan itu ada-lah juga perlu di-buat pindaan yang sama kepada Akta Persatuan Nelayan, 1971. Saya telah pun memberikan penjelasan dalam Dewan ini mengenai Rang Undang² Persatuan Peladang (Pindaan), 1972 dan oleh kerana penjelasan² itu ada-lah sama bagi Rang Undang² Akta Persatuan Nelayan (Pindaan), 1972, ini maka tidak-lah perlu saya mengulang memberi penjelasan lanjut atas Rang Undang² ini.

Fasal 2

Rang Undang² ini bertujuan untuk menukar nama gabungan dari dua atau lebih daripada dua Persatuan Nelayan Negeri (yang sa-lama ini di-kenali sebagai Persatuan Nelayan Persekutuan) kepada Persatuan Nelayan Kebangsaan.

Fasal 3

Rang Undang² ini untuk menyatakan dengan jelas-nya tujuan² dan kuasa² sa-suatu Persatuan Nelayan Kawasan.

Fasal 5 (a)

Rang Undang² ini ada-lah berkaitan dengan pemilihan atau perlantikan suatu Lembaga Pengarah dan perlantikan sa-orang Pengurus Besar dan lain² pegawai sesuatu Persatuan Nelayan.

Fasal 5 (c)

Rang Undang² ini memperuntokan supaya Ahli² Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan pada semua peringkat mesti-lah terdiri dari Warganegara Malaysia.

Fasal 5 (f)

Rang Undang² ini memperuntokan keadaan² yang selanjut-nya dalam mana sa-orang Ahli Lembaga Pengarah di-sifatkan sebagai mengosongkan jawatannya.

Fasal 7

Rang Undang² ini bertujuan untuk memasukkan peruntokan² baharu berhubung dengan pertikaian² yang tertentu, rojokan pertikaian itu kepada Pendaftar untuk keputusan-nya rojokan oleh Menteri ka-Mahkamah Tinggi akan sesuatu soalan Undang² yang timbul dalam perjalanan langkah² berhubung dengan rayuan terhadap keputusan Pendaftar atau penimbangantara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Richard Ho Ung Hun (Sitiawan): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya minta izin supaya berchakap dalam bahasa Inggeris juga di-mana² yang perlu dan sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyentoh sa-chara ringkas sahaja kepada pindaan² yang di-chadangkan kepada seksyen² 5 dan 18 Akta Ibu ia-itu Akta Persatuan Nelayan, 1971. Dengan kelulusan pindaan kepada seksyen 5 daripada Akta Ibu itu ia-itu yang di-chadangkan di-dalam Fasal 3 Rang Undang² ini, tujuan² dan kuasa² sa-suatu Persatuan Nelayan Kawasan akan lebih nyata dan jelas. Dengan kelulusan nanti pindaan yang lain itu sa-orang pendaftar atau pun sa-orang penimbangantara atau arbitrator akan diberikan kuasa memutuskan pertikaian yang akan di-rojokkan kepada mereka sa-bagaimana yang di-nyatakan di-dalam Fasal 7 dalam Rang Undang² ini.

Tuan Yang di-Pertua, mari-lah kita tinjau sa-pintas lalu kapada pindaan kapada Sekshen 5 yang di-chadangkan di-dalam Fasal 3 Rang Undang² ini, yang antara lain mengatakan tujuan memajukan ekonomi dan masharakat atau kesentosaan ahli² Persatuan Nelayan yang sudah tentu terdiri dari sa-bahagian penting daripada masharakat kita. Saya rasa dengan peruntokan pindaan ini sahaja, masalah ekonomi dan kesentosaan nelayan kita tidak akan di-atasi.

Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, di-samping ada-nya peruntokan ini Kerajaan harus mengambil langkah² yang sesuai yang persatuan² itu hanya boleh memohon dan membuat chadangan kapada Kerajaan. Mithal-nya saperti Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan tentu sedar indastari perikanan di-Pulau Pangkor negeri Perak makin sa-hari makin merosot dan telah mengakibatkan kekurangan ikan bilis di-pasaran domestic kita. Ikan temenong pun telah lenyap daripada laut yang biasanya kaya dengan ikan² itu.

(Dengan izin): Sir, in this connection I would refer very briefly to the plight of the Pangkor Island fishermen. The plight of generations of fishermen on Pulau Pangkor, Sitiawan, was once again highlighted by a visit of His Highness the Sultan of Perak who personally received representations from the people there on the 1st of this month. The Royal concern over the welfare of the people there, coming as it did when fish, that is to say, ikan temenong, ikan bilis, have once more disappeared from the fishing grounds, was very much appreciated. Sir, in fact, a large fleet of fishing boats involving about 4,000 fishermen has stopped going to sea owing to this, thereby frustrating the major industry of Pulau Pangkor, drastically affecting the island's economy. Sir, year in and year out, from generation to generation, the fishermen's plight alternated between the bumper catches which would glut the market and no catch at all.

Tuan Yang di-Pertua, di-sini saya suka menanya, apa-kah Kementerian yang berkenaan akan buat tentang masalah yang rumit itu? Tetapi harus saya di-tanya balek, apa-kah Kementerian itu dapat buat jika ikan² di-laut lenyap dari sa-masa ka-sa-masa—apa-kah boleh buat? Saya fikir ada-lah wajar, jika saya ulangi satu cha-

dangan yang agak berusia lama juga ia-itu bantuan Kerajaan serta panduan patut diberi untuk membuat kilang mengetinkan ikan² di-Pulau Pangkor atau di-kampong² nelayan sendiri dan bukan di-biarkan canning indastari tentang ikan di-uruskan oleh taikun² saperti Amoy Canning yang tidak begitu menguntongkan nelayan² tempatan sendiri. Dengan chara itu apabila ikan banyak di-tangkap kilang mengetinkan ikan dapat di-jalankan, dan apabila ikan kurang di-tangkap keuntungan dari indastari kilang itu dapat menjadi satu buffer yang dapat menangkiskan pukulan ketiadaan ikan yang telah dan akan lagi di-alami oleh nelayan² itu yang telah menjadi masharakat kita yang tiada dari satu jenerasi ka-satu jenerasi lagi.

Sir, in this connection, His Royal Highness the Sultan of Perak called upon the fishermen not to depend wholly upon the sea for their livelihood but also to seek a supplementary alternative on land when catches are poor. I would echo this advice, but I would also at the same time call upon the Ministry of Agriculture and Fisheries to work with the relevant State authorities to take up this Royal suggestion and perhaps to make possible the grant of land to these fishermen who may wish to have it for the purposes of cultivation during bad seasons.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kontek ini juga pindaan tersebut akan menghampakan nelayan² kita juga jika sikap pehak tertentu tidak lebeh aktif terhadap kemahuan yang fundamental nelayan² kita. Mithal-nya lebeh kurang dalam tahun 1968, satu permohonan telah di-buat oleh nelayan² di-Pulau Pangkor supaya dua buah Light House di-buat di-Batu Mandi dan juga di-Scorpion Point berdekatan dengan Pulau Pangkor itu. Saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, Light House telah di-bena, akan tetapi yang malang-nya lampu² isharat yang patut di-pasangkan dalam Light² House itu belum lagi di-pasang. Apa guna-nya bila dua buah Light House, Tuan Yang di-Pertua, kalau di-dalam-nya tidak ada lampu? Di-sini saya suka minta izin merujuk sedikit surat-menyurat dalam perkara ini.

Pada 19hb Februari, 1970, saya sendiri pun telah menerima sa-puchok surat daripada Pegawai Perikanan Perak yang berbunyi saperti berikut:

“Berhubong dengan surat tuan bertarikh 18hb Februari, 1970 berkenaan

dengan perkara yang tersebut di-atas, dua buah lampu isyarat baharu telah sampai ka-Ibu Pejabat Kuala Lumpur. Tindakan telah di-ambil untuk menghantarkan lampu ini kepada tuan Jurutera Kerja Dindings dan di-harap tiada berapa lama lagi lampu itu akan di-pasangkan."

Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, hal ini tidak jadi. Dan kemudian saya pun telah di-gesa oleh nelayan² di-Pulau Pangkor menulis sa-puchok surat lagi yang telah di-alamatkan kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian, Kuala Lumpur yang berbunyi antara lain seperti berikut:

"... lampu² itu sampai masa sekarang pun belum di-pasang dan kami perchaya sudah nyata-lah kelalaian dalam perkara ini sudah berlaku oleh pihak tertentu yang berkenaan."

Sa-tahu saya sa-hingga sa-minggu dahulu, Tuan Yang di-Pertua, lampu² itu pun belum di-pasang dan saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu boleh menchari sedikit masa untuk menyiasat hal ini supaya lampu² itu di-pasang dengan segera dan jangan lagi di-sebabkan nelayan² itu menunggu² sahaja seperti buah durian yang tidak kunjong jatuh.

Tuan Yang di-Pertua, mari-lah kita perhati pula Fasal 7 Rang Undang² yang ada di-hadapan Dewan ini. Peruntukan baharu ini memang satu peruntukan yang berguna, tetapi apa yang lebeh penting ia-lah bagaimana chara pertikaian² di-antara nelayan² kita dapat di-elakkan.

Sir, it is a question of whether it is better to have prevention or to have a cure. I would refer very briefly, in conclusion, Sir, to a few suggestions which I believe were made by the Perak State Government which would bear repetition in this House for the consideration of the Honourable Minister, and this relates to the suggested positive steps to be taken for the prevention of clashes between the inshore fishermen and the trawler fishermen.

According to this report, Sir, the first suggestion was to have more patrol boats and enforcement officers to prevent possible clashes between inshore and trawler fishermen. The second, Sir, was that the fishermen of our country should be educated so that they would switch from inshore fishing to trawler fishing, which, I believe, is much

more lucrative. Thirdly, Sir, there was a suggestion to have arrangements made with other countries to allow our fishermen to fish in international waters. It is said, Sir, that countries like Japan and Taiwan have already undertaken this sort of project as their coastal seas are getting more and more crowded just like ours. Sir, if these steps could be taken up perhaps it would also ease the situation somewhat and it would prevent clashes at source which would be much, much better than to have clashes and then bring disputes before the Tuan Pendaftar or before the Arbitrator which would be extremely expensive. With that, Sir, I would sit down. Thank you.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan sedikit ketika mana Rang Undang² Persatuan² Nelayan ini di-bawa di-dalam Dewan ini, ia-itu saya ingin menarek perhatian Yang Berhormat Menteri Perikanan tentang kedudukan nelayan² kita yang memang payah untuk kita himponkan di-bawah Persatuan² yang di-bentok oleh pihak Kerajaan. Ini ia-lah kerana kebanyakan nelayan² kita ini terdiri daripada orang² yang kurang berpelajaran dan kurang mengetahui keadaan selok-belok yang menguntongkan nasib mereka pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, hal ini berlaku dengan sebab apa yang telah saya perkatakan dan dengan sebab penjelasan yang lebeh terang tidak di-beri kepada mereka dengan sa-chara mengadakan dialog² dan pandangan untuk pihak Kerajaan menolong mereka bagi membela nasib mereka di-masa yang akan datang. Dengan sebab itu-lah sa-hingga hari ini, walau pun ada beberapa Akta² yang terlibat dengan nelayan yang di-buat oleh pihak Kerajaan, tetapi nasib kaum nelayan² maseh berada dengan keadaan yang biasa juga dan chara mereka menjalankan perusahaan perikanan ini ia-lah dengan chara yang lama dan maseh belum begitu modern. Apatah lagi kepada mereka² yang berada di-sabelah Pantai Timor di-mana keadaan mereka maseh dengan chara yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mengadakan usaha yang bersungguh² untuk membela nasib kaum nelayan ini. Dalam hal memberi bantuan, saya nampak pihak Kerajaan maseh belum begitu jelas dalam chara dan bentok memberi bantuan

kapada kaum nelayan dengan sebab kita tahu bahawa kaum nelayan di-negara kita ini khas-nya di-Pantai Timor ada beberapa kelas yang terdiri daripada beberapa jenis. Pertama mereka² yang hanya menjadi pekerja sahaja di-kalangan nelayan² ini dan mereka ini-lah yang sunggoh² menderita dari segi penghidupan mereka. Dengan sebab keuntongan² yang di-dapati hasil daripada pencharian ikan di-laut sana ada-lah kechil di-dapati oleh mereka dan yang banyak di-dapati ia-lah kapada towkeh² atau pun orang² yang mempunyai alat² ia-itu yang mempunyai pukut, motor, dan sa-bagai-nya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, orang² yang saperti ini harus di-fikirkan oleh pehak Kerajaan, ada-kah kita mahu mereka berada dengan keadaan demikian sa-lama²-nya, atau kita mahu mengubahkan nasib mereka dengan meninggikan sedikit pendapatan mereka yang bererti mereka harus di-bentok dengan satu chara baharu mengikut keadaan yang sesuai di-zaman sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak walau pun ada-nya Lembaga² yang di-bentok oleh Kerajaan, tetapi pembelaan terhadap orang² ini tidak begitu ketara dan saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan harus memikrkan satu chara dan kalau boleh mengemukakan di-dalam Dewan ini sama ada merupakan Akta² Tambahan atau pun apa sahaja yang memberi faedah kapada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu ada juga mereka yang di-namakan kaum nelayan yang lebeh tinggi sedikit daripada orang² yang tersebut, ia-itu mereka yang mempunyai modal sedikit, tetapi hanya mereka mempunyai pukut² yang kechil dan mempunyai perahu yang kechil dan orang² ini ada-lah menchari penghidupan di-laut dengan chara-nya yang tersendiri. Ini pun demikian juga keadaan-nya proses untuk memajukan mereka tidak di-jalankan oleh Kerajaan sa-hingga hari ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang lagi-kah Ahli Yang Berhormat?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Ada lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kita sambong besok sahaja!

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Baik-lah, Tuan Yang di-Pertua.

PENANGGOHAN

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan supaya meshuarat ini di-tanggohkan sekarang.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCHAPAN² PENANGGOHAN

SIJIL² KEWARGANEGARAAN KAPADA PEMOHON² LULUS UJIAN BAHASA MALAYSIA— MENGELUARKAN

Tuan Chan Fu King (Telok Anson): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, as we are aware, there are many people who have made applications, and are still making applications, to become citizens of this country at present as well as in the past.

We have noticed with dismay that many of these applications have been rejected by the Government. Among the rejected applications, many were made under Article 19 through Form G. Many of these applications have been rejected by the authorities even though the applicants have passed the required Bahasa Malaysia test.

It is true that these applicants do not possess birth certificates. However, we should appreciate that most of these people have very good reasons for not possessing birth certificates. Most of these applicants were born during the Japanese Occupation. It was not uncommon then that children born at that time were not reported to the authorities concerned; those were very abnormal and difficult times. And for those few who had their births reported they could very well have had their birth certificates lost or burned during the unsettled times of the Japanese Occupation. So, today many people are without birth certificates either through the ignorance or carelessness of their parents or because of the abnormal and unsettled times of the Japanese Occupation.

Mr Speaker, Sir, humanitarian reasons dictate that these unfortunate people should not be penalised for the sins of commission and omission of their parents or the vagaries

of circumstances. This should be so particularly in regard to the estate workers who have contributed in no small way to the development of our country.

In fact, these people who are born in this country but do not possess birth certificates for reasons given a moment ago, have been required to apply for citizenship under Article 19 through Form G, thus putting them in the same category as people born in foreign countries but who have stayed in Malaysia for a period of years. This is rather unfair.

However, unfortunately, as I have said, these applicants more often than not have their applications rejected by the Government, even though they may have the necessary qualifications. We must remember that these applicants are loyal to King and Country. They have nowhere else to go and they have no greater desire than to become citizens of Malaysia. That is why they have been so persistent in their applications for citizenship.

I urge the Government to allow these people who have their applications rejected to re-apply. I call on the Government to consider their fresh applications with great sympathy and humanity. Thank you.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob) Tuan Yang di-Pertua, ujian bahasa di-kenakan ka-atas dua jenis pemohon² bagi ke-ra'ayatan atau kewarganegaraan, ia-itu :

- (1) di-bawah Perkara 16 Perlembagaan, ia-itu sa-chara pendaftaran (by registration); dan
- (2) di-bawah Perkara 19 Perlembagaan, ia-itu bagi naturalisation.

Bagi jenis yang pertama di-ma'alumkan ia-itu lulus ujian bahasa Melayu ada-lah hanya memenohi satu daripada syarat² atau kehendak² Perlembagaan. Di-samping itu, pemohon² di-bawah perkara² ini ada-lah juga di-kehendaki memenohi syarat² Perlembagaan yang lain, di-antara-nya ia-lah mempunyai kelakuan yang baik dan berniat hendak bermastautin tetap di-negeri ini. Sa-telah Kerajaan berpuas hati bahawa segala syarat² telah di-penuhi, maka baharu-lah Sijil² Kewarganegaraan di-keluarkan.

Berkenaan pemohon² yang belum dapat keputusan, ada beberapa sebab kenapa permohonan mereka mengambil masa yang panjang untuk mendapat keputusan. Sebab² di-antara lain-nya ia-lah :

- (1) Untuk menentukan kelakuan sa-saorang pemohon Polis terpaksa menyiasat dan ini akan mengambil masa.
- (2) Pemohon² tidak memberitahu dalam permohonan mereka yang mereka telah di-hukum oleh mahkamah kerana kesalahan jenayah. Dengan sebab itu, mereka terpaksa di-bawa ka-mahkamah dan keputusan mahkamah akan mengambil masa.
- (3) Pemohon² tidak mengisi Borang Permohonan mereka dengan sempurna. Oleh itu, banyak surat-menyurat di-antara Pejabat Pendaftaran dengan pemohon itu, tambahan pula pemohon sudah pindah tempat kediaman dengan tidak memberitahu Pejabat Pendaftaran. Surat² yang di-alamatkan kepada mereka tidak dapat di-hantar.
- (4) Pemohon² sa-masa membuat permohonan tidak menghantar bersama² bukti surat bichara atau pun dokumen saperti yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, ia-itu surat² beranak.

Sungguh pun bagitu pehak Kementerian ini dan juga pejabat yang berkenaan sentiasa memberi timbangan kepada pemohon² yang ta' ada surat beranak, sudah pun beribu² permohonan yang ta' ada surat beranak telah pun di-luluskan.

Bagi menjawab perkara yang kedua, yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pendaftaran telah mengambil langkah² menambahkan kaki-tangan-nya untuk menyegerakan pengeluaran Sijil Kewarganegaraan di-bawah Perkara 16.

Mengenai permohonan di-bawah Perkara 19, sa-kira-nya Kerajaan telah berpuas hati bahawa pemohon² telah memenohi segala kehendak² yang termaktub di-dalam Perlembagaan, termasuk lulus di-dalam ujian bahasa Melayu, Sijil² Kewarganegaraan akan di-keluarkan kepada mereka. Memang pehak Kementerian ini dan juga pehak pejabat yang berkenaan sentiasa menimbang-kan mana² permohonan² yang telah di-tolak

dahulu pada waktu ini dan memang menjadi hasrat pejabat yang berkenaan dan juga Kementerian ini memberi timbangan yang adil kepada semua pemohon Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Fan Yew Teng: Boleh-kah Timbalan Menteri memberi jaminan bahawa di-bawah Sekshen 16 orang² yang

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini penjelasan apa² Ini pertanyaan baharu. Dalam Uchapan Penanggoan tidak boleh bersoal jawab. You cannot use this period as a pretext for question time.

Tuan Fan Yew Teng: Bukan, I want a technical point about

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: No, you cannot ask. I will not allow that. The speech has been made and the reply has been made. If the Honourable Member is not satisfied, another speech could be made on another occasion or a letter could be written to the Minister.

Dewan ini di-tanggohkan hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 8.42 malam.